



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)

SHAH ALAM, 10 APRIL 2014 (KHAMIS)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Hajah Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

Y.B. Dato' Dr. Seri Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana Binti Razali
Penolong Setiausaha

Puan Diana Binti Shuwardi
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Mohd. Hafizan Bin Yusoff
Encik Redzuan Bin Adam
Encik Hairudin Bin Omar
Bentara

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaukum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang keempat 10 April 2014 dimulakan dengan bacaan Doa.

I. BACAAN DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat yang seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat pagi semua. Sekarang saya jemput Balakong.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Puan Speaker, Aturan Tetap 24 (2) saya ingin ambil soalan Balakong.

TUAN SPEAKER: Ya, Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Aturan 24 (2) saya ingin ambil soalan Balakong.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK: PENGURUSAN SAMPAH

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kos pengurusan sampah domestik dan sampah pukal yang dibelanjakan setiap tahun mengikut PBT masing-masing.
- b) Berapakah penjimatannya dan keberkesanannya sekiranya dibandingkan dengan zaman pengurusan oleh AFSB?

TUAN SPEAKER: Ok. Soalan 31 ya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, kos pengurusan sampah domestik dan sampah pukal yang dibelanjakan mengikut PBT bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	2012 (RM)	2013 (RM)
1.	MBSA	18.9 juta	12.29 juta
2.	MBPJ	45.4 juta	27.91 juta
3.	MPSJ	20.4 juta	19.4 juta
4.	MPKj	16.72 juta	21.41 juta
5.	MPS	18.96 juta	18.89 juta
6.	MPK	15.13 juta	20.17 juta
7.	MPAJ	14.77 juta	4.35 juta
8.	MPSp	7.03 juta	2.29 juta
9.	MDKS	3.7 juta	4.4 juta
10.	MDKL	3.8 juta	3.28 juta
11.	MDSB	1.97 juta	3.42 juta
12.	MDHS	8.30 juta	7.71 juta
Jumlah		175.08 juta	145.52 juta

Sementara perbandingan di antara masa Alam Flora (AFSB) mengendalikan sampah ini dengan selepas Alam Flora mengambil alih, perbandingannya adalah seperti berikut dari segi penjaminannya.

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Semasa AFSB Setahun (RM)	Selepas AFSB Setahun (RM)
1.	MBSA	22,402,126.68	18,909,789.28
2.	MBPJ	60,800,000.00	45,400,000.00
3.	MPSJ	28,270,000.00	20,400,000.00
4.	MPKj	23,040,000.00	16,721,847.60
5.	MPS	29,596,009.67	18,965,196.10
6.	MPK	19,075,296.96	15,135,378.00
7.	MPAJ	18,626,358.60	14,779,440.00
8.	MPSepang	7,881,918.00	7,036,237.44
9.	MDKS	4,000,000.00	3,700,000.00
10.	MDSB	3,809,891.00	1,977,240.00
11.	MDHS	Tiada Berkaitan	
12.	MDKL	3,202,744.32	3,802,274.40
Jumlah		220,704,345.23	166,827,402.82

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya semasa PBT masing-masing mengambil alih pengurusan sampah ini wujudnya satu keadaan di mana dalam Jawatankuasa Tender, kontraktor yang tawarkan harga terendah dipilih tetapi dalam praktiknya dalam hakikatnya mereka tiada kapasiti untuk lakukan dan menyebabkan banyak isu-isu yang berbangkit sehingga PBT terpaksa masuk untuk mengambil alih. Jadi adakah keadaan atau polisi ini telah ditukar supaya hanya kontraktor yang berkualiti walaupun harganya bukan terendah dipilih untuk kontrak-kontrak pengutipan sampah ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, memang pada permulaannya ada masalah sedemikian kerana kontraktor kita belum lagi menyesuaikan diri dengan keadaan pasaran. Jadi memang ada masalah tetapi bukan masalah yang serius sehinggakan semua kerja tidak dibuat. Ada masalah tetapi selepas dilaksanakan keadaan ini sudah berkurangan dan langkah-langkah sedang dikaji untuk memperbaiki lagi sistem ini kerana sistem ini buat masa ini adalah yang terbaik kerana ia menjimatkan kos dan memastikan bahawa tidak ada perkara-perkara yang melibatkan amalan rasuah boleh dielakkan dengan sebaik-baiknya. Memang kita mengakui ini bukan sistem yang paling sempurna tetapi sistem yang cuba kita perbaikinya. Sekiranya tidak ia akan melibatkan ketidakseragaman di semua peringkat. Jadi termasuk juga antara langkah yang akan difikirkan untuk memperbaiki sistem yang ada sekarang ini adalah kita akan mengenakan cagaran, misal cagaran 10% atau 20% apabila memasuki tender. Kalau kontraktor itu gagal untuk melakukannya selepas mendapat tender, maka kita akan merampas cagaran 10% atau 20%. Itu antara yang sedang dikaji dan kita tidak akan mengambil langkah yang terburu-buru, kita nak pastikan satu sistem yang lebih adil untuk kontraktor, tetapi juga satu sistem yang adil untuk PBT dan sudah tentu adalah untuk manfaat rakyat keseluruhannya. Terima kasih.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Pernah tak Kerajaan Negeri ada rancangan untuk membuat kajian pelanggan (*customer survey*) dengan izin supaya kita tahu tahap perkhidmatan kutipan sampah tidak turun apabila kita menjimatkan sikit, saya beri contoh di MBPJ kita jimat 25%. Adakah penjimatan ini *being compromised by the customer service* ? dengan izin.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, sudah tentu kita tidak ada kompromikan faedah atau kepentingan rakyat demi untuk menjimatkan kos. Sementara itu kita juga telah melaksanakan langkah-langkah di mana PBT sendiri menambahkan pekerja dalaman (*inhouse service*) dan sasaran kita adalah kita akan menambahkan kerja-kerja *inhouse* ini sehingga 30% dan ini adalah satu langkahnya untuk mengatasi masalah ini. Kita tidak ada kompromi dalam perkara ini.

Sebenarnya daripada kajian, kalau nak ikut kajian kita ada sudah melantik EXCO telah melantik satu syarikat yang bebas untuk membuat *survey* setiap enam bulan persembahan PBT bukan sahaja dalam pembersihan sampah tetapi keseluruhannya termasuk persembahan YDP, Datuk Bandar kita dan juga pegawai-pegawai berkenaan. Jadi kita akan membuat setiap bulan dan ini telah pun diluluskan dalam proses untuk melantik perunding ini untuk membuat, setiap 6 bulan maka ada *report card* akan dibentangkan kepada rakyat supaya kita dapat bergantung pada kajian yang saintifik yang bebas untuk kita membuat penilaian yang adil. Sekiranya tidak sekarang ini kita lebih kepada menuding jari, kita biasa kata PBT tak buat, tapi bila semak PBT dah buat, kita kata kontraktor tak pungut sampah, semak dia pungut cuma orang yang buang sampah dia bukan buang di tempat yang sepatutnya, dia buang di tepi jalan, kontraktor dia pungut dia pungut mengikut kontraknya di depan rumah, di kawasan tertentu tapi yang dibuang di tepi jalan yang sepatutnya tidak berlaku tetapi apabila ini berlaku yang dipersalahkan adalah pihak PBT. PBT tak buat tak boleh, buat kena tambah kos, kalau kita panggil inden senang, kalau kita terima aduan, kita nak arahkan kontraktor pergi sekarang ambil sekarang boleh, tapi indennya dia pergi sekali, bersihkan tempat itu kena RM500.00 ada yang kena RM1,000.00 sebab dia dipanggil secara *emergency*. Itu yang kita nak elakkan, kita nak juga mendidik masyarakat bahawa adalah tanggungjawab bersama kita untuk memastikan persekitaran kita bersih. Ini bukan sahaja tugas PBT tetapi juga tugas dan tanggungjawab setiap penduduk memastikan sampah itu dibuang di tempat yang telah pun ditetapkan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya amat bersetuju dengan hujah daripada EXCO tadi cuma satu persoalan ialah bagaimanakah kalau kita mempertingkatkan penguatkuasaan dalam perkara ini di mana kita perlu menghukum mereka yang membuang sampah sesuka hati. Buat sementara waktu saya lihat penguatkuasaan itu masih berkurangan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker bukan masalah penguatkuasaan tetapi disebabkan kekangan undang-undang kita sekarang ini. Sekarang ini kita hanya boleh menguatkuasakan Undang-Undang Kecil di mana Undang-Undang Kecil ini ada kekangannya kerana kalau mengikut Akta Kerajaan Tempatan, denda yang maksimum adalah rendah, dalam kalangan RM 2,000.00, sebab itu saya telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa yang terdiri daripada Penasihat Undang-Undang semua PBT yang telah pun berjaya dalam tempoh 3 bulan menggubalkan satu enakmen baru yang kita akan bentangkan di Dewan ini untuk mendapatkan kelulusan dan sekarang ni Jawatankuasa ini masih dalam proses menyemak dengan pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri bagi memastikan undang-undang ini boleh dilaksanakan dan undang-undang ini antara lainnya kita akan menaikkan

hukuman di mana ada cadangan untuk kerja-kerja vandalisme, kerja-kerja perkara vandalisme, itu kita menganggapnya sebagai perbuatan jenayah yang akan kita minta dikenakan hukuman penjara dan juga denda dia naik. Ya denda dia maksimum dia naik daripada RM2,000.00 sekarang, mungkin ada kesalahan tertentu yang akan kita naik sampai tahap RM50,000.00 ataupun RM100,000.00 kerana kalau tidak ada undang-undang yang mana hukumannya setimpal dengan kesalahannya maka tidak ada ketakutan untuk mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan sedemikian dan ini memerlukan proses yang panjang dan saya jangkakan sudah tentu juga ada bantahan daripada setengah-setengah pihak apabila kita mencadangkan undang-undang yang baru ini kerana dia akan menghukum, dia akan menganggap mengotorkan kawasan itu adalah satu perkara ataupun satu perbuatan jenayah dan perlu dipenjarakan. Itu yang kita sedang kaji dan sudah tentu sebelum kita bantangkan di dalam Dewan ini kita akan dapatkan pandangan daripada berbagai-bagai pihak, itu kita akan pastikan, tapi itu lah yang kami fikirkan cara yang kita tengok dari segi holistik, kita tidak boleh hanya mementingkan pendidikan, buat sebaran maklumat dan sebagainya, tidak mencukupi kalau tidak ada hukuman.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan? Soalan 32 telah dijawab bersekali dengan soalan 27, soalan 33 telah dijawab bersekali dengan soalan nombor 33. Ijok. Tidak hadir. Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Terima kasih Puan Speaker. Soalan no. 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JKKK)

35. JKKK memainkan peranan yang sangat besar kerana mereka mewakili suara akar umbi rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah KPI yang ditetapkan oleh kerajaan negeri kepada Ketua Kampung dan JKKK?
- b) Apakah peranan JKKK bagi membanteras masalah gejala sosial?
- c) Bagaimanakah JKKK dapat berperanan adil dalam pengagihan bantuan kepada rakyat?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Puan Speaker, Sungai Air Tawar. Terima kasih. Soalan Sungai Air Tawar bagi soalan '(a)' berkaitan dengan KPI Ketua Kampung. Ketua-ketua Kampung secara amnya merupakan mereka yang dipilih bagi mengetuai masyarakat dan mewakili kerajaan negeri di peringkat yang peringkat akar umbi. Ketua-ketua Kampung mempunyai prestasi yang dinilai berdasarkan faktor-faktor seperti kerjasama dengan pejabat daerah, kerjasama dengan penduduk program kemasyarakatan yang dianjurkan. Juga dinilai tentang masalah disiplin dan akhlak serta tempoh berkhidmat dan bergantung juga dengan ulasan yang akan dibuat oleh pejabat daerah.

Bagi soalan (b), peranan JKKK dalam membanteras gejala sosial. Secara amnya sebagai seorang Ketua Kampung menjadi tugas dan tanggungjawab untuk menangani masalah-masalah gejala sosial yang dihadapi di kampung masing-masing. Maka kaedah berbentuk ataupun cara JKKK membanteras gejala sosial adalah dengan kerjasama bersama-sama dengan sama ada dengan pihak keselamatan, dengan pihak polis ataupun dengan pihak nazir masjid dan juga dengan beberapa elemen-elemen yang dapat membantu untuk membanteras masalah gejala sosial dan termasuk juga yang telah kita wujudkan yang terakhir ialah PKK Keselamatan Kampung yang telah berfungsi dengan baik dan telah mempunyai rekod daripada pihak polis sendiri mengakui bahawa kadar kecurian kampung ini agak menurun setelah daripada kita menganjurkan PKK yang bergerak aktif untuk menjaga keselamatan kampung.

Yang ketiga (kaitan (c) berkaitan dengan peranan yang adil pengagihan bantuan kepada rakyat. Pada dasarnya JKKK hanya menyalurkan bantuan-bantuan yang diturunkan dari negeri kepada rakyat-rakyat di peringkat yang paling bawah bagi menentukan siapa yang layak dan siapa yang tidak layak. Dan bagi pihak kerajaan negeri, memang kita konsisten sejak daripada awal lagi kerajaan Pakatan Rakyat supaya pengagihan-pengagihan ini mesti sampai kepada mereka yang berhak tanpa mengira apa jenis latar belakang kaum mahupun latar belakang keturunan mahupun latar belakang politik. Apabila mereka ada hak untuk disampaikan, maka mesti disampaikan kepada mereka hak mereka. Namun JKKK pada dasarnya juga tidak mempunyai kuasa untuk memberi bantuan-bantuan kerajaan negeri secara sendirian. Tugas-tugas ini adalah di bawah jawatankuasa seperti *blueprint* kerana tugas-tugas ini adalah di bawah jawatankuasa tetap di mana pemilihan dilakukan secara mesyuarat yang dipengerusikan oleh EXCO sendiri. Namun begitu, sekiranya JKKK mengenal pasti mereka yang layak dan memerlukan bantuan, maka nama boleh dikemukakan kepada urus setia melalui pejabat daerah masing-masing.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Terima kasih Puan Speaker. Kepada pihak-pihak manakah boleh dilaporkan jika Pengerusi JKKK ini gagal berperanan secara adil dalam agihan bantuan-bantuan kepada rakyat? Dan berapakah umur atau usia maksima bagi seseorang pengerusi JKKK di sebuah kampung?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Baik. Untuk soalan yang pertama kepada pihak mana. Banyak pihak untuk dilaporkan tentang salah laku ataupun ketidakadilan kalau sekiranya ada pihak Ketua Kampung sama ada boleh melaporkan terus kepada Penghulu ataupun kepada pejabat daerah, ataupun kepada PKM (Pusat Khidmat Masyarakat) supaya tindakan itu dapat diambil ataupun terus kepada saya terus pun boleh juga. Dan begitu juga soalan yang kedua. Apa soalan kedua tadi?

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Usia atau umur.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Usia. Berkaitan usia ini pada dasarnya kita meletakkan 60 tahun, tetapi ia juga bergantung kepada budi bicara sekiranya 60 tahun itu tengok dari sudut kesihatannya macam 40 tahun maka kita boleh lanjutkan sedikit. Tetapi kalau 60 tahun itu macam 80 tahun, kita berhentikanlah. Terima kasih.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Y.B. EXCO, soalan tambahan berkenaan dengan memandangkan JKKK ini (Ketua-ketua Kampung ini) merupakan suara daripada akar umbi mereka merupakan jambatan (pengantar) di antara kerajaan negeri dengan rakyat di bawah, maka peranan mereka cukup penting. Adakah kerajaan bercadang untuk menambah kebajikan ataupun elaun-elaun Ketua Kampung ini? Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih. Kita memang menjaga kebajikan Ketua-ketua Kampung kita dalam keupayaan yang kita boleh lakukan. Bukan sekadar kita telah naikkan pada tahun 2011 elaun Ketua Kampung kepada RM800, tetapi juga kita juga memberikan elaun untuk mesyuarat RM40 untuk 10 kali mesyuarat (lebih kurang) yang boleh dituntut melalui pejabat daerah. Dan begitu juga sebahagiannya telah ada skim insurans untuk supaya mereka dijaga dan inisiatif ini boleh dilakukan oleh Ketua Kampung masing-masing di peringkat daerah masing-masing. Dan untuk kenaikan elaun ini, kita akan lihat dari sudut prestasi Ketua Kampung daripada masa ke semasa yang saya yakin lambat laun akan naik juga. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya sebab kalau ikut penjelasan Y.B. EXCO tadi cuma Ketua Kampung. Dan kalau tak salah saya, SU sahaja yang menikmati *allowance* ataupun kebajikan yang diberikan oleh pihak kerajaan Selangor ini. Adakah kerajaan Selangor bercadang supaya satu skim yang lebih menyeluruh untuk *cover* (dengan izin) semua ahli jawatankuasa juga JKKK. Sebab pada saya itu adalah satu tanggungjawab bersama walaupun Ketua Kampung memainkan peranan untuk memimpin, tetapi hasil usaha adalah kerja pasukan daripada JKKK itu.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih Rawang. Dari segi *allowance* ini, kita (kerajaan negeri) tidak dan belum bercadang untuk memberikan *allowance* kepada semua JKKK bagi semua jawatankuasa dalam kampung yang dilantik dalam kampung tersebut. Namun, dari segi bayaran-bayaran elaun mesyuarat itu mestilah dibayar kepada semua ahli jawatankuasa yang menghadiri mesyuarat. Bila mereka hadir mesyuarat, mereka mesti dibayar dengan RM40 sekali mesyuarat (untuk setahun 10 kali mesyuarat). Dan selain daripada itu yang lain-lain itu saya fikir beberapa kebajikan bolehlah di peringkat di kampung sendiri supaya dia *standard* dengan kampung-kampung yang lain apakah bentuk kebajikan yang boleh mereka nikmati.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Puan Speaker. Kalau kita lihat Ketua-ketua Kampung yang terdapat di Selangor ini, selain daripada mereka itu menikmati *allowance* ataupun kemudahan-kemudahan peribadi Ketua Kampung, keperluan untuk meningkatkan prestasi ataupun semangat dan komitmen Ketua Kampung ini perlulah ditingkatkan supaya kerajaan negeri menambahkan peruntukan bagi proses penyelenggaraan bangunan-bangunan ataupun prasarana di kampung masing-masing. Adakah kerajaan negeri dalam masa terdekat ini untuk melaksanakan atau memperuntukkan sejumlah bajet yang khusus bagi menyelenggara kemudahan-kemudahan awam ataupun prasarana yang terdapat di kampung-kampung tradisi?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Memang kita dari segi rekodnya kita telah ada peningkatan tiap-tiap tahun terhadap bajet untuk prasarana ini. Tahun lepas kita telah peruntukkan peringkat awal dalam RM4 juta lebih untuk baik pulih untuk jalan, balai raya, jalan-jalan PLB dan tahun ini saja kita telah keluarkan lebih kurang (luluskan) dalam RM6.4 juta untuk jalan-jalan, untuk balai raya, untuk padang-

padang dan sebagainya untuk perparitan. Jadi, peningkatan ini dan kita akan lihat bergantung kepada keperluan masa akan datang. Kalau sekiranya keperluan itu tinggi, maka kita akan boleh difikir untuk penambahan ini.

TUAN SPEAKER: Taman Templer?

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Ya. Peraturan 24(2).

TUAN SPEAKER: Soalan?

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Soalan 36.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ADBUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK: PENGANGKUTAN AWAM PERCUMA

36. Antara janji kerajaan Selangor adalah menyediakan pengangkutan awam percuma dan mesra orang awam termasuklah perkhidmatan bas di Shah Alam, petaling Jaya, Subang Jaya dan Kajang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Bagaimanakah status pelaksanaan janji manifesto ini?
- b) Berapakah kos yang telah diperuntukkan untuk pelaksanaan program ini?
- c) Bilakah program ini mampu dinikmati oleh rakyat Selangor?

TUAN SPEAKER: Pihak kerajaan? Soalan 36.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker. Kerajaan negeri Selangor telah melaksanakan janji seperti yang dinyatakan dalam manifesto Pilihan Raya Umum ke-13 iaitu menyediakan pengangkutan awam percuma di Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya dan Kajang. Program pengangkutan awam percuma atau perkhidmatan bas komuniti di Shah Alam telah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Manakala bagi kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Kajang kajian telah dilaksanakan untuk tujuan pelaksanaan. Kerajaan

negeri Selangor dan PBT berkenaan perlu memberi penelitian yang rapi akan usaha menyediakan pengangkutan awam percuma kerana melibatkan kos dan pelaburan bagi merealisasikan manifesto ini.

Anggaran kos yang perlu ditanggung oleh PBT yang dinyatakan adalah seperti berikut:-

- a) Majlis Bandaraya Shah Alam - kos yang ditanggung oleh MBSA adalah sebanyak RM629,076 setahun. Ini melibatkan kos bagi pembelian bas, kos petrol minyak, servis enjin, pemandu dan kos penyelenggaraan;
- b) Majlis Bandaraya Petaling Jaya - kos yang ditanggung oleh MBPJ adalah sebanyak RM418,000 yang melibatkan pembelian 2 buah bas dan kos penyelenggaraan setahun;
- c) Bagi Majlis Perbandaran Subang Jaya - kos yang ditanggungnya adalah bagi pembelian sebuah bas serta kos penyelenggaraan dan pengurusan adalah sebanyak RM346,000. Manakala kos bagi penyewaan bas adalah RM420,000 hingga RM584,000 bergantung kepada syarikat penyedia bas;
- d) Bagi Majlis Perbandaran Kajang – kos yang perlu ditanggung oleh MPKj adalah sebanyak RM120,000 setahun bagi kos perkhidmatan dengan kaedah pelaksanaan secara kontrak atau perjanjian antara MPKj dan syarikat pengangkutan bas sedia ada.

Perkhidmatan bas komuniti di Shah Alam telah mula beroperasi pada 4 Mac 2014 bermula di Hentian Pusat Bandar Seksyen 14 dan melalui Seksyen 2, 7, 11, 14, 15, 16, 17 dan 18. Bas ini beroperasi pada hari bekerja sahaja iaitu Isnin hingga Jumaat. Perkhidmatan bas komuniti beroperasi tiga kali sehari dari Hentian Pusat Bandar raya dari jam pukul 7.30 pagi (pada jam 7.30 pagi), 11.00 pagi dan 4.30 petang.

Manakala bagi kawasan Petaling Jaya, perkhidmatan ini telah lama dilaksanakan iaitu pada Julai 2008 dan peringkat seterusnya adalah penambahbaikan bagi pelaksanaan perkhidmatan bas percuma sedia ada dengan penambahan laluan baru bagi menampung pertambahan permintaan. Perkhidmatan bas komuniti ini juga akan diperluaskan oleh MPSJ dan MPKj di kawasan masing-masing secara berperingkat setelah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri demi memastikan pelaksanaan ini dapat dinikmati dan memberi manfaat kepada semua.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya sama ada sistem pengangkutan awam percuma ini selain pihak kerajaan negeri, ada tak subsidi daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat juga untuk dilaksanakan? Dan apakah perancangan negeri untuk merapatkan jurang ini? Sebab saya nampak sekarang sistem ini ditumpukan di kawasan bandar raya, tetapi ada tak perancangan untuk juga majlis daerah dan kawasan desa sebab supaya kita wujudkan bandar *satellite* (dengan izin) tidak terlalu ramai ataupun kenderaan yang masuk ke dalam pusat bandar.

Y.B DATO' TENG CHANG KHIM: Setakat ini tidak ada subsidi daripada SPAD kerana ini usaha Kerajaan Negeri yang kita menggalakkan untuk PBT mengadakan perkhidmatan bas komuniti ini dan semua PBT ini akan melaksanakan mengikut kemampuan kewangan kerana bukan semua PBT ada kemampuan kewangan untuk melaksanakannya lagi. Jadi PBT yang pertama melaksanakannya sebelum tahun 2013 adalah selepas tahun 2013 maka MBSA, MPKJ dah membuat perancangan dan sebenarnya MBSA sudah pun memulakan perancangannya dan termasuk juga MPSJ dalam perancangan. Ini kita akan melaksanakan berperingkat-peringkat mengikut kemampuan kita. Kita tidak boleh melakukannya di luar kemampuan kita.

Sementara itu sempena majlis Pengangkutan Awam Selangor telah pun di Negeri Selangor yang dipengerusi sendiri oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar yang telah pun mengadakan mesyuarat yang pertama dan selepas itu juga pihak SPAD telah pun mencadangkan untuk mewujudkan membina BRT Bas Rapid Transit daripada Kuala Lumpur hingga ke Klang dan ini dalam perancangan yang rapi dan mesyuarat akan dipanggil untuk melihat aspek-aspek teknikal supaya dapat dilaksanakan dalam jangka masa yang pendek. Di mana lorong Lebuhraya Persekutuan akan digunakan di sini mengikut jangkaan kalau terlaksananya projek BRT ini dalam *pick hour* setiap 30 saat akan ada satu bas dari Klang hingga ke Kuala Lumpur. Kita sedang merancang dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B PUAN YEO BEE YIN: Saya dengar dari Y.B EXCO bahawa sekarang komuniti bas adalah menggunakan dana PBT. Adakah rancangan daripada Kerajaan Negeri supaya juga boleh guna dana rizab negeri untuk membantu PBT-PBT masing-masing. Saya tengok impak ini memang kecil kalau kita guna dana. Sebagai contoh kita ada RM200,000 untuk satu bas satu tahun. Kalau kita boleh bagi RM20 juta dari dana negeri kepada PBT masing-masing kita akan boleh menambahkan 100 bas. Yang ini impak lebih besar dan boleh dirasai dan lebih berkesan. Terima kasih.

Y.B DATO' TENG CHANG KHIM: Ya. Semua orang mengintai rizab kita tetapi rizab kita bukan banyak sangat. Ia banyak kalau berbanding dengan negeri-negeri yang kurang berada. Walaupun kita ada RM3 bilion. Apabila kita membina satu

jambatan. Jambatan Klang yang ke-3 ia akan membelanjakan RM300 juta. Itu belum termasuk kos-kos lain pengambilan balik tanah yang dijangkakan dalam lingkungan keseluruhannya mungkin RM600 juta. Kalau Kita melaksanakannya bererti daripada RM3 bilion dan kurang RM2.4 bilion. Jadi nampak banyak Negeri Selangor yang besar ini di mana bajet negeri adalah RM1.8 bilion setahun. Bererti rizab kita tak cukup menampung 2 tahun kalau kita berada krisis ekonomi. Kalau ada kegawatan ekonomi kita tidak dapat tahan 2 tahun. Dan ini belum masuk lagi bajet keseluruhan PBT RM1.8 bilion. Satu tahun Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan jumlah bajetnya adalah RM3.6 billion jadi RM3 billion ini tidak dapat menampung satu tahun. Jadi kita perlu perancangan. Niat itu baik dan objektif itu baik tetapi pelaksanaan perlu perancangan yang rapi. Saya seboleh-bolehnya juga akan memperjuangkan meyakinkan barisan-barisan EXCO Menteri Besar untuk membantu tetapi kita kena faham dalam kita mendesak itu ada kekangan dan ada *limitation*. Kita belanja mengikut bajet. Kena belanja mengikut had kekangannya. Dan inilah cabaran kita dalam pengurusan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Meru.

Y.B. TUAN ABD RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Speaker soalan 37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK: PERLAKSANAAN MARRIS

37. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah ada halangan PBT, untuk melaksanakan ke atas "jalan-jalan JKR, Kampung dan Pertanian"?
- b) Peruntukan yang tinggi kepada PBT setiap DUN. Adakah PBT dibenarkan untuk MARRIS dan Pertanian?
- c) Memastikan peruntukan dibelanja dalam tahun kewangan. Adakah audit dilaksanakan?.

Y.B TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Meru dan Tuan Speaker. Saya akan menjawab soalan Meru bersekali soalan 122, 132, 274, 239 dan 329. Menjadi hasrat Kerajaan Negeri menggunakan peruntukkan MARRIS oleh Kerajaan Negeri secara optimum di dalam penggunaan. Pemberian penyelenggaraan MARRIS oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri adalah berdasarkan pihak Kerajaan Negeri akan menentukan projek-projek mengikut prioriti kemampuan agensi pelaksana. Penerimaan pemberian

penyelenggaraan peruntukan Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Wilayah Persekutuan di rekodkan kumpulan Amanah wang amanah penyelenggaraan Jalan Negeri yang ditubuhkan Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 mulai 2013 dan Akaun Amanah Penyelenggaraan Selangor Seksyen 29 Akta Tatacara Kewangan 1997 bagi tahun sebelum tahun 2013 terima wang penyelenggaraan Jalan Negeri tidak direkodkan sebagai hasil oleh Kerajaan Negeri. Untuk makluman sebelum 2013 pelarasan daripada Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Selangor di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 kepada Akaun Hasil disatukan. Hanya dibuat berdasarkan perbelanjaan-perbelanjaan yang dikenakan selaras dengan perkara 10 dan perkara 11 arahan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Selangor di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 berkuat kuasa mulai 24 Oktober 2004..

Pada 2013 satu garis panduan tatacara Pengurusan Pemberian Jalan MARRIS oleh Kementerian Kewangan yang saya diedarkan kepada ADUN-ADUN untuk melihat bagaimana penyelenggaraan di jalan MARRIS ini boleh dilakukan dan merujuk kepada garis panduan itu saya kira penambahbaikan yang akan kita gunakan secara optimum pada tahun 2014 ini dengan unjuran yang kita rasakan Kerajaan Negeri Selangor akan dapatkan pada tahun 2014 sejumlah RM546,642,110.96. Peningkatan-peningkatan daripada jumlah terimaan dari tahun 2009, 2013, penambahan-penambahan penerimaan itu. Saya kira dengan adanya garis panduan ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan beberapa keputusan-keputusan yang telah kita buat. Akhirnya unjuran yang kita buat itu kita akan gunakan secara optimum pada tahun ini untuk hasil yang terbaik untuk rakyat itu sendiri. Kita sedia maklum pelaksanaan-pelaksanaan ini akan diturunkan kepada beberapa agensi-agensi yang melaksanakan projek peruntukan MARRSI ini. Termasuklah PBT, JKR, JPS dan juga Pejabat-pejabat Daerah. Jadi merujuk soalan daripada Meru samada ada halangan Pihak PBT untuk melaksanakan ke atas Jalan-jalan JKR kampung dan pertanian adalah tidak ada halangan. Semua kerja-kerja selenggara jalan boleh dilaksanakan ke atas jalan-jalan yang berdaftar MARRIS *on line* hendaklah mematuhi garis panduan secara pengurusan Kerajaan Negeri. Amalan penyelenggaraan sekarang adalah mengikut pembahagian iaitu penyelenggaraan jalan-jalan JKR akan dilaksanakan oleh JKR, penyelenggaraan jalan kampung dijalankan oleh Pejabat Tanah ataupun Daerah. Manakala penyelenggaraan jalan pertanian akan dilaksanakan oleh JPS.

Berkaitan peruntukan yang tinggi kepada PBT setiap DUN adakah PBT dibenarkan MARRIS gunakan jalan luar Bandar atau desa dimaklumkan bahawa kali ini jumlah yang besar kepada PBT dan peruntukan yang kita peruntukan kepada Dewan Negeri juga sejumlah RM3 juta yang diturunkan kepada PBT satu jumlah besar sebenarnya. Peruntukan yang disediakan ini adalah berdasarkan jumlah panjang jalan MARRIS *on line* dengan PBT untuk melaksanakan berkenaan jalan luar Bandar dan desa bersama Pejabat Tanah dan Daerah. Asalkan jalan itu telah berdaftar sistem MARRIS *on line*. Sebab itu kita mengharapkan daerah-daerah

akan dibincangkan mungkin melalui majlis-majlis atau Mesyuarat Tindakan Daerah yang mana terlibat agensi-agensinya pelaksana termasuk JKR, PBT dan JPS yang diketuai oleh Pejabat Daerah samada D.O atau ADO untuk merancang bagaimana perancangan kita untuk menyelenggarakan ruang MARRIS supaya ada kesepakatan perancangan itu yang akan beri manfaat yang lebih baik kepada masyarakat secara umumnya. Dalam memastikan peruntukan-peruntukan dibelanjakan dalam tahun kewangan Meru bertanya adakah Audit ada melaksanakan. Sebenarnya analisa perbelanjaan boleh dilihat melalui di laporan prestasi kewangan. Bagi tahun 2013 kita mempunyai prestasi perbelanjaan bagi tahun 2013 daripada Kerajaan Persekutuan adalah RM498,33,993.22 juta dan perbelanjaan yang telah berlaku pada tahun 2013 RM165,572,688.51 juta. Pelbagai jenis audit telah dilakukan contohnya laporan Ketua Audit Negara pada siri ke-3.

TUAN SPEAKER: Y.B. Sijangkang tolong ringkaskan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Audit Perbendaharaan Negeri Selangor disertai oleh JKR dan Perancangan Ekonomi bagi peruntukan yang diberikan mengikut garis panduan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya pada Exco bahawa pertama kenapa lewat dilaksanakan peruntukan MARRIS untuk tahun yang pertama pada penggal sebelum ini dan tadi tahun ini baru mula nak merancang untuk melaksanakan. Soalan saya kenapa lewat melaksanakan dan saya ingin bertanya juga boleh atau tidak diberikan kepada setiap DUN laporan tiap-tiap enam (6) bulan supaya DUN boleh mengetahui di mana jalan-jalan atau longkang diperbaiki. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Semenyih. Sepertimana yang saya katakan tadi sebelum ini kita tidak ada satu garis panduan dan alhamdulillah pada tahun 2013 ada satu garis panduan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan penggunaan jalan ini. Itu satu perkara. Yang kedua adalah berkaitan dengan tender. Apabila kita tahu peruntukan kita pada tahun tersebut kita mulakan dengan kita dapatkan maklumat daripada agensi-agensinya pelaksana tentang projek-projek itu. Ini adalah beberapa perkara yang saya kira menjadi kelewatan berlaku pelaksanaan projek-projek memperuntukkan MARRIS itu sendiri. Terima kasih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Soalan saya tidak jawab setiap 6 bulan. Kita minta setiap 6 bulan di mana lorong jalan boleh atau tidak.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih. Saya kira sebab itulah antara hasrat kita selepas ini supaya kita ada satu laporan-laporan yang baik

dengan adanya garis panduan yang sudah ditetapkan itu supaya kita tahun jalan-jalan mana, lorong-lorong mana dan di samping itu juga, kita juga mahukan supaya pendaftaran melalui MARRIS ini akan berlaku seterusnya supaya walau pun jalan-jalan itu mungkin pada tahun ini adalah jalan yang sudah didaftarkan di dalam MARRIS tidak dapat dilaksanakan, di samping itu kita mahu juga jumlah jalan yang boleh didaftarkan untuk kita dapat peruntukan-peruntukan yang lain untuk program-program penyelenggaraan. Sebab itulah seperti yang saya katakan tadi laporan-laporan ini, boleh, boleh dapatkan tapi kita saya melihat supaya apabila kita memulakan dengan keterlibatan bersama di dalam perancangan itu sendiri beberapa agensi pelaksana itu, akhirnya kita dapat kumpulkan perkara ini dan kita boleh jadikan ia sebagai laporan dan kita boleh turunkan. Kalau tidak buat masa ini tidak ada satu laporan yang terkumpul yang kita boleh berikan secara seragam.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEOH BEE YIN: Saya, ah! Memang merisaukan perbelanjaan 2013 hanya 33% yang kita belanja. So, sekarang Damansara Utama hendak Tanya lepas ada garis panduan ini 2014 sudah empat (4) bulan sudah berlalu berapakah peratus dana MARRIS telah dibelanja.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih. Kita telah membelanjakan lebih kurang RM165 juta pada tahun, ya, pada tahun 2013. Ini adalah sebahagiannya hasil daripada penjimatan sistem yang telah kita lakukan di samping itu sendiri kerajaan negeri ada memperuntukkan lebih kurang RM500 juta yang tidak termasuk di dalam peruntukan MARRIS ini, ya, untuk pembangunan, penyelenggaraan jalan pada tahun yang lepas.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN BIN HAJI HASSAN: Kalau kita perhatikan tentang perbelanjaan RM160 juta pada tahun 2013 sudah tentu pada tahun-tahun yang sebelumnya ada lebih daripada bajet atau pun yang diperuntukkan dalam peruntukan MARRIS ini. Kenapa lebih tersebut. Tidak dimanfaatkan untuk tahun berikutnya sementara menunggu projek baru daripada Kerajaan Persekutuan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Ok. Terima kasih. Saya sedia maklum bahawa memanglah di dalam tahun-tahun sebelum ini kita juga tidak menggunakan 100% kewangan peruntukan pada tahun semasa, dan kita cuba memperbaiki pada tahun ini dengan, dan insya-Allah lepas tahun-tahun ini kita akan cuba supaya peruntukan yang kita terima ini akan kita gunakan secara optima di

samping itu juga kita mahulah berlaku penjimatan, mematuhi dengan polisi kerajaan pada hari ini menggunakan sistem tender terbuka dan juga harga tender terendah disamping kita hendak menggunakan peruntukan itu, kita juga mahu berlaku penjimatan supaya akhirnya kita dapat satu hasil yang terbaik untuk rakyat. Terima kasih.

Y.B. PUAN YEOH BIN YIN: Tuan Speaker, saya belum dapat jawapan dari Y.B. EXCO ah! 2014, sudah empat bulan. Berapa peratus perbelanjaan yang sudah kita gunakan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HARI: Ok, terima kasih. Saya ingat kita baru sahaja di peringkat agensi-agensi pelaksana pun menggunakan peruntukan yang telah kita peruntukkan ini. Setakat ini saya belum ada maklumat peratus penggunaan itu, dan insya-Allah mungkin di dalam sidang yang akan datang atau pun sebaik sahaja saya mendapat laporan penggunaan itu saya akan serahkan kepada Dewan. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Saya beri Sri Andalas dahulu, dia sudah tunggu lama.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAN: Terima kasih. Satu soalan, daripada laporan Audit Negara yang kita dapatkan bahawa belanja untuk MARRIS keseluruhannya tidak di belanja semua yang didapati oleh Negeri. Ada kata-katanya katakan dekat 600 juta yang kita lagi simpan yang belum lagi dibelanjakan, dan juga Audit, *report* Audit katakan...

TUAN SPEAKER: Soalannya Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULNANDAN: Adakah ini Audit, *report* Audit ini betul atau tak betul.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, Sri Andalas. Sudah tentunya *report* Audit itu adalah *report* yang betul. Dan, saya akui bahawa sebelum ini seperti mana yang saya katakan tadi, kita tidak satu garis panduan, saya ingat mungkin pelaksanaan pada kita itu bergantung kepada permohonan-permohonan agensi pelaksana atau pun justifikasi-justifikasi yang kita fikirkan, perlu untuk kita lakukan penyelenggaraan jalan itu. Jadi, sebenarnya banyak kelemahan-kelemahan pun berlaku sebelum ini, sebelum kita ada garis panduan ini termasuklah penggunaan wang MARRIS ini ialah untuk penyelenggaraan jalan, bukan untuk naik taraf dan sebagainya. Dan itu yang berlaku di setengah-setengah PBT yang telah melakukan perkara ini. Tetapi kita cuba betulkan, dan saya kira saya tak hendak melihat ke belakang, memang ada peruntukan-peruntukan yang saya kira kita tidak gunakan, tetapi saya melihat bagaimana mulai tahun 2014 ini kita secara

optimumnya, jangkaan atau pun unjuran peruntukan yang kita akan dapat kita akan gunakan di samping itu sudah tentulah wang-wang yang menjadi, wang disatukan itu kita boleh gunakan sekiranya ada apa-apa keperluan. Contohnya pada tahun lepas sahaja yang seperti yang saya katakan tadi, kita telah menggunakan jumlah peruntukan yang agak besar ya untuk membaiki jalan-jalan, jalan-jalan yang berlubang, jalan-jalan yang rosak dan saya kira ini juga untuk rakyat, ya, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan ke-38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: DEMAM DENGGI

38. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Kes demam denggi telah mencecah angka yang membimbangkan terutamanya di Negeri Selangor terutamanya DUN Sungai Pelek. Bagaimanakah mengatasi masalah ini?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Tuan Speaker, terima kasih Sungai Pelek. Masalah denggi di Negeri Selangor sejak September 2013 yang lepas sehingga kini masih ya, menjadi satu situasi yang membimbangkan. Oleh itu Kerajaan Negeri melalui EXCO Kesihatan dan juga EXCO Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa membuat pemantauan melalui Mesyuarat Mingguan Khas Wabak Denggi Negeri yang dijalankan setiap minggu bersama pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, pihak 12 PBT, Pejabat Kesihatan Daerah dan Pejabat Daerah bagi mendapatkan maklum balas serta merancang aktiviti kawalan serta pencegahan denggi di setiap PBT. Sehingga kini sebanyak 16 kali mesyuarat ini telah dilaksanakan dan ini adalah untuk meningkatkan kerja sama bersama semua jabatan. Begitu juga mesyuarat mingguan di peringkat Pejabat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, iaitu mesyuarat mingguan Jawatankuasa Wabak Denggi Daerah yang mana tujuannya adalah untuk meningkatkan koordinasi serta peranan pelbagai agensi kerajaan, bukan kerajaan dan persatuan penduduk untuk mengatasi vektor risiko-risiko pembiakan aedes di lokaliti wabak denggi ini. Jadi, antara aktiviti-aktiviti ini yang dilaksanakan ialah aktiviti kawalan denggi dengan melaksanakan aktiviti cari dan musnah itu iaitu *search and destroy* dengan izin, di kawasan pembiakan nyamuk melalui semburan kabus untuk membunuh nyamuk dewasa serta *larviciding* atau membunuh jentik-jentik di lokaliti yang dilaporkan kes wabak. Pihak PBT sentiasa membuat pemantauan atau pembersihan di kawasan-

kawasan seperti kawasan-kawasan perumahan sama ada rumah teres, pangsapuri kos rendah, rumah sesebuah, tanah kosong, lot terbiar, rumah ibadat, tempat letak kereta, sama ada di kondominium, apartmen, sekolah-sekolah, kilang, tanah perkuburan, taman-taman atau pun tempat rekreasi, tempat pembuangan sampah dan tapak-tapak binaan. Antara langkah pencegahan ialah dengan mempromosi serta menggalakkan penubuhan Skwad Anti Denggi dan Pasukan COMBI, iaitu *communication behaviour impact* di kalangan persatuan penduduk, agensi kerajaan, agensi swasta dan pertubuhan bukan kerajaan untuk mempertingkatkan penglibatan masyarakat tempatan. Antara program-program atau pun aktiviti-aktiviti pencegahan adalah menggalakkan aktiviti gotong royong bersama penduduk setempat, pemeriksaan rumah ke rumah. Pemeriksaan tempat pembiakan jentik-jentik, sekurang-kurangnya sepuluh minit sekali seminggu serta pembuangan sampah secara teratur. Selain itu promosi kesihatan pencegahan denggi yang mana ia lebih kepada penyedar luas mesej pendidikan denggi melalui media luas seperti *banner*, bunting, edaran poster, risalah dan *fliers* kepada kumpulan sasar. Selain itu aktiviti pendidikan seperti ceramah, pameran denggi, kem kesihatan, karnival kesihatan yang dilakukan bersama persatuan penduduk kawasan taman-taman perumahan, pangsapuri, JKKK Kampung, surau dan masjid serta NGO-NGO. Pihak PBT dan juga Jabatan Kesihatan sentiasa memberi penekanan kepada masyarakat tentang pencegahan jangkitan denggi melalui konsep kebersihan setiap hari, setiap masa di mana jua. Dan sentiasa membuatkan program-program serta taklimat pendidikan kesedaran tentang bahayanya aedes dan denggi ini di sekolah-sekolah rendah, sekolah menengah, mahu pun di kilang-kilang. Seterusnya pemantauan berkala serta tindakan penguatkuasaan undang-undang dengan kompaun minima RM500 terhadap premis yang dikesan positif pembiakan nyamuk aedes. Seterusnya memastikan peranan serta tanggung jawab agensi terlibat, pemilik premis, contoh tapak binaan, sekolah, IPTA, IPTS dan kawasan tumpuan awam dalam melaksanakan aktiviti pencegahan ini agar kawasan mereka sentiasa bebas daripada pembiakan nyamuk aedes. Di samping itu masyarakat digalakkan melaksanakan tindakan proaktif iaitu perlindungan diri dengan menggunakan baju lengan panjang, dan tidak digalakkan keluar rumah waktu puncak jangkitan iaitu di awal pagi dan di waktu lewat petang serta memakai *insect repellent* di kawasan yang terutama berisiko tinggi.

TUAN SPEAKER: Boleh ringkaskan Yang Berhormat Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Dan aplikasi di rumah dengan menggunakan alat semburan nyamuk *aerosol* serta racun pembunuh jentik-jentik dan ini adalah untuk mengurangkan risiko demam denggi.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI: Terima kasih, ah! Puan Speaker. Berhubung dengan pembiakan nyamuk, nyamuk aedes ini, saya ingin bertanya tentang status terkini berhubung dengan program pembiakan nyamuk bagi membunuh nyamuk aedes. Jadi, apakah program terkini, berapa ladang yang dibuka, ya, kita hendak tahu supaya ada sedikit perkembangan diberi tahu kepada rakyat Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Sri Muda. Pihak Kerajaan Negeri bersama yang dipelopori oleh pihak MPSJ telah pun melaksanakan satu program iaitu melepaskan nyamuk *toxopneustes* iaitu yang dikatakan nyamuk gajah yang program ini bersama dengan pihak USM masih di dalam penyelidikan dengan peruntukan sebanyak RM60,000 dan ia telah pun dilaksanakan di dua tempat di MPSJ iaitu di Kampung Seri Aman Puchong dan juga di salah satu kawasan di MPSJ. Daripada kajian tersebut nyamuk *toxopneustes* ini, iaitu nyamuk gajah ini jentik-jentik nyamuk gajah ini yang membunuh jentik-jentik nyamuk aedes. Ah! Jadi, daripada kajian kawasan di Kampung Seri Aman ini kajian telah pun bebas hampir bebas daripada kejadian denggi. Jadi, oleh kerana itu kajian masih lagi di peringkat belum berakhir jadi kita belum boleh untuk melaksanakan atau pun *implement* perkara ini. Mengenai nyamuk *toxopneustes* ini atau nyamuk gajah, ia memerlukan satu habitat atau pun kawasan persekitaran yang mempunyai banyak tumbuhan-tumbuhan. Jadi, mungkin di kawasan Bandar nyamuk *toxopneustes* ini tidak boleh hidup dengan baik. Sebab itulah apa ini, sebab itu kalau kita lihat kurang kejadian kes-kes denggi di kawasan kampung-kampung yang banyak kehijauan. Yang mana banyak *toxopneustes* di situ.

YB TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Teluk Datok.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Terima kasih, Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, soalan saya adakah Kerajaan Negeri akan menyediakan insentif untuk setiap Dewan Undangan Negeri bagi mengambil inisiatif untuk menubuhkan *COMBI* ini, soalan satu. Soalan kedua. Adakah Kerajaan Negeri menyediakan garis panduan tersebut untuk pasukan *COMBI* ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Teluk Datok. Buat masa kini kerajaan negeri tidak menyediakan peruntukan untuk penubuhan pasukan *COMBI*. Tetapi pihak Kementerian Kesihatan ada menyediakan peruntukan tersebut. Sehingga kini terdapat di Selangor terdapat 437 Pasukan *COMBI* yang telah ditubuhkan. Dan sebanyak 24 IPT juga telah menubuhkan Pasukan *COMBI*.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Puan Speaker. Saya tengok Sungai Pinang nak bangun jawab tu. Macam nak bangun. Sebab saya difahamkan Sungai Pinang ada menganggotai satu *task force* mengenai denggi. Soalan saya adalah begini untuk EXCO Sementa terlalu berat masalah denggi ni terutama di Hulu Langat, Kajang, Bangi, Dusun Tua. Dan nyamuk gajah ni perkara baru tadi yang lama tadi saya difahamkan SOP yang telah digunakan sebelum ini telah ditukar iaitu penggunaan semburan yang berasaskan minyak ditukar kepada semburan berasaskan air. Dan bila ditukar begini kesannya sangat minimum dan tak menyelesaikan masalah denggi. Apakah tidak ada hasrat untuk mengembalikan balik SOP itu iaitu mengembalikan kepada semburan berasaskan minyak yang sekiranya itu lebih berkesan untuk dilaksanakan. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Tuan Speaker. Terima kasih Bangi. Bangi apa ni tentang semburan minyak yang mana ada dua jenis semburan untuk *fogging* ini iaitu semburan asap tebal iaitu yang menggunakan diesel minyak dan juga semburan asap nipis iaitu menggunakan *basenya* adalah air. Jadi keberkesanannya adalah sama. Jadi sebab itulah banyak aduan-aduan ataupun ketidakselesaian daripada rakyat kerana apa ni apabila disembur menggunakan *fogging* yang berasap tebal ini akan menjejaskan apa ni sekitar rumah mereka dan melekat di permukaan ataupun mengotorkan rumah mereka. Jadi sebab itulah kita tukar kepada beri alternatif iaitu menggunakan semburan yang berasaskan air tetapi keberkesanannya tetap sama cumanya bila menggunakan semburan *fogging* yang berasap tebal ini kita rasa mungkin telah pun dapat sampai kepada semua nyamuk-nyamuk tetapi sebenarnya sama sahaja keberkesanannya.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker soalan nombor tiga puluh sembilan (39).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: PROJEK USAHASAMA WORLDWIDE HOLDINGS

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan kesemua projek usahasama yang sedang dijalankan sejak 5 tahun yang lalu?
- b) Sila perjelaskan apakah Kerajaan Negeri masih tetap dengan dasar yang tidak mengizinkan sebarang projek pembangunan berkonsepkan usahasama?

- c) Sila nyatakan bagaimanakah prestasi projek-projek usahasama yang dijalankan sejak 5 tahun yang lalu?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmanir rahim.* Puan Speaker, Sekinchan bertanya projek-projek usaha sama World Wide Holdings. Untuk maklumat dewan World Wide Holdings adalah anak syarikat milikan penuh PKNS. Terdapat buat masa sekarang lima projek usaha sama yang dilakukan oleh World Wide Holdings iaitu projek yang pertama ialah pelupusan sisa pepejal, melalui World Wide Land Fields Sdn. Bhd. Rakan kongsinya ialah CWM Sdn. Bhd. Empat puluh peratus (40%) dan prestasinya pada tahun 2013 agak memuaskan iaitu mendapat keuntungan sebelum cukai RM9.6 juta. Kedua loji tenaga elektrik menggunakan gas tapak melalui Jana Landfill Sdn. Bhd., rakan kongsinya ialah TNB Energy Services Sdn. Bhd. Dan mendapat perolehan 2.6juta. Ketiga Projek Pembangunan Hartanah Industri melalui Cekal Unggul Sdn. Bhd., rakan kongsinya MPO Reality Sdn. Bhd. projek masih dalam penjualan hartanah industri dan lima puluh peratus (50%) telah dijual. Keempat ialah projek yang agak lama ialah projek yang dilakukan sejak tahun 1958 iaitu pembangunan hartanah Industri di Sidney Australia, rakan kongsinya ialah Sunway Lagoon Sdn. Bhd. Dan projek ini akan tamat tak lama lagi sebab sembilan puluh peratus (90%) daripada hartanah projek ini telah dibangunkan dan dijual. Dan soalan yang kedua adakah Kerajaan Negeri masih tetap dasar tidak mengizinkan projek pembangunan berkonsepkan usaha sama. Kerajaan Negeri mempunyai pandangan bahawa kalau projek usaha sama iaitu mesti sama-sama berusaha iaitu bukan *partner* kita berusaha kita duduk sama-sama, tak boleh. Sebab itu saya hentikan banyak projek kerana nampaknya penglibatan kita hanya sebagai boleh jadi ahli lembaga pengarah ataupun tunggu hujung tahun untuk dapat keuntungan atau dividen. Tapi untuk masa hadapan kita inginkan pegawai-pegawai kita warga kerja kita terlibat dalam menjalankan kerja-kerja ini. Jadi dengan cara itu, bukan saja kita mendapat hasil daripada usaha sama kita tetapi kita mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan warga kerja kita dan dapat berkembang dengan sendiri. Jadi projek-projek usaha sama yang akan datang ialah mesti berasaskan *active partnership* maknanya satu apa tu persatuan yang bersama. Jadi dan dengan cara itu kita akan dapat banyak pengalaman dan negeri dan iaitu warga kerja negeri mempunyai kemahiran dan keupayaan untuk projek-projek yang akan datang.

TUAN SPEAKER: Batu Caves? Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih. Saya berdiri atas mesyuarat dua empat dua (242) ingin mengambil soalan ini sebagai soalan saya.

TUAN SPEAKER: Soalan nombor empat puluh (40).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)

40. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah anak-anak syarikat yang bernaung di bawah MBI?
- b) Berapa jumlah sumbangan CSR MBI dan anak-anak syarikat setahun kepada program MES dan program / projek kerajaan negeri?
- c) Siapakah CEO MBI dan berapa ramai pegawai yang diambil bertugas untuk pengurusan dan pentadbiran MBI?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. terdapat dua belas (12) syarikat yang di bawah milikan MBI yang dan saya sebutkan nama syarikat secara ringkas Kumpulan Darul Ehsan ha itu yang besar Permodalan Negeri Selangor Berhad., Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. Iaitu syarikat yang memiliki Unisel, Bukit Beruntung Golf and Country Club Bhd., Kumpulan SEMESTA, Tourism Selangor Bhd., dan Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. dan Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. ialah syarikat yang mengendalikan Skim Usia Emas. Communication Corporation Sdn. Bhd., Majlis Sukan Negeri Selangor Sdn. Bhd., Warisan Yayasan Warisan Anak Selangor ia dan itu tidak kita belum beroperasi. Lagi satu ialah Yayasan Al-Qard Hassan Selangor yang menjalankan operasi Skimisel, MiMBAR dan WALA. Ya, kemudian soalan yang berapakah jumlah sumbangan CSR yang disalurkan pada tahun 2013 ialah sejumlah RM2.45 juta tu antara yang terbesar ialah perbelanjaan pengurusan bola sepak, RM8.5 juta. Skim mirokredit tambahan tiap-tiap tahun kita tambah Skimisel RM5 juta, MIMBAR RM1 juta, dan kita mempunyai beberapa sumbangan tentang projek-projek pembangunan Kampung Baru dan termasuk dalam pembayaran kita iaitu geran Selangorku yang *detailnya* kalau ingin saya akan sebarkan iaitu sebanyak RM28 juta. Siapakah CEO MBI dan berapa ramai yang diambil bertugas untuk pengurusan dan pentadbiran MBI? Sekarang CEO MBI ialah Puan Faekah binti Hussin di mana jumlah pegawai dan kakitangan petugas dalam pentadbiran MBI berjumlah tiga puluh empat (34) orang.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Puan Speaker. Antara dua belas anak syarikat yang disenaraikan tadi manakah yang *profit oriented* dengan izin dan apakah KPI mereka daripada segi keuntungan kepada negeri?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker saya sangat berminat tentang perkara ini yang ada yang pertama yang paling besar yang perlu dijaga ialah Kumpulan Darul Ehsan. Kumpulan Darul Ehsan ni akan yang antara syarikat yang akan mengambil alih industri air dan maknanya kita akan boleh jadi menguasai lebih daripada RM15,000.00 apa tu? Aset yang kita. Dan yang itu-itu syarikat yang besar dan saya telah bercadang untuk syarikat ini membuat laporan *quarterly* bukan-bukan apa sebab ini sangat penting walaupun terdapat penyusunan semula syarikat ni dewan telah memberi kelulusan sebanyak RM400 juta untuk penyusunan semula syarikat hartanah yang dijangka dia akan membayar balik kepada kerajaan negeri sebulan sebelum bulan Ogos. Jadi kedua Permodalan Negeri Selangor Berhad. *the second one* dan kita akan menjawab tentang CANAL CITY, ketiga itu syarikat-syarikat yang mesti beruntung, Pendidikan Yayasan Selangor Sdn.Bhd. iaitu syarikat yang memiliki Unisel, itu saya ingat kalau saya dapat *break even* je pun *it is education investment*, tapi saya.. Bukit Beruntung Golf and Country Club ini akan dijual. Dia ada tapi hartanya banyak RM34 juta. Tourism Selangor Sdn. Bhd. *break even, it is not fortunate venture*, tapi dia tugasnya untuk menggalakkan apa tu pelancongan di negeri Selangor walaupun sumbangan kita kecil dibandingkan dengan sumbangan dibuat oleh Kerajaan Persekutuan pada *Tourism Ministry*. Kerajaan Persekutuan memperuntukkan lebih daripada RM500 juta untuk program *tourism*. Di negeri Selangor kita hanya memperuntukkan tidak lebih daripada RM5 juta. SSIC dia *break even*, dia tidak bertujuan untuk menarik pelancongan. Communication Corporation Sdn. Bhd. yang menerbitkan Selangor Kini itu pun *break even*, dan *we can cut the costing*. Aaarr Al-Qad Hassan ialah tidak bertujuan untuk mendapatkan keuntungan jadi tiga dan akhir sebelum saya terlupa, Kumpulan Semesta. Kumpulan Semesta is a *fortunate venture*.

TUAN SPEAKER: Silakan Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Antara dua belas (12) syarikat, anak-anak syarikat MBI yang mana satu yang berapakah yang Dato' Menteri Besar memikul tanggungjawab aktif seperti CEO ataupun pengarah dan adakah Datuk Menteri Besar mendapat gaji ataupun *allowance* daripada semua syarikat ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker saya tidak dapat, dalam isu ini saya telah membuat satu keputusan bahawa semua pendapatan saya ini dipulangkan balik kepada MBI, saudara boleh tengok rekod. Ini bukan kerana saya, kerana sebab saya lakukan bukan masa saya menjadi Menteri Besar tetapi saya semasa saya menjadi Ketua Eksekutif, PNB saya juga menduduki lebih daripada 25 syarikat-syarikat besar mewakili PNB. Oleh sebab itu kita telah membuat keputusan, saya boleh menerima gaji tetapi pendapatan-pendapatan daripada ini saya serahkan balik kepada syarikat dan semasa saya menjadi syarikat hasil daripada pendapatan itu syarikat itu kalau dah untung banyak dia bagi saya bonus lebih. Tetapi Negeri Selangor saya tidak dapat bonuslah. Itu sahaja tetapi saya tidak nak komplek sebab ini satu disiplin kerana apa sebab disiplin penting kalau kita masukkan orang

menjadi Lembaga Pengarah di syarikat-syarikat tentulah dia akan memilih syarikat-syarikat yang baik sahaja sebab kalau tidak dapat duit apa itu elaun Lembaga Pengarah. Tapi yang penting ialah kalau dia Ketua Eksekutif dia mesti mencari syarikat-syarikat yang mesti dipulihkan, syarikat-syarikat yang tidak beruntung untuk diuntungkan dan syarikat-syarikat yang tidak beruntung tidak boleh membayar dividen dan juga elaun. Oleh sebab itulah cara ini adalah satu cara yang membolehkan kita tidak perlu memilih mana-mana syarikat sebab kita bertanggungjawab kepada semua syarikat.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Puan Speaker soalan saya nombor 41.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: CARUMAN WANITA SELANGOR

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah Caruman Wanita Selangor akan dilaksanakan?
- b) Apakah bentuk caruman yang akan dilaksanakan?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BT ISMAIL: Terima kasih Taman Medan Puan Speaker isu yang dibangkitkan atau pun pertanyaan yang ditanyakan adalah berkaitan dengan skim caruman wanita Selangor. Untuk makluman Ahli Dewan Skim Caruman Wanita Selangor ini adalah satu cadangan skim yang khususnya kepada suri rumah yang mana Kerajaan Selangor ingin menyediakan satu jaringan sosial kepada wanita khususnya suri rumah yang menerima musibah kepada keluarga ataupun berlakunya perceraian dalam keluarga tersebut. Dan satu dana kebajikan khusus untuk suri rumah atau ibu-ibu tunggal ini untuk membantu keluarga ini sementara wanita ini terpaksa menggalas tanggungjawab membina keluarga dan insya-Allah sementara ianya ekonomi keluarga dapat dipulihkan. Usaha ini adalah usaha untuk memastikan bahawa kita membuat satu langkah persediaan bukan satu langkah reaktif bila dah berlaku masalah baru kita nak tentang dengan izin baru nak kita ambil tahu tentang ibu-ibu tunggal ini. Jadi apakah soalnya bilakah caruman wanita Selangor akan dilakukan? Jadi sebenarnya Kerajaan Selangor masih lagi dalam proses mendapatkan lagi beberapa maklum balas dan data-data tertentu sebelum perlaksanaannya. Jadi jangkaan kajian atau pun kertas cadangan ini akan dapat dilengkapkan dan insya-Allah jika ia dapat dilengkapkan kita jangkakan tahun hadapan yang boleh dimulakan. Kerana ada beberapa faktor

kritikal yang perlu diambil kira iaitu kita sedang meneliti tentang kumpulan sasaran dan kriteria penerimaan struktur dan mekanisme pengagihan pembayaran amaun yang ingin kita berikan dan juga kewangan keseluruhan yang perlu diperuntukkan yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri Selangor serta data-data yang sah sebelum kita mengoperasikan program ini. Seterusnya soalan apakah bentuk caruman yang akan dilaksanakan. Dalam kajian ini ada model yang mungkin kita ambil kira yakni satu model yang ambil kira, model yang sebagaimana dibuat oleh Wang Simpanan Pekerja yang berlandaskan caruman bulanan ataupun model kedua model Pertubuhan Keselamatan Sosial so ataupun model ketiga model yang kita laksanakan seperti model skim usia emas bila berlaku musibah tersebut dana tersebut dari Kerajaan boleh dikeluarkan. Atau pun penggabungan yang keempat ini antara model KWSP dan juga SOCSO. Keempat-empat model ini sebenarnya akan membawa implikasi yang berbeza kepada sistem pungutan, dan sistem pengagihan kepada golongan sasaran yang ada. Jadi untuk itu saya rasakan bahawa setelah selesai perkara-perkara insya-Allah Skim Caruman Wanita Selangor ini dijangkakan akan dapat dilaksanakan tahun depan, terima kasih.

Y.B. DATUK JOHAN B. ABD AZIZ: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN B. ABD AZIZ: Terima kasih Puan Speaker soalan nombor 42.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

**TAJUK: PEMBINAAN JAMBATAN DI PEKAN SEMENYIH MENGHALA KE
SIMPANG BROGA**

42. Pemaju dan MPKj telah mengumpul dana dan Kerajaan Negeri telah mengemukakan belanjawan RM6 juta untuk pembinaan jambatan tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status dana dan RM6 juta tersebut?
- b) Duit manakah yang akan digunakan untuk membina jambatan tersebut?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker projek cadangan pembinaan jambatan di Pekan Semenyih telah mula dirancang untuk dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kajang pada tahun 2006 dengan kos pembinaan yang dianggarkan berjumlah RM21 juta. Projek tersebut akan dilaksanakan menggunakan peruntukan

sumbangan di bawah terapan daripada pihak pemaju yang terlibat yang membangunkan projek-projek pembangunan di sekitar kawasan Pekan Semenyih. Walau bagaimana pun pelaksanaan fizikal projek hanya akan dilaksanakan setelah kutipan mencukupi. Kutipan yang terkini yang diperolehi adalah sebanyak RM1.6 juta sahaja.

Y.B. DATUK JOHAN B. ABD AZIZ: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN B. ABD AZIZ: Soalan saya bajet pada penggal lepas ada bajet negeri dimasukkan untuk pembinaan RM6 juta jadi kalau dana yang terkumpul tidak mencukupi, dana sumbangan di MPKj belum mencukupi bajet telah dilulus dan soalan saya bila nak dilaksanakan jambatan ini sebab kesesakan lalu lintas amat-amat kritikal.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ini seharusnya dibangkitkan di mesyuarat penuh di Kajang saya tidak bukti-bukti seperti itu kerana ini adalah projek Kajang, Projek Majlis Perbandaran bukan projek Kerajaan Negeri.

Y.B. DATUK JOHAN B. ABD AZIZ: Tapi soalan saya diterima.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya kita membantu.

Y.B. DATUK JOHAN B. ABD AZIZ: Bila nak laksanakan soalan saya ada diterima

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya kita membantu membekalkan maklumat apabila ditanya soalan seperti itu maka notis diperlukan sebab itu adalah angka-angka jadi itu yang saya maksudkan.

Y.B. DATUK JOHAN B. ABD AZIZ: Untuk pengetahuan Speaker saya juga bangkitkan pada penggal lepas sehingga ke hari ini saya tidak dapat jawapan.

TUAN SPEAKER: Saya minta EXCO Y.B Sungai Pinang dapat jawapan daripada MPKj untuk berikan kepada Semenyih dalam masa sidang inilah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tak ini soalan-soalan seharusnya dibangkitkan di Majlis Perbandaran Kajang bukan di sini. Ini adalah kita membincangkan dasar-dasar negeri dan kalau melibatkan PBT juga melibatkan dasar-dasar kerajaan negeri melibatkan PBT dan kita cuma membekalkan sedemikian. Jadi kita hanya bergantung kepada jawapan inilah. Jadi jika sekiranya Yang Berhormat ingin mendapatkan maklumat selanjutnya tulis kepada saya dan minta MPK jawablah, saya tidak boleh menjawab soalan seperti itulah.

TUAN SPEAKER: Ataupun kalau Yang Berhormat Semenyih tidak puas hati dengan jawab boleh tulis kepada Tuan Speaker merayu dan kita akan bantu dapatkan.

Y.B. DATUK JOHAN B. ABD AZIZ: Boleh cuma saya dah timbulkan balik sebab pada sidang yang lepas saya dah bagi saya tidak dapat jawapan jadi soalan saya diterima, kalau soalan saya tidak diterima saya tidak bangkitkan. Saya tanya bila nak laksanakan jadi penjelasan dari MPKj yang EXCO cakap saya dah faham jadi bajet telah diluluskan ada peruntukan RM6 juta bila laksanakan itu sahaja soalan saya.

TUAN SPEAKER: Baiklah tulis kepada saya Yang Berhormat Semenyih, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Puan Speaker soalan nombor 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK: NAIK TARAF PADANG PERMAINAN KEM AMPANG PECAH

43. Merujuk penyata kertas Bil.36/2011, muka surat 14.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah benar harga tawaran projek tersebut bernilai RM234,191.83?
- b) Berapakah nilai sebenar projek?
- c) Sila kemukakan butiran projek tersebut.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: *Bismillahhir rahmannir rahim* terima kasih Puan Speaker, terima kasih Hulu Kelang bertanya harga tawaran projek naik taraf padang permainan Kem Ampang Pecah adakah benar bernilai RM234,191.83. Ya benar harga tawaran dan itu adalah nilai sebenar projek itu. Perinciannya harga tawaran, surat tawaran beri 15 Oktober 2010, tarikh mula kerja 18 Oktober dan tarikh siap 27.12.2010 maknanya status siap sekarang sudah 100% dan kerja-kerja yang dilakukan dengan izin 15,000.00 *Volley ball court* RM89,692.74, sepak takraw *court* RM129,449. Empat (4) dan bayaran yang telah dibuat kontraktor yang terlibat adalah Asraf Venture daripada Kota Damansara yang telah dibayar setakat ini RM193,098.64 dan bakinya RM41,900.23 dan semua status pembayaran di atas belum mendapat pengesahan kerana kontraktor belum menghantar dokumen tuntutan bayaran akhir. Tetapi nilai itu memang nilai sebenar.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Minta maaf saya sudah pergi ke tapak dan kerja ini adalah kerja baik menaik taraf satu gelanggang *Volley ball* dan satu gelanggang sepak takraw dari segi kalau bajetnya RM200,000. EXCO belia telah membuat daratan anak muda dan kemudian cukup canggih jadi tidak setara jadi kalau saya mintalah satu proses menyiasat dan memastikan itulah harga yang sebenar.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Hulu Kelang, memang perkara seperti ini telah diambil kira dan pegawai tertinggi yang telah meluluskan projek ini telah pun diambil tindakan dan sekarang ini telah tiada di Yayasan Selangor.

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya

Y.B. TUAN KHASIM B. ABDUL AZIZ: Terima kasih Puan Speaker soalan nombor 44.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: PROJEK LANGAT 2

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah Kerajaan Negeri bersetuju dengan projek ini?
- b) Apakah syarat-syarat yang telah ditetapkan Kerajaan Negeri terhadap projek tersebut?
- c) Berapakah anggaran kos pembiayaan seluruh projek tersebut?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahhir rahmanir rahim* Puan Speaker Lembah Jaya bertanyakan tentang projek Langat 2. Saya akan mengambil sedikit masa untuk mengingatkan dewan tentang sejarah Langat 2. Perbincangan dan kajian mengenai perlaksanaan projek penyaluran air mentah daripada Pahang ke Selangor telah bermula seawal tahun 1982 lagi, projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor adalah projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan yang melibatkan pinjaman dari Jepun melalui JBIC Investment Corporation dimana pinjaman tersebut telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan JBIC pada 31hb Mac 2005 jumlah pinjaman sebanyak ialah 82,40 juta yen atau 2 juta, 774.4 ribu juta, perjanjian pinjaman dengan JBIC telah ditandatangani dan sebahagian daripada jumlah pinjaman telah disalurkan kepada Kerajaan

Persekutuan Malaysia bagi tujuan pembayaran kepada kerja-kerja yang telah dimulakan di bawah pelaksanaan projek ini. Mengikut perjanjian pinjaman sama ada projek ini disiapkan ataupun sebaliknya bayaran insurans perlu dibuat oleh Kerajaan Malaysia kepada JBIC bermula tahun 2016 mesti. Penjualan air mentah dari Negeri Pahang ke Selangor telah dimuktamadkan pada tahun 2008 lagi iaitu pada bulan Januari 2008. Pelaksanaan kerja-kerja keseluruhan pembinaan projek membuat empangan dan juga membuat saluran terowong untuk menyalurkan air telah sampai ke peringkat 94.8%. Projek Langat 2 pula merupakan sebahagian komponen di dalam projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor dan kerajaan negeri telah menandatangani tentang penerimaan projek tersebut. Pada ketika ini hanya menangguhkan sahaja untuk kelulusan berkaitan dengan penggunaan tanah dan projek tersebut kerana perbincangan mengenai penyusunan industri air Selangor secara holistik. Buat masa ini saya nampak dalam masa terdekat kita boleh dapat melaksanakan industri penyusunan semula industri air dan Langat 2 ialah sebahagian daripada program tersebut dan di mana Kerajaan Negeri melalui KDEB akan memantau berkenaan loji pembersih air untuk Langat 2.

TUAN SPEAKER: Sg. Burong

Y.B. DATUK MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan tambahan saya ialah sementara tak dijalankan. Bolehkah kita dapat kepastian daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar bilakah projek atau pun jadual pelaksanaan Projek Langat 2 ini boleh dimulakan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kita sudah membuat perjanjian atau pun walaupun Memorandum of *Understanding* itu kesefahaman tapi kita sudah buat perjanjian dengan dan Dokumen Perjanjian itu juga akan ditandatangani dengan masa yang sangat terdekat di mana Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan akan berusaha sama untuk melaksanakan penyusunan semula dan juga pembinaan Langat 2 serentak. Maknanya dengan secepat mungkin supaya penggunaannya akan dibuat bersama. Jadi saya rasa Negeri Selangor memberikan kenyataan tersebut, kita sudah bersedia untuk bersama jadi maknanya negeri Selangor punya *words* tak payah *agreement* pun *my words is my bond* maknanya kita buat, itu tak jadi masalah. Tapi dalam rundingan itu kita mesti menentukan penyusunan semula pun dibuat bersama yang sudah dipersetujui dan saya merasa Menteri yang air telah setiap masa memanggil dan berbincang untuk menentukan pelaksanaan itu dibuat dengan tepat dan rapi dan kita boleh menjawab. Soalan bukan daripada rakyat Selangor juga kepada rakyat Malaysia bagaimana usaha ini kita dapat dilaksanakan dengan baik. Dia jawapannya usaha sama, sama-sama berusaha bukan seorang sahaja berusaha, usaha sama untuk pelaksanaan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Adakah dengan membina Langat 2 ini dan di samping itu bermulanya Projek yang diceritakan itu oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar akan berlaku kelebihan atau pun lebih sumber air mentah di dalam negeri Selangor yang diperlukan. Bagaimana dari segi penanggungungan kos yang berlebihan takungan air mentah yang ada kemudian?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, Taman Medan bertanya, sebenarnya daripada teorinya air mentah kita memang berlebih daripada segi teori. *Because we don't know how to store it* air mentah memang berlebih dari segi teori tapi dengan pembinaan Langat 2 dan HORAS ini kita akan dapat sekurang-kurang dua kali ganda air yang boleh kita rawat untuk negeri Selangor. Maknanya kalau jumlah yang sekarang 5,000 juta liter sehari boleh digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor tetapi kita telah membuat satu projek supaya kita dapat 10,000 juta liter untuk sehari. Tujuannya kita bersedia untuk menentukan kita mempunyai air yang cukup sehingga 2050 ke-2070 itu. Jadi apa baiknya program ini? Program ini ialah kita sudah buat persediaan awal dan kedua HORAS ini dibina dengan menggunakan sumber-sumber yang ada di kawasan tersebut. Maknanya kita bukan sahaja dapat air mentah tapi kita menggunakan sumber-sumber itu untuk memperbaiki binaan HORAS. Maknanya tidak akan membebankan kita sangat tetapi beri kita jumlah air yang cukup bukan sekarang tetapi sekurang-kurangnya dua generasi yang akan datang.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.35 pagi dengan ini saya menanggungkan sesi Pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Sambungan Usul Menyembah Ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER: Saya mempersilakan Yang Berhormat Sg Air Tawar untuk menyambung Perbahasan, saya bagi 5 minit lagi dan bagi semua ADUN yang nak mengambil bahagian 10 minit seorang.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi masa selama dua hari untuk saya berbahas. Saya terus kepada *point* yang saya nyatakan mengenai isu air saya ucapkan tahniah dan syabas di atas keprihatinan usaha sama Kerajaan negeri dan tentunya perkara ini diambil selepas loji negeri Selangor dengan kekurangan air dan apabila loji maka alhamdulillah ya nampaknya usaha sama ini dilakukan dan kita berdoalah supaya perjanjian ini mendapat keredhaan dan kerestuan Allah. Yang Berhormat Speaker, mengenai dengan skim perumahan di negeri Selangor dan di Simpang Empat, Sabak Bernam pecah tanah telah pun dilakukan sebelum PRU Yang Ke-13 waktu itu

borang-borang diagih-agihkan kepada mereka yang berkeperluan. Harapan saya ialah agar perumahan ini dapat dilaksanakan. Ia di sekitar mungkin apa yang dibina nanti dengan harga dalam RM200,000 ke bawah kerana apa yang saya maklumkan bahawa di sebelah projek ini atau pun ini dapat satu projek perumahan swasta di mana harganya mencecah di atas RM300,000 seunit. Oleh itu Tuan Speaker saya berharaplah agar memang ini disegerakan dan kalau boleh dinyatakan bilakah tempoh bermula. Yang Berhormat Speaker apa yang saya maklum banyak program-program dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam program MES Selangor dan sama ada 17 program. Harapan saya ialah ada di antara program-program ini tidak kurang daripada peruntukan yang mencukupi dan ini sedikit sebanyak ialah membantutkan program tersebut. Harapan saya agar apa juga program yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor ini lebih perlukan yang sepatutnya supaya peruntukan ini dapat dijalankan melunaskan segala-galanya demi untuk rakyat negeri Selangor. Dalam proses menguatkuasakan Undang-undang, ia semalam Yang Berhormat Sekinchan nyatakan, ia ada beberapa plantar lepas direbutkan. Termasuklah pelantar di Bagan Simping Empat. Apa yang saya nak nyatakan di sini ialah penguatkuasaan itu perlu dibuat terlebih awal sama ada agensi-agensi Kerajaan negeri atau sebab yang apa saya lihat apabila plantar ini dibuat ia setelah hampir beroperasi barulah pihak LUAS datang dan merobohkan. Untuk makluman, untuk makluman bahawa projek ini menelan belanja RM400,000 dan hanya diberi sedikit pampasan dan saya haraplah kepada agensi-agensi Kerajaan dakwaan dan sebagai peringkat awal, janganlah benda dah jadi baru nak diruntuhkan seperti yang ditekan oleh Y.B. Sekinchan. Dan saya juga ucapkan tahniah dan syabas kepada PBT, Polis, Rela dan JAIS yang telah menyerbu premis-premis rumah urut dan hotel-hotel bajet yang disalah gunakan. Satu undang-undang yang ketat ya perlu dibuat untuk mengelakkan penyalahgunaan premis ini. Ya, untuk mengelakkan aktiviti-aktiviti tidak bermoral dilakukan sepanjang hari. Perkara ini telah pun saya sentuh pada Persidangan yang lepas iaitu membaiki jalan. Untuk makluman saya telah pun menghantar surat kepada pihak JKR bertarikh ... saya kena bawa sebagai bukti nanti kata kelentong pula bertarikh 21.10.2013 dan telah pun dibalas oleh pihak JKR pada 31 Oktober iaitu mohon baiki jalan dari Sg Air Tawar ke Simping Empat jauh 6 km dan mereka telah pun menjawab iaitu nama jalan Sg Air Tawar panjang jalan 60 km anggaran kos RM200,000 kaedah pembaikan senggara. Saya nyatakan perkara ini kerana jalan utama di mana banyaknya berlaku kemalangan jalan raya. Oleh itu saya memohon kepada EXCO yang bertanggungjawab ya untuk membaiki jalan ini dengan segera.

TUAN SPEAKER: Satu minit lagi Sg Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Terima kasih Tuan Speaker. Begitu juga dengan jalan Sg Tengah ini saya telah bawa pada Persidangan yang lepas pada orang-orang Kampung Sg Tengah ini saya dah bahaskan di Dewan jalan tak berjalan itu pihak Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab. Bahawa jalan ini sangat dah besar cuma tak panjang 3 km dan

bila berlaku kenduri, kematian jalan sempit maka kereta yang berlalu-lalang tak dapat berjalan dengan sebaiknya. Oleh itu saya haraplah pihak yang bertanggungjawab, EXCO yang jawab melihat, menilai agar perkara diambil perhatian sepanjang ini. Dan saya juga menyambung perkara mengenai Hulu Kelang kenaikan pangkat Guru-guru Sekolah, pekerja am di Sekolah Agama agar guru-guru ini betul-betul bertugas sebagai bukan sebagai tukang kebun dan akhirnya, akhirnya dah merah itu satu tahun saya menjadi ADN dan memerhati perbahasan oleh semua ADN. Ada kadang ADN seolah-olah di *doctrine*, ya setengah-tengah ADN untuk menyalahkan pentadbiran dan Kerajaan BN yang lalu. Adalah lebih baik agar ADN-ADN ini menerangkan ya dan juga sepatutnya membaiki perkara-perkara yang telah pun mungkin dilakukan oleh Kerajaan yang lalu dan laksanakanlah di sebab kita sekarang dalam proses ujian, proses ujian itu sahaja yang saya nyatakan pada hari ini oleh sebab masa saya dan kalau boleh ya berilah masa yang panjang. Maka dengan itu, maka saya dengan ini ya Menjunjung Kasih dan Menyokong Titah Ucapan Tuanku yang telah diucapkan pada hari Isnin yang lalu.

TUAN SPEAKER: Baiklah saya minta semua ADUN duduk dulu. Saya nak bagi peringatan kepada semua Agensi Kerajaan dan Ahli EXCO yang hadir supaya ambil maklum, ambil nota Perbahasan ADN kerana 3 kali setahun sahaja ADUN masuk dan membawa isu-isu setempat melalui Perbahasan mereka jadi saya berharaplah mereka akan mendapat maklum balas mereka daripada wakil-wakil Kerajaan, Agensi-agensi Kerajaan yang hadir pada hari ini.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Seri Serdang.

TUAN SPEAKER: Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN MOHD AZIZ: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera salam 1Malaysia. Terlebih dahulu Semenyih ingin mengucapkan terima kasih dan memohon mengambil bahagian dalam Perbahasan atau Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena pembukaan Dewan Yang Mulia Ini. Tuan Speaker, saya ingin membangkitkan peranan PBT sebagai penyediaan perkhidmatan Perbandaran. Perlulah berintegriti proaktif telus, *transparent* dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas. Rakyat sebagai pembayar cukai berhak mengetahui tentang peranan gerak kerja dan prestasi PBT yang menguruskan kawasan mereka. Pengurusan Bandar yang efektif dan efisien akan meningkatkan lagi keyakinan rakyat perkhidmatan PBT itu sendiri. Isu yang saya bangkitkan iaitu kawasan lapang dan rizab jalan di MPSJ.

Kawasan lapang merupakan mana-mana tanah sama ada dikepong atau tidak yang dikhaskan atau dirizabkan untuk dikhaskan atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin

awam, tempat jalan kaki awam atau sebagai suatu tempat awam menurut tafsiran dalam akta 172, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Saya tidak faham bagaimana tapak di USJ berhampiran Taipan yang telah diwartakan sebagai kawasan lapang sebelum bertukar sebagai kawasan komersial dan kediaman bertingkat. Ini dibuktikan dengan kenyataan dari Encik Arfar Singh bekas Yang Dipertua MPSJ yang menyatakan permohonan untuk menjadikan kawasan lapang tersebut sebagai pusat komersial dan kediaman bertingkat telah pun ditolak oleh beliau sendiri pada tahun 2007. Begitu juga bagaimana MPSJ gelap mata atau meredhakan kewujudan sebuah kilang kereta di atas rizab jalan di Jalan 2/15, Taman Perindustrian Utama yang dimiliki oleh Ahli Jawatankuasa DAP. Ini Sekinchan perlu *take note* hal ini. Ini ada gambarnya.

Soalan saya apakah negara ini sudah tiada undang-undang, mengapakah hanya rakyat yang perlu mematuhi undang-undang, apakah benar agensi kerajaan dan syarikat tidak perlu. Kawasan lapang merupakan kawasan simpanan yang boleh dimanfaatkan bagi mengadakan berbagai-bagai program kemasyarakatan. Apakah yang berlaku kepada masyarakat di kawasan itu untuk jangka masa sepuluh tahun atau lima belas tahun akan datang. Perkara seperti ini tidak sepatutnya berlaku, saya minta pihak-pihak berkenaan menyiasat perkara ini telah berlaku pelanggaran undang-undang. Seterusnya saya ingin menyentuh juga tentang peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia iaitu MARRIS. Datuk Sungai Burong semalam cakap MARRIS dah betulkan semalam dalam bahasa jawa, begitu juga dalam soal infrastruktur jalan raya Kerajaan negeri dilihat masih gagal melaksanakan usaha-usaha yang terbaik bagi memastikan Selangor bukan memiliki kemudahan terbaik kepada pelabur tetapi juga kepada rakyat khususnya. Kelemahan Kerajaan Negeri ini jelas direkodkan di dalam laporan audit negara 2012 yang mana daripada jumlah keseluruhan RM1.14 bilion peruntukan MARRIS yang disalurkan kepada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2010 sehingga 2012 namun hanya RM640.42 juta sahaja telah dibelanjakan untuk tujuan penyelenggaraan jalan raya di negeri ini. Ini bermakna sebanyak RM500 juta baki peruntukan MARRIS yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat sepanjang tempoh 3 tahun berkenaan tidak dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri. Disebabkan ketidakcekapan pengurusan peruntukan tersebut bukan hanya pihak industri bahkan rakyat Selangor terpaksa menerima kesan dalam menikmati taraf kemudahan jalan raya. Berdasarkan laporan ketua audit 2012 kira-kira 75% responden penggunaan jalan raya tidak berpuas hati dengan tahap keselesaan dan keselamatan jalan raya di negeri ini. Malah laporan ini turut menyebut bahawa pelaksanaan kerja penyelenggaraan jalan raya negeri juga kurang memuaskan kecuali daripada aspek tindakan terhadap aduan pengguna dan kejadian kecemasan. Selain itu pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri juga mendapat teguran daripada Ketua Audit Negara yang menetapkan sembilan penemuan negeri dalam pengurusan MARRIS dengan izin saya bacakan satu persatu. Yang Pertama Wang pemberian MARRIS tidak dibelanjakan secara optima. Yang kedua Perbelanjaan yang tidak dibenarkan dan tidak dapat disahkan. Yang ketiga kerja

penyelenggaraan yang dirancang tidak di laksana. Yang keempat penyelenggaraan yang diperlukan tidak di laksana. Yang kelima kualiti kerja penyelenggaraan kurang memuaskan. Yang keenam kerja penyelenggaraan kurang berkesan. Yang ketujuh tindakan terhadap aduan pengguna di kejadian kecemasan memuaskan tetapi masih boleh dipertingkatkan. Yang kelapan maklumat jalan dan MARRIS tidak dikemaskini. Dan yang akhir yang kesembilan pelaburan kumpulan wang kurang teratur.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku minta mencelah.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Saya ada sepuluh minit sahaja.

TUAN SPEAKER: Betul.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Bagi saya habiskan lagi

TUAN SPEAKER: Betul. Tidak dibenarkan, Kampung Tuanku minta duduk, Semenyih teruskan..

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Teruskan ya, saya juga ada bukti bahawa ini jelas contohnya Seksyen 3 Shah Alam berhadapan INTEKMA berlubang ini ada gambar, Seksyen 7 Shah Alam tadi EXCO bagi tahu garis panduan baru terima macam tak masuk akal sedangkan peruntukan MARRIS ini dah pun lama dah berpuluh-puluh tahun. Jadi saya tidak boleh terima penjelasan yang menyatakan garis panduan baru diterima oleh EXCO tadi. Jadi dikemaskinikan sebab itu saya minta berilah laporan setiap enam (6) bulan kepada ke semua ADUN kita pun boleh sama membantu memantau peruntukan yang diberi kemudahan untuk rakyat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Saya tidak cukup masa.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Seminit sahaja.

TUAN SPEAKER: 1 minit tidak dibenarkan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Saya rasa saya habiskan tidak cukup masa. Satu lagi yang ingin saya sentuh kemudahan *parking*. Namun ingin saya menarik perhatian Ahli dewan sekalian ketiadaan ruang *parking* yang mencukupi dan kemudahan *parking* yang sedia ada PJ New Town, Dataran Sunway Kompleks Sunway Giza di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya, MBPJ.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Sememangnya bukan tempat ini sahaja malahan turut terjadi di seluruh negeri Selangor, persoalan yang timbul.

TUAN SPEAKER: Semenyih, Kampung Tunku minta penjelasan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Masa tidak cukup.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: 10 saat sahaja.

TUAN SPEAKER: Saya bagi 1 minit *extra*.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Oh ya bolehlah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ok bagus terima kasih, saya kena cepat saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut tentang Shah Alam, PJ New Town, Subang Jaya, USJ tentang ketidakcukupan tempat letak kereta, jalan yang rosak macam-macam di seluruh Selangor bukannya Semenyih. Adakah kena dengan MARRIS ini, adakah Semenyih mempunyai contoh-contoh pernah memohon peruntukan MARRIS Kerajaan Negeri untuk membuat jalan dan parit di Semenyih ini tidak dibenarkan. Ada tak, saya lebih masuk akal kalau contoh diberi di DUN Semenyih itu.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Satu minit dah habis.

TUAN SPEAKER: Ok Kampung Tuanku, Semenyih teruskan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Dah bangkitkan tadi ini pun saya nak bangkitkan tadi soalan saya pada penggal lepas saya menerangkan bahawa wujudnya tabung itu kawasan saya di Semenyih itu isu saya di kawasan saya tiada jawapan pun. Dan soalan saya diterima. Saya tanya dulu ada dana diwujudkan oleh MPKj hari ini dah jelas dah ada jawapan RM1.4 juta tadi kot dah disebut.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Jawapan ada jabatan.

TUAN SPEAKER: Semenyih saya tadi sudah putuskan tulis surat jadi guna masa ini untuk isu-isu yang lain.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Saya dah tahu dia tidak nak bagi habiskan *point* saya yang penting saya rasa. Adakah tentang isu *parking* tadi adakah isu parking merupakan cara mengikut peraturan tetapi penyediaan ruang *parking* di tahap minimum. Inikah model negeri berkebijakan seperti yang dicanang tetapi

pada masa yang sama cas *parking* dinaikkan 60 sen berbanding 40 sen sebelum ini. Adakah kerajaan negeri sedia ada menanggung di dalam air yang keruh.

TUAN SPEAKER: Semenyih, kalau bawa isu lama, inilah tengok semua membangkang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Benarkan atau tidak Semenyih. Semenyih tidak benarkan Sekinchan duduk. Bukit Gasing duduk.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Nanti dia banyak guna bahasa jawalah. Isu seterusnya dibangkitkan tentang lesen perniagaan. Kenaikan kadar lesen perniagaan mendadak antara 300% sehingga 400%.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku sila duduk.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: 400% di kawasan PBT dilihat akan menambah lagi kos sara hidup yang ditanggung rakyat khususnya di Negeri Selangor. Kenaikan lesen perniagaan sebagai contoh Majlis Bandaraya Shah Alam kadar lesen perniagaan Majlis Bandaraya Shah Alam mencecah 180% kenaikan antara aktiviti perniagaan yang terlibat kenaikan dengan lesen perniagaan tekstil sebanyak 180% iaitu daripada kadar asal 400 kepada 1020. Ini juga melibatkan banyak PBT di Majlis Perbandaran Kajang juga terlibat menaikkan lesen perniagaan sehingga 280% jika perbandingan dibuat dengan kadar tahun 2013 untuk pelbagai jenis perniagaan. Jenis perniagaan menjual kereta terpakai mengalami kenaikan sebanyak 282% iaitu daripada 390 pada 2013 kepada 1,490 tahun 2014. Kenaikan kadar lesen perniagaan yang tertinggi membebankan pengusaha yang terdapat pengusaha sebuah kilang proses makanan memaklumkan pembayaran cukai pintu tinggi mencecah 6000 dan kenaikan kadar lesen perniagaan yang mendadak menjejaskan perniagaan mereka dan akhirnya beban akan ditanggung oleh pengguna.

TUAN SPEAKER: Habis ayat terakhir Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Tadi kata ada tambahan Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sudah tambah.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Dah tambah jadi kalau tidak ada saya teruskan saya mohon kepada pihak EXCO yang bertanggungjawab dan juga hal PBT ini saya dapati bahawa kebelakangan ini banyak aduan-aduan yang telah dikemukakan kepada Majlis Perbandaran dan juga kepada saya tolonglah segerakan isu pelantikan Ahli Majlis kerana inilah perantaraan antara Kerajaan

Negeri dengan Ahli Majlis dan saya difahamkan baru sahaja selesai pelantikan-pelantikan Ahli Majlis ini dan banyak komuniti-komuniti taman memberi aduan kepada saya bahawa ahli-ahli Majlis tidak turun dan mereka selaku Pengerusi Persatuan Penduduk atau Pengerusi PPRT di taman tidak mengenal pasti siapa Ahli Majlis di kawasan masing-masing. Jadi tentang isu PBT ini saya harapkan di segerakanlah pelantikan Ahli Majlis ini walaupun kuota ini saya tengok tidak seimbang, saya bukan nak menyibuk tetapi daripada minat sikit dahulu kita adil dan saya tidak pasti pakatan hari ini ada pakatan secara baik atau tidak.

TUAN SPEAKER: Panjangnya ayat terakhir cepat.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Jadi apa yang ingin saya sampaikan katakan tentang isu pelantikan ahli majlis ini mohonlah disegerakan dengan ucapan itu Semenyih memohon untuk menyokong usul titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Terima kasih Gombak Setia. *Bismillahhir rahmannir rohim, Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh*, dan salam sejahtera Sidang Dewan yang mulia ini izinkan saya mulakan perbicaraan ini dengan membacakan firman Allah SWT daripada surah Sabak ayat yang ke 15 (membaca Al-Quran). Mafhumnya Demi sesungguhnya adalah bagi penduduk Negeri Sabak satu petanda yang membuktikan kemurahan yang terdapat di tempat tinggal mereka iaitu dua kumpulan kebun yang luas selagi subur yang terletak di sebelah kanan dan kiri kampung mereka lalu dikatakan kepada mereka makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu bersyukurlah kepadanya negeri kamu ini adalah baik, aman dan makmur dan Tuhan kamu adalah yang maha pengampun.”

Tuan Speaker, Sidang Ahli Yang Berhormat sekalian Gombak Setia menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam sidang pembukaan DUN baru-baru ini. Ayat yang saya bacakan sebentar tadi telah menjadi asas dan landasan kepada pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat dalam tempoh yang ada ini dan sering diulang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Alhamdulillah sepanjang tempoh ini pihak kerajaan Pakatan Rakyat telah menggembleng semua rancangan dan fokus kerja ke arah menjadikan Selangor (bahasa Arab) negeri yang baik. Dan kita lihat kita berjaya menterjemahkan negeri yang baik ini dan memenuhi kehendaknya kita melihat pentadbiran yang berintegriti, telus, pembangunannya holistik, duniawi, ukhrawi, insani semua diambil kira dan kita lihat kita menterjemahkan kesyukuran kita di atas rezeki yang Allah berikan, kita kongsi rezeki ini, hasil ini dengan rakyat melalui program-program yang disebut sebagai merakyat ekonomi Selangor. Kebajikan dan keadilan rakyat terpelihara, semua ini kita lakukan ke arah menjadikan Negeri Selangor sebuah negeri yang baik alhamdulillah ia membuka pintu keberkatan daripada Allah SWT dengan

menambahkan rezeki kepada kita di Negeri Selangor ini. Kita lihat pendapatan kita bertambah, rizab kita bertambah, pungutan zakat kita bertambah dan bila bertambah jangan lupa kita syukur dengan kita menurunkan balik kepada rakyat. Dan semua ini kita lakukan tanpa kita berdiri di atas kesengsaraan rakyat sebab itu saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong apa yang disebutkan oleh Bangi supaya kita tidak menjadikan Negeri Selangor ini sebagai Negeri *Jibayah* sebaliknya menjadikan Negeri Selangor ini negeri yang mengusahakan hidayah dan keberkatan dari Allah SWT. Dalam tempoh yang ada ini kita juga tidak menafikan bila masuk ke dalam penggal kedua kita lihat sebelum ini mungkin kita teruja dengan berbagai-bagai program. Rakyat tertunggu-tunggu rakyat suka mamun harus juga kita lihat bahawa hal ini semakin menurun. Mungkin ada perkara-perkara yang berkaitan dengan program-program merakyatkan Negeri Selangor ini harus dilihat semula dan diperkukuhkan serta diberikan penambahbaikan yang terbaik supaya rakyat terus menikmati. Kita tak nak ketika kita dilimpahi dengan rezeki yang baik ini, kita tidak memberi balik kepada rakyat. Kita lihat ada seolah-olah ada program-program yang tergendala antaranya mungkin Mimbar contoh ada program yang mungkin hanya sehingga bulan 4 seperti Tunas. Mungkin hal ini seperti mana yang disebut oleh rakan saya daripada Air Tawar menyebutkan tentang peruntukan yang mungkin tidak mencukupi yang diberikan untuk melaksanakan program ini. Sebagai contoh Tunas, Tunas yang dulunya mereka yang boleh menerima, ialah mereka yang berpendapatan sehingga RM1,500. Hari ini sudah ditingkatkan kepada 3,000 sudah pasti peruntukannya perlu ditambah kalau dulu mungkin pada kadar yang tertentu hari ini sehingga untuk mencapai ke hujung tahun ia perlu ditambah. Sebab itu dalam kesempatan yang ada ini juga oleh kerana masa yang saya ringkas ingin menyarankan beberapa perkara juga kepada pihak kerajaan negeri untuk kita lihat. Pertama berhubung dengan isu kebajikan, kebajikan yang meliputi semua lapisan masyarakat tanpa mengira sempadan, agama dan kaum. Kalau kita lihat di dalam Islam, kita ada zakat yang mana zakat ini kita perolehi, kita kumpul daripada golongan yang berkemampuan untuk diberikan kepada golongan asnaf dan alhamdulillah saya memuji khususnya Lembaga Zakat yang berada ataupun yang menguruskan di sekitar Gombak banyak membantu khususnya bila ada berlakunya bencana-bencana tidak diduga ditimpa pokok sebagainya. Mereka turun membantu bagi orang Islam tetapi kita kadang-kadang menghadapi sedikit masalah kalau sekiranya perkara-perkara ini berlaku kepada mereka yang bukan Islam mungkin peruntukannya agak sedikit diberikan kepada JKM ataupun mungkin perlu di peringkat negeri ada satu tabungan yang seolah-olah berbentuk zakat yang boleh dikumpulkan daripada sumbangan-sumbangan mereka yang bukan Islam pula.

Yang kedua saya juga ingin menyarankan berhubung dengan tempat saya di Gombak Setia, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana Kerajaan Negeri telah melakukan ataupun merencanakan rancangan khas bagi di Kampung Sungai Pusu yang kita lihat bagaimana Kampong Sungai Pusu ini terletaknya beberapa Institusi-institusi pengajian tinggi sehingga pernah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika lawatannya ke UIA menyarankan atau mencadangkan supaya ia

kawasan Sungai Pusu terutama di sekitarnya dijadikan sebagai Bandaraya Ilmu dan kita lihat Kerajaan Negeri telah mengemukakan IKK, rancangan khas Kampung Sungai Pusu yang saya kira sebagai salah satu usaha untuk mengkategorikan dan juga untuk memastikan pembangunan di Sungai Pusu ini berjalan dengan teratur dan terancang. Walau bagaimanapun kita, lihat kalau tuan-tuan melawat ke Kampung Sungai Pusu suatu ketika dahulu sungainya jernih dibuat mandi hari ini oleh kerana adanya pembangunan-pembangunan tidak terancang yang dilakukan oleh pihak-pihak individu, ataupun syarikat-syarikat yang tidak beroleh kebenaran, ada kuari-kuari pasir yang mungkin melakukan ia secara tidak sah menyebabkan kawasan Sungai Pusu ini haru sekali lagi diberikan perhatian kerana di situ juga terdapat warisan negara dan dunia yang sangat penting iaitu Permatang Kuzah.. Genting Klang.

Yang keduanya baru-baru ini di kawasan Gombak Setia telah dipilih sebagai salah satu ada dari jalan *Le Tour De Langkawi* yang mana jalan tersebut meliputi Gombak Utara membawa ke Bentong dan malahan kawasan tersebut menjadi pilihan sektor penunggang-penunggang basikal untuk menjadikan kegiatan hujung minggu mereka. Walau bagaimanapun kita lihat prasarana di situ, keadaan di situ hanya tidak begitu kondusif, tidak begitu selamat digunakan sebagai mereka berbasikal ataupun bermotosikal tetapi oleh kerana suasananya keadaannya yang sangat belum tercemar, ada hutan-hutan yang baik, seterusnya saya mencadangkan mungkin diberikan perhatian oleh pihak EXCO pelancongan. Mungkin boleh dinaik tarafkan ataupun diberikan perhatian kepada Eco Sport Tourism di kawasan Gombak khususnya ataupun di Selangor secara keseluruhan. Sebab itu saya cadangkan supaya dilakukan pembaikan dan penyelenggaraan jalan dari Batu 12 Jalan Gombak Merbau Sempah ianya mewujudkan kawasan rawat berbasikal seperti Anjung Tinjau, minuman, *parking* untuk kenderaan mereka yang berbasikal. Ketiganya memastikan penyeliaan keselamatan dan pencegahan jenayah dan juga ketiga mencerap kecerunan bukit-bukit agar kukuh dan selamat. Dan yang akhirnya Puan Speaker ialah saya ingin menyarankan mengambil semangat daripada titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang menyentuh mengenai kerjasama erat, semua pihak bagi memastikan kesejahteraan Negeri Selangor dan rakyat secara keseluruhan supaya kita meneruskan aspirasi ini dengan menyematkan atau pun dengan kerjasama yang saya panggil sebagai satu wajah. Iaitu ADUN dan Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri dan semua agensi yang ada kita bersatu untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Kita mahu supaya kita selaras dan saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Dato' DO Gombak, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang, yang selama kita melakukan kegiatan atau pun melakukan aktiviti turun padang, mereka memberikan kerjasama yang sangat baik untuk memastikan masalah rakyat dapat didengari dan diberi perhatian secara melalui program-program turun padang.

TUAN SPEAKER: Yang terakhir Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Sebab Itu insya-Allah dengan kerja yang kita lakukan secara satu wajah ini kita paling dukung mendukung di antara satu sama lain dan diberikan perhatian terhadap satu sama lain. Tidak diketepikan mana-mana pihak yakin mungkin insya-Allah titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor supaya kerjasama erat yang terbentuk dan terjalin teguh akan dapat dilaksanakan, Sekian, terima kasih saya menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

TUAN SPEAKER: Teluk Datuk.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Bila lampu kuning menyala simpulkan.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Semalam tunggu sampai hari ini. Terima kasih Tuan Speaker kerana memberikan peluang Teluk Datuk untuk menyokong usul menjunjung kasih titah Tuanku Sultan Selangor, salam ceria semua Ahli Dewan Undangan Negeri, semua pegawai Kerajaan Negeri dan yang saya hormati Tuan Speaker. Teluk Datuk ingin mengambil kesempatan ini syabas dan juga tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Barisan EXCO kerajaan negeri Pakatan Rakyat di atas daya usaha, yang gigih dan juga bersungguh-sungguh untuk mengekalkan Negeri Selangor Darul Ehsan sebagai sebuah negeri yang maju, selamat dan juga selesa didiami di Negara kita. Tuan Speaker yang dihormati Teluk Datuk ingin membawa masalah-masalah rakyat yang tinggal di Bandar Saujana Putra, Jenjarom Daerah Kuala Langat ke dalam dewan yang mulia ini. Untuk maklumat semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Bandar Saujana Putra, Jenjarom Kuala Langat yang mula dibangunkan pada tahun 2003 kini mempunyai bilangan penduduk melebihi 25,000 orang. Kawasan perumahan ini dikelilingi dengan rangkaian Lebuhraya Utara, Selatan Tengah lebih dikenali sebagai Elite Highway dengan izin juga Lebuhraya Lembah Klang Selatan dan lebih dikenali sebagai NKVE dan di bawah pentadbiran Majlis Daerah Kuala Langat bersebelahan sahaja dengan Putra Height dan juga Putrajaya.

Tuan Speaker, Teluk Datuk menyambut baik inisiatif kerajaan negeri membina jambatan Klang yang ketiga dengan menelan kos RM300 juta akan tetapi Teluk Datuk ingin menyarankan dukacitanya kerana perasaan kedukacitaan kerana masalah kerosakan serius, jalan Kampung Lombong, Bandar Saujana Putra yang telah Teluk Datuk kemukakan melalui soalan pertanyaan mulut di mesyuarat kedua penggal Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan ke-13 tahun 2013. Tetapi sehingga pada hari ini tiada apa-apa pun kerja-kerja baik pulih dijalankan. Tuan Speaker untuk makluman jalan Kampung Lombong merupakan satu-satunya nadi perhubungan Jalan tanpa tol pada setiap hari digunakan oleh ribuan penduduk di Bandar Saujana Putra khususnya bagi ibu bapa yang menghantarkan anak-anak ke sekolah menggunakan jalan ini. Jalan ini sangat penting, dan berkepentingan

kemudahan pandu lalu di kawasan perumahan Bandar Saujana Putra khususnya ke Taman Dagang Emas, Taman Putra Prima dan juga kawasan perumahan di sekitar Puchong. Tuan Speaker, Teluk Datuk dengan rasa rendah diri ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya sekurang-kurangnya dua jalan alternatif tanpa tol dibina untuk kemudahan dan keselesaan penduduk-penduduk di sini supaya mula dari Jalan Kampung Lombong menuju ke Kota Kemuning Shah Alam atau pun jalan alternatif yang lain bermula dari Bandar Saujana Putra Jalan Kampung Lombong menuju ke Taman Dagang Emas, Taman Putra Prima dan juga kawasan sekitarnya Bandar Puchong.

Puan Speaker, Teluk Datuk dengan rasa rendah diri ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya sekurang-kurangnya dua jalan alternatif tanpa tol dibina untuk kemudahan dan keselesaan penduduk-penduduk di sini supaya mula dari jalan Kampung Lombong menuju ke Kota Kemuning Shah Alam ataupun yang jalan alternatif yang lain bermula daripada Bandar Saujana Putra Jalan Kampung Lombong menuju ke Taman Dagang Mas, Taman Putera Prima dan kawasan sekitar Bandar Puchong. Puan Speaker dalam masa yang terdekat, Teluk Datuk meminta kerajaan negeri yang prihatin dan berkebakikan rakyat membaik pulih sebahagian besar jalan Kampung Lombong yang rosak serius. Tuan Speaker Teluk Datuk menyeru kerajaan negeri yang sentiasa peka ke atas keperluan rakyat dapat juga menyediakan sekurang-kurangnya dua buah dewan orang ramai masing-masing bertapak di Seksyen 6 dan juga Seksyen 9 Bandar Saujana Putera yang mana pihak pemaju telah pun menyediakan tanah lapang tersebut untuk dibangunkan. Tuan Speaker, dewan orang ramai ini adalah perlu sebagai kemudahan asas yang dapat digunakan oleh penduduk-penduduk di sini untuk berhimpun mahupun menjalankan aktiviti kemasyarakatan. Dan Tuan Speaker, perkara lain yang sungguh penting melibatkan kebajikan dan kesejahteraan warga daerah Kuala Langat. Ini yang perlu saya sentuh, sangat penting iaitu saya dengan rasa rendah diri meminta kerajaan negeri mengkaji dan meneliti semula untuk menaik taraf kan Majlis Daerah Kuala Langat kepada Majlis Perbandaran. Di dalam dewan yang mulia ini, Teluk Datuk ingin memuji dan mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah termasuk juga Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat termasuk juga Yang Dipertua, Ahli-ahli Majlis, Pegawai-pegawai dan kakitangan MDKL yang tekun terus untuk menjalankan dan melaksanakan program-program MES yang telah dirangka dan disediakan oleh kerajaan negeri. Teluk Datuk dengan rasa rendah diri menyeru kerajaan negeri tibalah masanya untuk mendirikan sebuah bangunan baru, bangunan baru MDKL untuk kegunaan semua penjawat awam di Majlis Daerah Kuala Langat. Tuan Speaker Teluk Datuk telah pun menurun padang beberapa kali dan seimbab pandangan bangunan utama MDKL di Persiaran Majlis Jalan Sultan Alam Shah, Banting sedia ada telah berkeadaan usang dan ruang kerja juga tidak cukup untuk kegunaan pegawai-pegawai jabatan-jabatan. Ini jelas menunjukkan bahawa sesetengah jabatan seperti jabatan landskap telah pun dipisahkan di Jalan Suasaa 1 di Pekan Banting dan juga bahagian paling penting juga di MDKL bahagian Penguatkuasa dan Keselamatan bertempat pula di bangunan pejabat tepi Dewan Sri

Jugra Jalan Stadium. Tuan Speaker, yang perkara kedua yang saya ingin membawa perhatian di dewan yang mulia ini adalah merupakan soalan bertulis dan dijawab daripada pihak kerajaan negeri yang mana saya bertanya status kerja-kerja baik pulih bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat yang mana perkara ini saya kira sangat penting kerana pagi tadi sebelum saya sampai ke sidang dewan ini saya telah pun berkunjung sekali lagi ke tapak PDT Kuala Langat, saya mendapati kos keseluruhan pembaikan yang diberi jawapan oleh kerajaan negeri yang telah pun menelan sebanyak RM3 juta dalam tempoh baik pulih selama 8 bulan dan tanggungan kecacatan selama dua tahun ini bermula pada tahun Disember 2012 sehingga Disember 2014 dan ditanggung oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor. Saya nak ambil tahu tentang keseriusan keretakan ini dan dijawab bahawa bangunan ini adalah selamat digunakan kerana struktur tidak terjejas. Tuan Speaker saya amat mempersoalkan tentang jawapan bangunan ini selamat digunakan kerana struktur tidak terjejas kerana bagi saya kerana nak melangkah masuk ke dalam pejabat daerah dan tanah saya pun takut dia akan runtuh . fasal apa jikalau ahli-ahli Y.B. ataupun Y.A.B. Dato Menteri Besar, ada masa kita turun padang bersama-sama. Saya mempersilakan kita pergi ke tempat tersebut anda akan nampak dengan serius keretakan tu badan besar macam saya ni juga boleh berselindung di bawah tangga di bawah. Jadi saya minta juga bahawa laporan-laporan daripada siasatan forensik oleh unit forensik dan juruteknik JKR Selangor ini dibekalkan kepada saya dengan secepat mungkin. Dan masalah yang terakhir yang ingin bangkitkan adalah yang telah pun dibawa oleh...dah jadi kuning lah...

Yang Berhormat sekalian, Tuan Speaker, perkara terakhir yang saya ingin bawa untuk perhatian kerajaan ng dalam dewan yang mulia ini yang telah pun dibangkitkan oleh YB Lembah Jaya dan YB Teratai dalam mesyuarat yang lepas iaitu Pusat Pelancongan Menara Tinjau Ampang Jalan Hulu Langat. Saya ingin bertanya kerajaan negeri adakah kerajaan negeri akan menimbang semula untuk membenarkan pembukaan semula ataupun dengan izin *privatization* menswastakannya. Cadangan ini adalah penting kerana tempat pusat pelancongan ini adalah salah satu *Green Resort* dengan izin dan mempunyai daya tarikan yang unik untuk menarik pelancong dalam dan luar negeri. Dengan kata-kata itu Teluk Datuk sekali lagi menjunjung kasih titah ucapan Tuanku Sultan Selangor dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Puan Speaker. Assalamualaikum WBT sebab diberi 10 minit kita terpaksa ringkaskan ucapan kita. Seri Serdang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini yang pertama pelaburan di negeri Selangor sepanjang tahun 2013 terus meningkat iaitu dengan berjumlah RM9.8billion dengan bilangan projek sebanyak 228 dan menyediakan lebih 200 ribu peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor. Cadangan Seri Serdang mencadangkan kepada semua ADN-ADN memainkan peranan untuk mendapatkan

pekerjaan kepada rakyat di bawah DUN masing-masing demi menjaga kecemerlangan Selangor dan tidak diisi tempat ruang kosong ini kepada warga asing. Yang kedua berkenaan dengan air, rata-rata yang kita nampak semua Adun-adun menyebut tentang air. Ingin juga Seri Serdang mencadangkan agar catuan air ini, sekarang ini dua atau tiga hari sekali, tapi Seri Serdang mencadangkan agar catuan air ini diselang selikan. Satu hari ada, satu hari tak ada. Memandangkan Seri Serdang adalah kawasan yang luas yang diduduki oleh rakyat yang begitu ramai dengan bangunan flat yang bertingkat-tingkat dan kasihan kepada penduduk-penduduk di Seri Serdang, Insya-Allah. Saya rasa seri serdang ini banyak flat. Jadi kepada ABBAS, SYABAS, apa-apa yang BAS-BAS tu tolong ambil perhatian. Insya-Allah. Yang seterusnya kita berbangga kerajaan negeri berbelanja cukup berhemah dan membentangkan belanjawan yang seimbang selama 6 tahun berturut-turut bahkan tidak perlu meminjam daripada kerajaan pusat untuk menampung perbelanjaan mentadbir urus negeri Selangor. Kita berbangga negeri kita kaya alhamdulillah. Seri Serdang ingin mencadangkan supaya diberi kemudahan kepada ADN-ADN dan pegawai-pegawai kawasan insurans kesihatan, *medical card*, panel doktor atau panel hospital seperti mana yang didapati oleh EXCO dan juga Ahli-ahli Majlis PBT. Ini menandakan keprihatinan kerajaan negeri, kepada kami ADN-ADN yang tidak mengenal erti penah dan lelah, bekerja siang dan malam, tetapi terpaksa menunggu dan beratur di hospital kerajaan bersama rakyat jelata. Tidak lah semudah itu apa yang dianggapkan tetapi demi masa sesungguhnya kita selalu dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman. Insya-Allah. Yang seterusnya berkenaan warga emas, khairat kematian diberi 2500, ini seolah-olah warga emas menunggu hari kematian. Tetapi yang kita cadangkan pada sidang DUN yang lepas, peruntukan sempena hadiah hari lahir mereka. Di sini Seri Serdang ingin menyarankan supaya ini menjadi satu kenyataan untuk warga emas. Dan seterusnya usul yang diminta oleh DN Seri Serdang sebelum ini mengikut perkapita peruntukkan tambahan, peruntukan DN sehingga hari ini tidak mendapat jawapan dan diharap kepada kerajaan negeri untuk ambil perhatian perkara ini. Yang keempat seterusnya tentang berkenaan kefahaman agama, yang telah pun diucapkan oleh Damansara Utama Semalam, dan Seri Serdang ingin membangkitkan bahawa Islam mengajar kita berprihatin kepada agama masing-masing, dan pemimpin-pemimpin agama begitu juga berbincang untuk menyatupadukan penduduk-penduduk setempat khususnya dan Seri Serdang menyarankan agar kepimpinan keseluruhan membuat dialog untuk menyatukan agama-agama yang ada di dalam negeri Selangor ini. Perkataan dengan Al-kitab, Seri Serdang menyarankan agar kembalikan semula kepada orang-orang yang berhak menerimanya..(tepukan ramai) sebab apabila Al-kitab ini, begitu juga dengan orang Islam, kita marah kepada orang-orang agama lain, mempersenda-sendakan agama kita terutama Al-Quran dibubuhkan di dalam lubang jamban, lubang toilet, kita rasa marah, begitu juga dengan mereka. Oleh ini, Seri Serdang menyarankan supaya...

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh tak mencelah sekejap

TUAN SPEAKER: Seri Serdang, Permatang minta mencelah. Benarkan.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: 10 minit sahaja diberi kepada saya, minta maaf.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan fasal isu Al-kitab ni. Ok Terima kasih. Saya nak bertanya kepada Y.B. Serdang, mengenai isu Al-kitab yang semalam dibangkitkan, saya nak tanya, apa pendirian Y.B. mengenai tindakan yang diambil oleh pihak JAIS membuat serbuan itu berdasarkan SOP yang telah di, mengikut SOP yang telah dibuat oleh pihak JAIS.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Berkenaan dengan JAIS, nanti penggulungan EXCO Agama akan menjawab (Dewan bertepuk).

Terima kasih kepada semua Adun-adun sekalian. Bahawa kita masyarakat majmuk perlu mengambil perhatian pendirian PAS terutama Dewan Lajnah Perpaduan Nasional, kami memang menjaga persefahaman antara agama ini, sebab kita memahami berbagai-bagai agama yang boleh kita panggil Ketua-ketua Agama berbincang di mana Seri Serdang pernah menganjurkan program dialog jenayah dan solusi dan di mana empat-empat agama ini kita gandingkan bermusyawarah dan bertanya pendapat dan akhirnya semua agama ini menyatakan *back to basic*. Seri Serdang ingin mengambil perhatian bahawa perkataan *back to basic* ini dengan izin, bahawa kerajaan negeri telah menubuhkan satu jawatankuasa di bawah EXCO Pendidikan, dan kita letakkan SPIES itu adalah *back to basic* kepada penduduk negeri Selangor insya-Allah di mana, Seri Serdang ingin juga menyarankan bahawa pelancaran buku *Engagement Christianity* yang telah ditulis oleh Y.B. Mujahid, Parlimen...lupa ye..parlimen mana...Parit Buntar., minta maaf Puan Speaker, sebab terlalu *excited* sangat dengan buku ini, yang kita akan lancarkan pada 27 April . Jadi diminta semua yang ada di dalam ini, sekiranya ingin memohon untuk membeli dan mendalami , inilah bukunya yang diterbitkan oleh Y.B. Mujahid dan di belakang ini, tajuk ini berdialog dengan gereja. Tidak mustahil kita orang Islam masuk gereja, tidak ada masalah, dan kita memilik bible juga tidak masalah untuk sekadar mengetahui agama-agama lain. Bukan mereka suruh kita masuk Kristian tuan-tuan . Ya, Yang Berhormat-Yang Berhormat jangan takut dengan agama Kristian. (tepuhan) Seri Serdang pernah menyokong bahawa Y.B. Teresa Kok ditahan ISA kerana difitnah oleh Menteri Besar. Di mana pada waktu itu Seri Serdang belum menjadi adun dan bagaimana mengatasi fitnah ini, Seri Serdang telah membuat satu program memberitahu rakyat di Masjid Al-Ehsan, di BK 4 tuan-tuan. Dengan ini jangan takut kepada Islam bahawa Islam Rahmatil Allah...

TUAN SPEAKER: Seri Serdang. Difitnah oleh Menteri Besar? Menteri Besar yang mana satu?

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Mantan Menteri Besar. Minta maaf Puan Speaker. Dan telah pun di saman. Dengan ini Y.B. Teresa Kok telah pun membuat penerangan yang sebenar dan kita panggil Nazir masjid berkenaan bertanya adakah sebenarnya Y.B. Teresa suruh memperlahankan azan. Sebenarnya tidak tuan-tuan. Ini satu fitnah yang *real* berlaku di DUN Seri Serdang dan ini bila hari ini bila Al-Kitab disebut oleh Damansara Utama, Seri Serdang bangun untuk menyatakan kebenaran bahawa Islam mengajak kita kepada semua berbincang secara berhemah dan apa-apa permasalahan perlu bermesyuarat. Insya-Allah. Oleh yang demikian pengurus perubahan sistem kerja...

TUAN SPEAKER: Seri Serdang, lampu kuning sudah menyala.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Kalau begitu Seri Serdang memendekkan disebabkan banyak nak disebutkan sebenarnya tapi masa sepuluh minit, Insya-Allah kita akan buat usul tergepar. Tapi satu lagi sebelum menutup, menguruskan perubahan sistem kerja menepati kehendak rakyat iaitu *service* untuk rakyat bukan menyusahkan rakyat saya setuju juga dengan pembangkang yang sebut tadi PBT dan kita serahkan kepada EXCO PBT untuk menjawab waktu ulasan. Dan oleh yang demikian ada sedikit persoalan kepada yang berkenaan meminta membuat jawapan bertulis ataupun pengulasan. Seri Serdang ingin menyuarakan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dalam MIMBAR. Soalan pertama siapakah yang memutuskan pemilihan KPE dan apakah kriteria yang diperlukan, ini yang pertama. Yang kedua, berapakah gaji sebulan kepada Ketua Pegawai Eksekutif, apakah manfaat-manfaat lain yang diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif dalam MIMBAR. Dan soalan yang ketiga, berapakah bilangan kakitangan MIMBAR Selangor dan berapakah gaji dan elaun mereka sebulan. Dan yang terakhir, berapakah jumlah Ringgit Malaysia bilangan dan peratus hutang tertunggak sehingga 2013. Apakah tindakan yang diambil oleh pengurusan MIMBAR Selangor untuk mengatasi hutang yang tertunggak. Sebelum berakhir, lampu pun dah merah, satu pantun akan diajukan oleh Seri Serdang:

Menanam kangkung di tepi jeti,
Lalu dipetik oleh bidadari,
BN menyokong dengan GST,
Rakyat dizalimi tanpa disedari.

Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHAARI: *Bismillahi rahmanir rahim*, terima kasih Puan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang budiman. Saya ucapkan terima kasih atas kesempatan untuk Batu Caves sekali lagi diberikan ruang untuk membahaskan ucapan terima kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan sempena

dengan majlis Perasmian dan Pembukaan Mesyuarat Penggal Kedua Sidang Dewan Negeri Selangor. Ahli Dewan yang budiman, selepas kita satu penggal kerajaan Pakatan Rakyat memerintah dalam titah Duli Yang Maha Mulia Sultan jelas menunjukkan komitmen baginda yang mengharapkan agar Kerajaan Negeri memantapkan prestasi pencapaian dan keupayaan kita. Alhamdulillah selepas setahun, lepas satu penggal kita memerintah apa yang ditunjukkan oleh laporan audit menunjukkan kemampuan Kerajaan Negeri untuk mengekalkan kedudukan prestasi pentadbiran yang baik. Saya ambil contoh sekali lagi pada tahun 2007, di saat Barisan Nasional memerintah negeri Selangor Darul Ehsan tidak ada satu pun Jabatan di Pentadbiran Kerajaan Negeri pada waktu itu mendapat takrifan sangat baik atau lima (5) bintang yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara. Selepas itu pada tahun 2008 kita dapat satu jabatan daripada empat belas (14) jabatan yang diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Alhamdulillah selepas itu jumlahnya terus meningkat hingga jumlah yang tertinggi pada tahun 2011 iaitu sebanyak lapan (8) jabatan namun pada tahun lepas audit yang dibuat pada tahun lepas mentakrif kerjasama dan urusan jabatan telah menurun kepada lima (5) jabatan pada tahun 2012 daripada enam belas (16) jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi yang diaudit. Daripada segi peratusan pula kita telah mencatatkan sebanyak 31% daripada semua jabatan-jabatan yang diaudit ini mendapat takrifan lima (5) bintang ataupun sangat baik, mendapat takrifan empat (4) bintang iaitu baik sebelas (11) jabatan dan tidak ada jabatan-jabatan yang mendapat dua (2) bintang dan satu (1) bintang iaitu tidak memuaskan dan memuaskan. Sebelum ini pernah ada dalam tahun 2007. Alhamdulillah saya percaya dengan urusan yang baik itu dikekalkan di samping meningkatkan beberapa kualiti pentadbiran kita, dan juga sistem penyampaian kita dalam program-program merakyatkan ekonomi pembangunan dan seterusnya memantapkan urus tadbir yang baik akhirnya boleh mengekalkan pentadbiran kerajaan negeri Pakatan Rakyat. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya teruskan lagi saya ingin menyinggung sedikit pandangan yang dikeluarkan oleh rakan-rakan pembangkang dalam sidang Dewan antaranya Sungai Panjang semalam yang menyatakan yang dihairankan dan pelik dengan sikap Ahli-Ahli Dewan Negeri Pakatan Rakyat yang seolah-olah menjadi pembangkang. Katanya kalau jadi kerajaan jadi kerajaan. Kalau jadi pembangkang jadi pembangkang. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian inilah tradisi kita Pakatan Rakyat kita menegur pemimpin-pemimpin secara terbuka selagi mana kebaikan dan kemakmuran rakyat itu dapat kita teruskan. Saya kutip kata Brutus, ngeri juga sebab lepas tu Brutus mati selepas dia membunuh Caesar dan saya sedar saya duduk di tempat Yang Berhormat Kajang sebelum ini. Ahli Yang Berhormat sekalian Brutus mengatakan *not that I love Caesar less but that I love Rome more*. Oleh itu saya rasa prinsip ini dinyatakan dengan jelas oleh Sekinchan dan Ahli Dewan yang lain. *Not that I love MB less but that I love Kerajaan Pakatan Rakyat more*. Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, sebab itulah saya ingin kemukakan pandangan saya supaya kerajaan negeri lebih serius memantapkan pentadbiran kita dengan memastikan program-program merakyatkan ekonomi yang lebih menyeluruh terutamanya kepada anak-anak muda. Dalam titah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyebutkan kerajaan

negeri akan melaksanakan program latihan teknikal untuk belia-belia. Ini satu inisiatif dan komitmen yang baik namun ingin saya tegaskan perkara ini telah berulang kali dinyatakan komitmen kepada kerajaan negeri sejak penggal lepas antaranya pada tahun 2008 sebagai contoh Kerajaan Negeri menyebut ingin melaksanakan *second chance* program untuk anak-anak kita dan kawan-kawan kita yang ada di luar yang terlepas peluang untuk masuk Institusi Pengajian Tinggi. Kita ada jabatan seperti INPENS, INSPENS yang memberikan latihan teknikal. Dalam sidang yang lepas saya telah menasihatkan atau mengusulkan agar INSPEN ini diperbesarkan kepada setiap daerah, setiap PBT kalau boleh setiap DUN kalau mampu untuk memastikan kita mampu menyediakan program latihan teknikal dan saya bagi contoh yang paling kecil bagaimana penggunaan telefon pintar yang mampu menjana pendapatan sehingga RM100,000.00 setahun kepada pengguna-pengguna telefon pintar yang lain yang ada di Negeri Selangor sahaja. Dan kalau perkara ini dapat dilaksanakan dengan segera Insya-Allah saya yakin kerajaan negeri ini mampu memberikan manfaat dan apa yang disebutkan oleh Gombak Setia tadi itu iaitu sebagai sebuah negeri yang dipanggil *Baldatul Toiyibatu Warabbunghafur*. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya pernah mengusulkan agar Kerajaan Negeri segera melaksanakan paling tidak satu langkah ke depan dalam pelaksanaan program pendidikan percuma. Sebelum ini kita telah melaksanakan TUNAS. Saya mencadangkan pada Kerajaan Negeri untuk memikirkan memberikan yuran-yuran percuma khusus kepada anak-anak kita yang mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Daripada statistik yang ditunjukkan sekitar 62,000 anak-anak kita atau adik-adik kita yang ada di luar sana yang mengambil SPM pada tahun 2012 atau 2011. Jadi dengan jumlah kira-kira RM100.00 yuran yang mungkin boleh dibayar ini adalah satu langkah awal dan komitmen penting Kerajaan Negeri menunjukkan keupayaan Kerajaan Negeri untuk memastikan kita memberikan model kepada kerajaan yang dibentuk di Putrajaya nanti apabila kita mampu menawan Putrajaya dan memberi keyakinan kepada rakyat dan kerajaan sekalian. Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, dalam Pilihan raya Kecil Kajang baru-baru ini ada satu petanda yang amat baik, petandanya di kawasan-kawasan yang majoriti Melayu dan Islam Pakatan Rakyat memperolehi peningkatan undi yang baik dan ini satu peluang dan menunjukkan keterbukaan masyarakat-masyarakat Melayu khususnya yang menunjukkan perubahan yang memberikan sokongan yang agak baik pada pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat dan kita harus mengambil peluang ini. Justeru saya ingin mencadangkan pada Kerajaan Negeri untuk menilai dan mengkaji balik beberapa permohonan-permohonan yang dibuat oleh kampung-kampung yang belum jadi kampung. Mereka ini adalah kampung-kampung yang tertubuh selepas kewujudan Majlis Bandar raya dan Majlis-Majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah. Mengikut makluman yang diberikan sebelum ini kampung-kampung ini tidak boleh ditubuhkan dan Kerajaan Negeri mengambil kira kerana ada peningkatan kos dan sebagainya. Namun bagi saya ada kawasan di tempat saya bernama Kampung Wira Damai di sebelah saya di Templer juga ada satu kampung namanya Kampung Bendahara. Kampung-kampung ini sudah bergerak sebagai sebuah kampung ada kemudahan-kemudahan yang tertentu dan Kerajaan Negeri

saya sarankan untuk mengambil kira untuk mewujudkan kampung-kampung untuk menjadikan kampung tradisi yang baru ini yang mungkin boleh memastikan pelaksanaan program-program Kerajaan Negeri pengawasan program-program Kerajaan Negeri dan penyebaran maklumat-maklumat Kerajaan Negeri dapat diteruskan kerana kita akan melantik Ketua-ketua Kampung dan Ahli-ahli Jawatankuasa. Begitu juga dengan nasib ketua-ketua kampung. Sebelum sidang Dewan ini saya telah mengambil mesyuarat dengan Penghulu dan Ketua Kampung, ada beberapa permintaan mereka yang masih belum dilunaskan oleh Kerajaan Negeri. Tadi saya menyokong cadangan Seri Serdang supaya Ahli Dewan Negeri diberikan insurans kesihatan ataupun kad *medical* yang boleh memberikan kebaikan kepada mereka. Namun Ketua-ketua Kampung ini yang bekerja di bawah yang bertugas setiap masa membantu Ahli-ahli Dewan Negeri dan Pusat Khidmat Rakyat, Parti Perkhidmatan Rakyat atau Pusat Khidmat Masyarakat membawa program-program merakyatkan ekonomi bertemu dengan masyarakat menyalurkan maklumat. Mereka tidak ada kemudahan seperti insurans dan ada sebahagian Ketua-ketua Kampung ini meninggal ketika bertugas, diserang dengan penyakit-penyakit sebelum jadi Ketua Kampung, tak pernah kena darah tinggi lepas jadi Ketua Kampung terus kena darah tinggi. Jadi kita kena beri perhatian yang serius kepada Ketua-ketua Kampung ini supaya mereka boleh menjalankan tugas dengan baik dan kita menjaga kebajikan khususnya kepada mereka yang benar-benar membantu bertugas

TUAN SPEAKER: Batu Caves sila simpulkan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Akhir sekali tentang masalah di Batu Caves. Pada tahun 2010 Kerajaan Negeri telah meluluskan sebidang kawasan tanah untuk kawasan *human settlement*. Ini pencapaian yang baik kerana lebih 50 tahun MIC menjadi wakil rakyat di kawasan Batu Caves, kawasan *human settlement* tak selesai. Tapi Alhamdulillah lepas Pakatan Rakyat memerintah kita dapat diselesaikan. 77 keluarga telah mendapat tanah dengan keluasan sekitar 3500 hingga 4000 kaki persegi. Namun begitu mereka tidak boleh berpindah sekarang sebab Kerajaan Negeri ada menjanjikan peruntukan sekitar RM1 juta untuk memastikan lot-lot itu ditempatkan di tempat yang baik dengan kita membina fasiliti asas. Dengan itu saya berharap Kerajaan Negeri segerakan kelulusan yang telah dibawa mungkin oleh Pejabat Tanah dan Daerah Gombak dan dapat menyegerakan kelulusan untuk 61 keluarga lagi yang kita ingin pindahkan ke Batu Arang dengan kerjasama kawasan Selayang dan memastikan Kerajaan Negeri ini mampu untuk meneruskan khidmat kita. Yang terakhir sangat Tuan Speaker, saya dengan ini saya berharap agar kita bergerak ke arah yang baru dan kita meninggalkan politik lama. Politik lama yang menganggap bahawa kerajaan sentiasa betul menegur kerajaan ini satu kesalahan dan memastikan bahawa kita membuka alaf baru untuk membina masyarakat kita yang berbilang kaum ini dengan persefahaman yang sama. Saya sangat tertarik dan teruja dengan rakan daripada PAS yang menunjukkan komitmen kita dari segi hukum dan daripada semangat kekitaan dalam kisah dan kes Al-Kitab ini. Dan

sudah pasti kita menyokong juga apa yang diambil oleh rakan-rakan daripada pihak kerajaan.

Namun memastikan bahawa keharmonian dan kesaksamaan antara kita ini dapat kita kekalkan, meninggalkan politik perkauman yang jelik yang sentiasa dibawa oleh UMNO dan Barisan Nasional yang menjadi modal politik mereka. Yang menjadi modal Utusan Malaysia yang selalu tertinggal, saya nak cerita sikit ya tertinggal ini macam mana. Pukul 8.30 malam waktu Pilihan raya Kecil Kajang kita dah dapat keputusan masa itu Utusan Malaysia keluaran berita macam mana, Barisan Nasional mendahului 127 undi. Satu jam sebelum keputusan Dato' Seri Dr. Wan Azizah menang. Hah, macam itulah tertinggal politik kuno, politik zaman besi, politik zaman politik yang harus kita tinggalkan. Dan saya berharap kerajaan negeri mampu untuk maju setapak ke depan lagi. Banyak dah saya curi masa terima kasih saya mohon untuk menyokong.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: *Bismillahir rahmannir rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* salam sejahtera dan Salam 1Malaysia. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Puan Speaker kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan titah ucapan Tuanku Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Saya diberikan 10 minit tapi saya mohon izin daripada Puan Speaker alang-alang biarlah sampai rehat. Ada 10, 15 isu saya nak bawa, mohon jasa baik Puan Speaker. Saya teruskan dengan isu-isu yang ingin saya bangkitkan. Yang pertama mengenai isu gejala sosial, saya setuju dengan pandangan sahabat saya daripada Yang Berbahagia Yang Berhormat Gombak Setia tadi mengatakan kita memerlukan sebuah negeri yang baik, negeri *Baldatul Toiyibatul Warabbulghafur* yakni isu gejala sosial saya dah bawa perkara ini pada sidang DUN yang lepas di mana banyaknya tumbuh macam cendawan, rumah urut, *cyber cafe*, hotel bajet dan lain-lain lagi. Kalau pada tahun 2007, pada zaman pentadbiran Barisan Nasional cukai hiburan pada masa itu hanyalah RM21.48 juta tetapi pada tahun 2011 cukai hiburan meningkat sehingga 36.24 juta. Ini peningkatan yang sebanyak 65%. Yang Berhormat EXCO Kerajaan Tempatan dalam jawapannya pada sidang dewan yang lepas mengatakan dasar kerajaan negeri adalah sama iaitu tidak ada lesen baru dikeluarkan oleh PBT untuk rumah urut dan *cyber cafe*. Kemudian Yang Berhormat EXCO juga ada mengatakan kerajaan negeri sedang dalam proses merangka enakmen yang memberi kuasa lebih besar kepada penguat kuasa agar *cyber cafe* dan pusat hiburan tidak berlesen berdepan dengan hukuman lebih berat. Dan juga beliau mengatakan rang undang-undang baru akan dirangka untuk mengatasi masalah rumah urut haram termasuk cadangan merampas harta. Ini memandangkan kekangan kuasa PBT terhad. Persoalannya bilakah enakmen atau pun undang-undang ini hendak dimasukkan dalam sidang dewan kerana saya percaya perkara ini amat serius sekali perlu dibawa dengan seberapa segera.

Isu yang kedua saya ingin bangkitkan juga berkenaan dengan program Merakyatkan Ekonomi Selangor. Saya setuju dengan pandangan sahabat-sahabat saya daripada Sungai Air Tawar, daripada Templer, daripada Gombak Setia bahawasanya program Merakyatkan Ekonomi Selangor ini perlu ditambah baik dan ada setengah-tengah program itu perlu dikaji semula. Saya hendak mengambil contoh kalau dalam isu, isu air percuma ia memang ada ramai yang mendapat faedah daripada air percuma ini. 1.3 juta orang setiap bulan tetapi bagaimanakah, bagaimanakah rakyat yang duduk di apartmen, di flat-flat yang menggunakan meter pukal sampai sekarang sejak 6 tahun tidak dapat diselesaikan lagi. Itu yang pertama, yang kedua saya nak bawa juga program Merakyatkan Ekonomi Selangor, Skim Kesihatan Wanita yang ini telah dilancarkan pada tahun, pada bulan November 2010 oleh Yang Berhormat Exco dan dalam kempen memberikan pemeriksaan percuma, mamogram percuma kepada wanita kempen 1 juta Wanita Selangor sihat. Jadi saya ingin penjelasan KPI yang telah ditetapkan oleh Yang Berhormat EXCO 1 juta Wanita Selangor Sihat. Pada tahun 2010 sehingga sekarang hanya ada 18,545 wanita yang menerima faedah ini. Kalau ikut peratus 1.8%, ini saya minta penjelasan nanti daripada kerajaan negeri. Yang kedua program MiMBAR Miskin Bandar, dilancarkan pada Mac 2011 yang memohon 13,000 lebih orang tetapi yang diberikan kelulusan tidak sampai 44%, sebanyak 5,000 orang sahaja.

Kemudian isu atau pun skim SKIMSEL yang ini ramai 8,000 lebih orang tetapi juga kita di peringkat kerajaan persekutuan juga ada tabung Usahawan TEKUN yang mempunyai konsep yang sama. Lebih ramai juga rakyat Selangor yang mendapat faedahnya. Apa yang saya nak cuba bangkitkan SKIMSEL ini kenapa diberikan cas pembiayaan sebanyak 8% kepada pemohon-pemohon yang lulus. Disebabkan ini bukanlah *profit oriented organization* dengan izin ini mendapat peruntukan daripada kerajaan negeri sendiri mengapa pemohon-pemohon itu perlu dicas sebanyak 8%. Kemudian saya ingin juga membangkitkan isu atau pun program Pusat Dialisis Rakyat, Pusat Dialisis Rakyat ini ada banyak, banyak tempat 5, 6 tempat kalau tak silap saya tetapi dalam tempoh pelancarannya yang menerima faedah hanyalah 87 orang. Ramai yang sakit diabetes, kencing manis di dalam Negeri Selangor ini tetapi yang memanfaatkan Pusat Dialisis Rakyat ini hanya 87 orang. Ini saya dapat sumber daripada jawapan bertulis yang telah diberikan oleh Yang Berhormat EXCO semasa sidang DUN yang lepas.

Saya juga ingin menyentuh program WALA, WALA ini skim Mikro kredit untuk wanita ladang daripada 513 peserta ada 363 peserta dan sekarang hanya tinggal 207 orang peserta sahaja. Apa yang telah berlaku *what when wrong* dengan izin. Kemudian saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Sikembar) yang mana memberikan bantuan RM100 kepada kanak-kanak untuk masuk taska. Yang ini merupakan manifesto kerajaan Negeri Selangor, tetapi kanak-kanak yang menerima faedahnya untuk makluman dewan negeri yang mulia ini hanyalah 400 orang sahaja. Saya minta skim Merakyatkan Ekonomi Selangor ini

perlu ditambah baik dan dikaji semula sesuai dengan titah Tuanku yang begitu berbangga, begitu gembira dengan apa yang telah dijalankan oleh kerajaan negeri, 17 program tetapi saya mahu lihat supaya agar rakyat Selangor seluruhnya dapat manfaat daripada program-program yang dijalankan. Itu isu yang kedua Puan Speaker, yang ketiga isu skim Perumahan Selangorku. Saya telah bangkitkan di dalam soalan saya yang lepas rumah murah atau pun rumah mampu milik RM42,000 ke bawah ini hanya 10% diperuntukkan kepada rakyat Negeri Selangor. Ini tidak mencukupi, saya minta perkara ini dikaji semula, ramai di kalangan rakyat kita yang masih lagi kurang berkemampuan. Kita ada di peringkat kerajaan persekutuan skim yang dipanggil *My Home* baru dilancarkan baru-baru ini oleh KPKT, 30,000 subsidi diberikan kepada golongan sasaran untuk membeli rumah, RM30,000 diberikan kepada rakyat Negeri Selangor juga yang hendak membeli rumah. Kemudian ada skim daripada SPNB rumah mesra rakyat dan juga program bantuan rumah ...

TUAN SPEAKER: Dengkil kena rumuskan baik gunakan masa, jangan promo kerajaan persekutuan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Apa salahnya ... Ok

TUAN SPEAKER: Tak cukup masa.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Apa salahnya kalau kerajaan negeri mengikut, kalau benda yang baik apa salahnya ikut, kalau lagi kerajaan negeri buat, kerajaan persekutuan buat lagi ramai rakyat Negeri Selangor yang dapat rumah mampu milik. Dan yang ketiga ataupun isu perumahan lagi isu diskaun bumiputera 7% dulu masa kerajaan Barisan Nasional ada disediakan ramai lagi rakyat bumiputera yang masih lagi apa ni yang tidak mampu untuk membeli rumah. Tahap pemilikan kediaman bumiputera di dalam negara kita ini masih di bawah 30%. Saya juga ingin menyentuh isu berkenaan dengan cas pemajuan. Saya minta dikaji semula kerajaan negeri mengkaji semula cas pemajuan yang dikenakan kepada pemaju-pemaju iaitu 20% ke 30%. Yang ini juga yang menyebabkan harga rumah melambung tinggi di dalam Negeri Selangor ini. Itu 3 isu, isu negeri, isu pemasaran umum yang saya nak bawa, saya ada 6, 5 lagi isu tempatan mohon izin Puan Speaker untuk saya teruskan.

Yang pertama berkenaan dengan isu Taman Permata. Saya ingin membawa perkhawaran gembira, saya difahamkan kerajaan persekutuan bersetuju untuk membina rumah mampu milik kos bernilai RM8 juta untuk membantu 400 orang, 400 orang penduduk Taman Permata untuk dibina rumah mereka, rumah teres 1 tingkat. Saya telah bertanya kepada dewan sidang yang lepas bilakah kerajaan negeri boleh menyelesaikan masalah pengambilan tanah untuk supaya kita realisasikan hasrat penduduk Taman Permata ini. Kerajaan persekutuan sudah setuju peruntukan RM48 juta dan sekarang saya ingin minta penjelasan daripada kerajaan negeri.

Saya memohon kerajaan negeri syarat-syarat atau pun runding cara dengan kerajaan persekutuan boleh dibincangkan dari masa ke semasa tapi saya minta agar diselesaikan segera masalah pengambilan tanah supaya projek ini dapat kita jalankan. Yang kedua saya ingin membawa isu berkenaan Taman Nuri, Taman Nuri untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan juga tuan-tuan hadirin sekalian, ini merupakan satu projek perumahan yang telah terbangkai eh terbengkalai minta maaf, terbengkalai, terbengkalai projek sakit yang sejak tahun 2002 kemudian diserahkan kepada SPNB. SPNB telah bantu untuk menyiapkan projek ini dan telah membelanjakan sebanyak RM4.9 juta bagi memulihkan projek ini. Malangnya ada sedikit masalah berlaku yang mana kawasan ini telah mengalami kerosakan tembok penahan longkang tanah di kelilingi oleh taman ini. Ia disebabkan oleh pembinaan longkang di tanah dikelilingi oleh tuan punya tanah bersempadan.

TUAN SPEAKER: Dengkil, ini betul-betul 1 minit lagi.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ok saya ingin memohon supaya kerajaan negeri memberikan peruntukan kepada Majlis Daerah Kuala Langat untuk membantu masalah rakyat di sini. Yang ketiga Taman Warisan Bestari di Kota Warisan ini, Taman Warisan Bestari merupakan satu kawasan perumahan yang baru dalam kawasan seliaan Majlis Daerah Sepang yang mempunyai anggaran 340 buah rumah untuk Fasa 1 dan 2. Kawasan ini masih tak ada lampu jalan, ini meresahkan penduduk-penduduk yang balik kerja waktu malam terutamanya wanita. Kebiasaannya perlu dijemput dari luar oleh suami atau ahli keluarga lelaki kerana risaukan jalan yang gelap gelita. Jalan yang perlu diterangi lampu jalan ini adalah dianggarkan sejauh 1.5 kilometer, saya mohon kerajaan negeri untuk membantu. Kemudian juga isu yang lain isu lampu solar di Kampung Jenderam Hilir, pada akhir tahun 2007 kerajaan negeri ada melaksanakan satu *pilot* projek lampu jalan menggunakan sistem solar di beberapa tempat kawasan ini. Didapati lampu ini tidak mencapai, mencapai fungsinya jadi saya mohon supaya didapati lampu ini tidak memberikan pencahayaan yang mencukupi pada waktu malam, mohon kerajaan negeri membantu. Dan akhir sekali jalan rosak di Kampung Pulau Meranti, memandangkan aduan daripada Kampung Pulau Meranti ...

TUAN SPEAKER: Masa sudah cukup Dengkil. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari. Dengan itu saya menangguhkan dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Perbahasan disambung semula. Pandamaran

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang pada Pembukaan Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri Selangor Kali Ke-13 Tahun 2014 dan saya juga mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang serta dalam perbahasan dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana telah menunaikan janji sebenarnya yang telah diberikan kepada rakyat terutamanya Jambatan Ketiga di Kelang yang itu sangat bermakna sebenarnya. Sangat bermakna dan sangat penting bagi rakyat-rakyat, penduduk-penduduk di Klang.

Timbalan Tuan Speaker, saya difahamkan bahawa di Negeri Selangor hanya tinggal satu tempat yang mempunyai isu setinggalan iaitu di Jalan Papan dan di Jalan Bukit Kerayong di Pandamaran dan masalah ini mula dari tahun 2002 pada zaman Barisan Nasional dan ini merupakan satu contoh yang paling baik yang menunjukkan bahawa masalah yang dimulai ataupun masalah Barisan Nasional tidak dapat diselesaikan dan sekarang dalam tangan Pakatan Rakyat cuba untuk menyelesaikan masalah yang dimulakan oleh Barisan Nasional. Bancian pertama yang mereka lakukan pada 2003 tetapi bancian tersebut tidak dapat diterima kerana sangat tidak teratur jadi selepas Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan pada tahun 2008, kita mengambil masalah ini isu ini, dan atas permintaan penduduk-penduduk di Jalan Papan terutamanya bancian kedua telah dilakukan dan pada tahun 2012 pada bulan Disember. Keputusan bancian tersebut telah dikemukakan kepada penduduk-penduduk juga Pusat Khidmat DUN Pandamaran pada bulan September 2013 tetapi penduduk-penduduk juga tidak dapat menerima keputusan bancian tersebut atas alasan bahawa yang terutamanya ada dua alasan:-

1. Sebenarnya penduduk meminta supaya bancian tersebut dilakukan oleh MPK dapat diiringi wakil-wakil penduduk di Jalan Papan kerana mereka dapat mengenal pasti mengesahkan bahawa sesiapa yang menuntut sebagai penduduk yang berhak untuk pampasan tersebut adalah penduduk sebenarnya. Tetapi saya difahamkan bahawa bancian yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Klang pada bulan Disember 2012 dia menggunakan lima pasukan untuk menjalankan bancian dalam masa yang sama iaitu apabila pada asalnya disangka mengambil beberapa hari untuk menyempurnakan bancian tersebut pada akhirnya bancian hanya dapat dilakukan satu hari habis dengan lima pasukan menjalankan bancian pada masa yang sama jadi penduduk-penduduk tidak dapat mengiringi mengakibatkan senarai penduduk-penduduk yang mengatakan

berhak untuk pampasan iaitu jumlah 63 nama yang disenaraikan sebenarnya ada dua dalamnya yang telah menerima pampasan sebelum itu.

2. Selain daripada itu, terdapat banyak kesalahan juga dalam senarai tersebut contohnya kesalahan nama, ejaan nama, kesalahan No. IC, dan sebagainya. Jadi selepas saya dilantik sebagai Adun Pandamaran saya telah mendesak Majlis Perbandaran Klang supaya mengadakan mesyuarat setiap bulan mulai Julai dan mesyuarat tersebut telah menjemput wakil-wakil penduduk-penduduk dari Jalan Papan dan juga Jalan Bukit Kerayong dan juga pihak dari pemaju Melati Ihsan dan juga dari pihak-pihak yang berkenaan untuk datang bersidang setiap bulan. Bukan sahaja untuk membincang isu yang belum dapat diselesaikan tetapi juga untuk dapat tahu status tentang perkembangan isu ini dan selepas pihak-pihak berkenaan berusaha. Dalam beberapa mesyuarat yang diadakan pihak-pihak termasuk Majlis Perbandaran Klang dan wakil-wakil penduduk telah bersetuju bahawa sekiranya bancian ketiga dapat dilakukan dengan mematuhi empat syarat yang munasabah.

Maka mereka penduduk-penduduk di Jalan Papan akan menerima keputusan bancian tersebut sebagai keputusan yang terakhir yang muktamad. Yang empat syarat itu ialah:-

- i) Bancian yang akan dilakukan bukan hanya boleh dilakukan dijalankan oleh satu pasukan jadi ia mungkin ambil masa beberapa hari tetapi itu dia akan memastikan pasukan itu dapat diiringi oleh wakil penduduk;
- ii) Pasukan bancian tersebut mesti dibenarkan untuk diiringi oleh wakil penduduk
- iii) Setiap rumah walaupun ada beberapa keluarga hanya berhak untuk mendapat satu pampasan; dan
- iv) Adalah borang yang membuat bancian tersebut mesti diberikan kepada wakil-wakil penduduk juga jadi pada akhirnya bancian yang dilakukan dapat disahkan dengan borang-borang bancian tersebut yang telah disediakan oleh yang telah diisikan oleh pihak MPK dan juga oleh wakil-wakil rakyat.

Saya rasa empat syarat ini adalah sangat munasabah jadi semua pihak telah bersetuju termasuk Yang Berhormat Ahli Parlimen di kawasan Klang telah bersetuju atas cadangan ini dan tetapi kami difahamkan oleh Majlis Perbandaran Klang bahawa persetujuan walaupun dicapai di dalam mesyuarat tersebut perlu dihantar

ke Kerajaan Negeri satu jawatankuasa yang saya difahamkan dipengerusi oleh Yang Berhormat Cempaka untuk mengesahkan sebelum majlis boleh melakukan bancian Ketiga. Saya difahamkan cadangan tersebut telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri pada bulan Januari tetapi saya sangat kecewa dimaklumkan pada 27 Mac apabila kita mengadakan mesyuarat bulanan saya dimaklumkan oleh MPK bahawa cadangan tersebut ditolak oleh Kerajaan Negeri tanpa alasan. Jadi dalam keadaan tersebut saya tidak dapat menjawab kepada penduduk-penduduk di Jalan Papan kerana ini adalah persetujuan usaha bersama oleh semua pihak...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat 2 minit lagi

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Ok.... Jadi itulah saya rasa adalah perlu untuk Kerajaan Negeri untuk membuat satu keputusan yang sangat penting. Sama ada Kerajaan Negeri akan menangani ataupun mengatasi masalah ini secara terus kalau polisi Kerajaan Negeri adalah untuk mengatasi masalah ini secara terus maka kita termasuk MPK, termasuk Pusat Khidmat DUN tidak perlulah ada mesyuarat sebegitu kerana kalau tidak usaha itu hanya ditolak tanpa alasan. Jadi saya rasa satu saja isu Pandamaran ingin bangkitkan yang cukup penting kerana saya difahami bahawa kalau isu ini masih tidak dapat diselesaikan dalam penggal ini maka sokongan daripada penduduk-penduduk di kawasan tersebut terhadap Pakatan Rakyat yang akan dijatuhkan jadi saya mohon jasa baik yang terutamanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk melihat dalam perkara ini dan memberikan satu arahan yang jelas kepada semua pihak macam mana untuk menyelesaikan isu yang telah lama ditangguhkan ini secepat mungkin. Itu sahaja ucapan saya terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima Kasih Timbalan Tuan Speaker, kerana memberi laluan kepada Bukit Gasing untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya amat tertarik dengan ucapan Tuanku Sultan Selangor.

Izinkan saya untuk membaca satu perenggan:

“perlu diingat bahawa antara tugas Kerajaan Negeri sekarang bukan sahaja untuk mengekalkan kedudukan Selangor sebagai Negeri Metropolitan termaju di Malaysia tetapi juga menjadikan Selangor sebagai antara negeri yang paling selesa dan selamat dikunjungi dan diduduki.”

Selamat Petang kepada semua, saya amat tertarik kepada isu perancangan Bandar, Negeri Selangor mengalami satu pembangunan yang pesat terutama di pusat Bandar kami di Petaling Jaya, di Subang Jaya, di Klang, di Kajang dan sebagainya dan isu perancangan Bandar adalah di dalam tangan Kerajaan Negeri. Banyak isu di luar kawalan kami isu polis, isu kesihatan, isu pendidikan itu semua di luar

kawalan kami tetapi isu perancangan Bandar di dalam tangan kami. Kami boleh buat satu impak yang bagus ataupun tidak bagus ke atas generasi akan datang berdasarkan keputusan-keputusan hari ini yang berkenaan dengan Perancangan Bandar. Kalau kita tengok bandar-bandar yang tumbuh secara pesat kita boleh lihat ada yang menjadi bandaraya yang bagus dan ada yang jadi Bandaraya yang tidak bagus. Sebagai contoh kalau kita tengok Mumbai, Chennai, Manila, inilah bandar-bandar yang menjadi pesat memang cukup ramai orang dia pembangunan dia cukup hebat tetapi kualiti kehidupan dia sangat kurang memuaskan memang bukan jenis bandaraya yang saya idamkan Petaling Jaya, Subang Jaya, jadi satu hari nanti. Tapi kalau kita lihat bandaraya yang lebih berjaya seperti Singapura, Melbourne, Sydney, dan sebagainya. Bandaraya-bandaraya ini pada hari ini antara yang terbaik di dunia dari segi *livable cities* dengan izin. Kalau kita tengok perbandingan indeks yang membandingkan bandaraya-bandaraya di dunia ini kita boleh lihat antara bandaraya-bandaraya yang *livable* dengan izin dengan yang kurang tetapi adalah, Perth, Sydney, Melbourne, dia menjadi sangat berjaya dalam bidang ini secara tidak sengaja saya rasa tidak, saya rasa ini bukan kira nasib di mana Melbourne jauh lebih berjaya daripada data. Saya rasa ini memerlukan satu perancangan kita ada lima Yang Berhormat yang duduk di dalam EXCO *State Planning Community* bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya sangat berharap isu ini diberi perhatian yang sangat serius. Saya sangat berharap Negeri Selangor dapat mendefinisikan macam mana kita hendak bergerak ke hadapan dengan perancangan Bandar-bandar kami daripada Bandar besar Klang, Petaling Jaya, Shah Alam, kepada Bandar-bandar kecil seperti KKB Kuala Kubu Bharu ataupun di Sepang. Macam mana kita hendak merancang supaya kita dapat mengatasi kesesakan lalu lintas. Supaya kita dapat memastikan kawasan lapang yang cukup dan teratur dan di kawasan yang sesuai supaya kita dapat memastikan keselamatan Bandar, supaya kita dapat memastikan kesihatan dijamin dari segi sebab kita boleh menjamin boleh merancang supaya cukup hospital yang dapat dicapai oleh semua penduduk.

Banyak kesilapan telah dilakukan 50 tahun yang lepas, kalau kita tengok di mana kita ada pada hari ini berbanding dengan bandar-bandar lain berbanding dengan Singapura contohnya kita jauh ketinggalan sebab kita telah melakukan banyak-banyak kesilapan dalam dekad-dekad yang lepas. Saya harap pergi ke hadapan Negeri Selangor dapat menunjukkan kepimpinan yang cukup bagus. Saya juga berharap bandaraya-bandaraya kita akan menyertai indeks-indeks dunia ini supaya kita dapat mengukur *livable city* dengan izin berbanding bandaraya-bandaraya di sekelilingnya saya mencadangkan sebagai permulaan mungkin MBPJ dan MBSA diminta untuk menyertai supaya kita dapat mengukur setakat jauh mana kita berada di dalam isu ini. Kita perlu juga memastikan bahawa perancangan *transport* dengan izin, macam mana kita hendak mengendalikan semua kenderaan dan pergerakan manusia adalah selaras dengan pelan-pelan guna tanah yang sedia ada.

Rancangan struktur negeri ada rancangan tempatan di PBT-PBT pun ada, amat penting semua rancangan-rancangan ini mengambil perhatian yang serius terhadap pergerakan. Isu yang kedua yang ingin saya bawa pada hari ini adalah pembinaan lebuhraya-lebuhraya baru saya perlu cepat sebab masa tidak mengizinkan saya berhujah panjang. Terutamanya saya ingin membangkitkan Lebuhraya Kinrara-Damansara Expressway tetapi hujah-hujah ini saya rasa bersesuaian dengan semua lebuhraya 6 lebuhraya yang tengah dipertimbangkan untuk dibina di Negeri Selangor. Damansara Utama telah menyentuh isu ketelusan kontrak konsesi mesti didedahkan supaya kita semua tahu berapa banyak kutipan jadual dan keuntungan syarikat tersebut dan memastikan rakyat-rakyat Negeri Selangor ini tidak dirompak oleh konsesi-konsesi. Tetapi ada isu-isu lain yang juga penting bagi pembangunan lebuh raya ini yang perlu diteliti, kami tidak kata tidak kepada lebuhraya itu bukan hujah kami jangan silap faham tetapi kami harap diberi perhatian terhadap isu-isu yang lain terutamanya isu impak ke atas jalan tempatan kalau kita tengok Ampang Expressway di mana *range* dia turun kepada jalan tempatan terdapat *traffic jammed* – *traffic jammed* di sana ini adalah perancangan yang kurang baik.

Lebuh raya sepatutnya menambah baik pelancaran pergerakan kenderaan-kenderaan dan bukan menyebabkan trafik jam, trafik jam ini. Jadi saya harap kita dapat *proper study* terhadap semua Lebuh raya ini untuk memastikan dia adalah yang terbaik sebelum kita membenarkan berbilion ringgit dilaburkan kerana akhirnya bukanlah konsesi yang pakai duit sendiri bayar, akhirnya lebuh raya ni dibayar oleh penduduk-penduduk negeri Selangor dengan membayar kadar tol. Yang kedua, banyak lot-lot tanah di sekeliling jajaran lebuh raya ni sekarang telah dibekukan. Tidak dapat dijual, tidak dapat disewakan, sebab banyak kekhuatiran apa yang akan berlaku. Untuk Lebuh raya KIDEX, 3784 lot tanah telah dibekukan. Banyak daripada mereka *shoplot* dan rumah. Mereka sekarang tidak tahu sama ada saya nak *renovate* rumah saya, sama ada saya perlu belanja untuk *repair* rumah saya, sama ada saya boleh sewakan kepada orang sebab dibekukan.

TUAN SPEAKER: Dua minit lagi Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV AL RISHYAKARAN: Ok sekejap lagi. Saya harap kita prihatin terhadap isu ini. Kepada Lot-lot tanah yang tak terlibat secepat mungkin kita bebaskan mereka daripada pembekuan ini. Secepat mungkin kita bagi tahu mereka, mereka tak terlibat so mereka boleh merancang untuk pembaikan rumah mereka dan sebagainya. Kita juga mesti lihat untuk Lebuh raya KIDEX, perbandingan antara laluan MRT berbanding dengan Lebuh raya disebabkan di laluan jajaran tersebut jika dibuat satu laluan MRT boleh menyambung 4 laluan MRT *Line* satu, PUTRA *Line* LRT, Ampang *Line* LRT dan KTM Komputer. Nampaknya macam satu peluang yang amat baik. Jangan kita lepaskan jajaran ini kepada satu Lebuh raya tanpa diteliti dahulu sama ada lebih baik dilakukan lebuh raya ataupun MRT. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin membangkitkan isu JAIS yang telah menyita 321 Al-kitab pada 3 bulan yang lepas. Saya amat terharu terdapat ramai

Adun di sini pada sidang dewan ini yang merupakan hasrat mereka supaya Al-kitab ini dipulangkan. Tiga bulan yang lepas...

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker, peraturan tetap.

TUAN SPEAKER: Ya

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Peraturan tetap 36.2. Tidak boleh disebut apa-apa perkara yang sedang dalam pertimbangan Mahkamah sekiranya ada timbangan. Pengerusi harus merosakkan kepentingan pihak yang berbicara itu. Y.B. , apa yang Y.B. Speaker, saya ada, minta maaf saya ambil sedikit masa, saya ada menghantar usul mengenai isu Al-Kitab oleh JAIS, kepada pihak Speaker tetapi usul saya dah ditolak oleh Speaker kerana masih dalam tindakan mahkamah. Jadi saya ingat Bukit Gasing kena ikutlah peraturan supaya tidak ditimbulkan isu ini, kalau tidak usul saya kena diterima lah.

TUAN SPEAKER: Kita tolak usul yang ada beberapa usul termasuk isu Kalimah Allah dan sebagainya, memang kerana ada tindakan mahkamah. Ya tetapi dalam isu Al-Kitab ini dia merupakan isu pentadbiran, dan semalam pun telah disentuh oleh beberapa pembahas sepanjang berbahas ucapan titah Tuanku, jadi saya membenarkan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Speaker boleh saya sambung sedikit. Usul saya juga mengenai Al-Kitab, mengenai JAIS, sokongan kepada tindakan JAIS tapi ditolak kerana isu mahkamah, saya..

TUAN SPEAKER: Tak tapi itu usul ya. Dalam berbahas, ini berbahas secara umum, saya benarkan untuk berucap. Usul memang Speaker telah tolak. Ya. Ok.

Y.B. TUAN RAJIV AL RISHYAKARAN: Sebab masa tidak mengizinkan, saya pendekkan ceritanya saya menyeru kepada Y.A..B Tan Sri supaya kita dapat mempercepatkan proses untuk memulangkan. Y.A.B. Menteri Besar telah kata pada 8 Januari bahawa jika Al-Kitab ini tidak melarang *Ten Point Agreement*

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing bagi ruang.

Y.B. TUAN RAJIV AL RISHYAKARAN: Mencilah, tak apa. Saya tak ada masa lagi.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing tak bagi ruang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Penjelasan tak boleh.

Y.B. TUAN RAJIV AL RISHYAKARAN: Tak apa. Jadi saya menyeru Tan Sri, 8 Januari Tan Sri telah berkata bahawa akan dipulangkan jika dia tak bercanggah dengan *Ten Point Agreement* tetapi sekarang tiga bulan kemudian, saya harap kita boleh nampak kepimpinan daripada kerajaan negeri Selangor terhadap isu ini untuk satu penyelesaian yang cepat dan untuk meredakan isu ini. Jadi di sini sahajalah ucapan saya pada hari ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: *Bismillahir rahmanir rahim* Tanjung Sepat mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi ruang untuk serta, untuk menyampaikan ucapan menjunjung kasih di atas titah ucapan DYMM Sultan Selangor pada, yang dirasmikan pada Isnin yang lalu. Kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana bajet yang telah dikemukakan oleh kerajaan negeri, bajet 2014 yang telah dibentangkan pada sidang dewan yang lalu telah pun mula mempamerkan keprihatinan kerajaan negeri Selangor dalam menunaikan harapan dan juga kehendak rakyat negeri Selangor Darul Ehsan yang kita cintai. Dalam kesempatan ini Tanjung Sepat ingin berkongsi tentang apa yang telah dinyatakan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz ketika beliau baru dilantik menjadi Khalifah melalui khutbahnya "*wahai manusia, aku ini sebahagian daripada kamu, bezanya Allah SWT memikulkan amanah ini kepada ku, maka akulah orang yang paling besar memikul amanah seorang pemimpin bertanggungjawab dengan amanah yang diberikan. Bertanggungjawab di hadapan Allah, bertanggungjawab di hadapan manusia yakni rakyat, dan bertanggungjawab di dunia dan juga di hari akhirat*". Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat sekalian, kata-kata itu sewajarnya dijadikan peringatan kepada semua bahawa amanah kepimpinan ini, bukan suatu yang kekal dan ia tidak boleh dilaksanakan secara individu ataupun dengan kata lain *One Manshow* seperti yang dibangkitkan oleh Y.B. Sekinchan pada hari pertama persidangan. Maka sudah pasti kejayaan dan keberkesanan menjalankan amanah itu mestilah dilakukan secara berpasukan yang mempunyai sikap saling percaya mempercayai di antara satu sama lain. Tanjung Sepat mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar yang telah berjaya membuktikan dan memecahkan rekod pentadbiran kerajaan Barisan Nasional bermula pada tahun 2008 yang lalu. Dalam pada itu Tanjung Sepat juga ingin memperingatkan bahawa kejayaan sesebuah negara ataupun kerajaan, bukan sahaja diukur dengan pencapaian ekonomi, secara makro ataupun pembangunan fizikal semata-mata tetapi ia nya juga harus diukur dan dinilai sejauh mana kesannya dapat dirasakan dan dilihat serta dinikmati oleh seluruh masyarakat ataupun rakyat di bawah pemerintahannya. Ini telah ditegaskan sebagaimana ucapan daripada Y.B. Templer semalam, sudah tentu untuk melihat kejayaan yang menyeluruh ini, diharapkan pasukan kerja Y.A.B. Dato' Menteri Besar, yang sudah pasti dibarisi oleh wakil-wakil ataupun EXCO-EXCO, mereka ini perlu diberi kepercayaan yang sewajarnya bagi merangka dan melaksanakan program-program yang berkaitan

dengan portfolio masing-masing. Ini sudah pasti akan mempercepat proses pelaksanaan seperti mana yang diharapkan oleh majoriti rakyat di bawah sana. Ini selaras dengan harapan DYMM Tuanku Sultan mengenai bagaimana baginda telah pun menyatakan gandingan pimpinan kerajaan negeri, daerah, mukim, kampung dan juga bagan, agar jujur dan tekun menjayakan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang. Dengan adanya iltizam, perancangan, perkongsian kerja dan tindakan, serta permuafakatan yang erat tentunya cita-cita meneruskan kecemerlangan negeri Selangor ini dapat dicapai dengan kadar yang segera. Tuan Timbalan Speaker, menambahkan program kebajikan dan kesejahteraan rakyat, bukannya bermakna dengan memberi sumbangan wang ringgit, ataupun bungkusan *hampers* ataupun dengan melaksanakan program *Jom Shopping* semata-mata. Sebagaimana yang ditegaskan oleh rakan saya Y.B. Bangi, harapan rakyat dalam hal kebajikan dan kesejahteraan perlulah ditambah nilai dengan menzahirkan keprihatinan kerajaan negeri, memantau dan menyelenggarakan prasarana serta harta benda awam yang sedia ada di kampung halaman di bawah sana. Sudah tentu soal penyelenggaraan dan baik pulih jalan-jalan Kampung, parit-parit termasuk bahu-bahu jalan, mestilah diambil kira sebagai agenda utama dalam membina imej kerajaan itu sendiri. Pasti Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju, agar peruntukan MARRIS dimanfaatkan dengan optimum dengan menumpukan di kawasan-kawasan kampung di seluruh daerah dan juga kawasan, Pejabat-pejabat daerah, PBT-PBT serta jabatan-jabatan kerajaan, diseru agar mengemaskinikan inventori masing-masing bagi kemudahan untuk pelaksanaan bersama. Dalam kesempatan ini, Tanjung Sepat juga ingin menyatakan atau pun memberi peringatan kepada Kerajaan negeri tentang manifesto Pakatan Rakyat dalam PRU yang ke-13 yang lalu. Di antara manifesto yang dinyatakan di sana adalah untuk menubuhkan beberapa buah Maahad Tahfiz Integrasi Sains di negeri Selangor ini yang kita cintai. Kita mengharapkan supaya Maahad Tahfiz ini dapat dibina dengan seberapa banyak ataupun segera seperti mana yang telah dijanjikan dalam perbelanjaan ataupun belanjawan 2014 yang telah lalu di mana kerajaan negeri ingin melaksanakan ataupun membina, memulakan pembinaan Maha Tahfiz ini dalam bajet yang dikemukakan pada 2014 yang lalu. Permintaan daripada ibu bapa ini bertambah, tempat-tempat juga terhad untuk meletakkan anak-anak mereka di Maahad Tahfiz, maka sebab itu keperluan segera dalam melaksanakan ataupun membina Maahad Tahfiz Integrasi Sains ini perlu dilaksanakan dengan kadar segeranya. Kalau masalahnya tentang bajet, ataupun keperluan kewangan, maka saya mencadangkan di sini, agar keperluan ini boleh dilaksanakan dengan kolaborasi dengan institusi-institusi yang telah berjaya di negeri Selangor ini. Sekiranya tidak ia juga boleh dimanfaatkan beberapa sekolah SRA, sekolah rendah agama yang mempunyai lebih bilik darjah ataupun pembinaan sekolah-sekolah baru di mana sekolah tersebut mempunyai permintaan, kadar permintaan daripada masyarakat tempatan yang sangat berkurangan. Hadirin, Ahli Dewan, Y.B. sekalian, satu lagi isu yang belum disentuh oleh Ahli-ahli Y.B. yang lain adalah berkaitan dengan harta dan kemudahan awam. Seperti balai raya, dewan orang ramai, gelanggang Futsal dan juga gelanggang sepak takraw di kampung-kampung atau di desa-desa. Jika

diperhatikan kebanyakan kemudahan ini seolah-olah ia nya tidak bertuan dan terurus sehingga ada yang boleh di kategori sebagai Rumah Hantu atau rangka dinosaur. Oleh itu saya mengharapkan agar pihak kerajaan, tidak sekadar melihat atau mengkaji semata-mata tetapi bertindak terus ke arah pembaikan yang sewajarnya. Saya penuh yakin sekiranya harta dan kemudahan awam ini yang sedia ada diambil peduli dengan menyediakan dana yang khas, penyelenggaraan yang berpatutan, maka semua kampung-kampung di Selangor ini, akan bertambah ceria dan rakyat akan bertambah yakin tentang kesungguhan kerajaan negeri untuk mengambil peduli hal rakyat di bawah sana.

TUAN SPEAKER: 2 minit lagi Tanjung Sepat

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HJ. HASSAN: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, membantu anak muda, belia dan golongan wanita bukan hanya melaksanakan program-program yang bersifat ad-hoc semata-mata. Oleh itu, satu program yang lebih spesifik serta galakan untuk membina usahawan sebagai kerjaya alternatif perlu diwujudkan oleh kerajaan negeri Selangor terutamanya bagi membantu golongan ataupun kumpulan yang kurang bernasib baik yakni yang tidak cemerlang di dalam aspek pendidikan. Sasaran dari sudut kualiti dan bilangan peserta mestilah dibuat oleh pihak kerajaan supaya setiap daerah ataupun kawasan, berjaya melahirkan produk daripada hasil program yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri itu sendiri. Di antara program-program ataupun langkah-langkah yang perlu dinaiktarafkan ataupun memberi anak-anak muda ini tertarik dengan penglibatan program-program kerajaan negeri itu, program itu mestilah mempunyai jangka masa yang sederhana iaitu di antara 3 tahun ke hadapan dengan menggunakan program yang sedia ada di bawah portfolio EXCO yang berkaitan untuk melaksanakan program-program pembangunan desa melalui kemahiran-kemahiran dan juga latihan-latihan yang berskil kepada mereka. Dengan ini juga, boleh membina laluan kerjaya, kursus persediaan usahawan kepada golongan sasaran.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ayat terakhir Yang Berhormat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HJ. HASSAN: Panjang lagi ni. Baik, untuk mengakhiri ucapan saya, saya suka memohon beberapa perkara untuk diambil perhatian dan tindakan wajar oleh pihak kerajaan. Yang pertama, menyediakan satu program khas usahawan sebagai satu kerjaya kepada golongan muda dan belia yang merangkumi pakej latihan, bantuan kewangan, modal, khidmat nasihat, penyediaan prasarana dan sebagainya. Ini bertujuan menyediakan generasi untuk berdaya saing di masa hadapan. Yang kedua, mewartakan kawasan pertanian yang mencukupi di setiap DUN yang berkaitan dan memberikan kebenaran ataupun sewaan ataupun pajakan yang sesuai kepada petani-petani yang berminat yang benar-benar berusaha dan berikhtiar. Ini bertujuan agar para petani yang bergantung pada hasil tani tidak teragak-agak mengusahakan tanah dan

secara tidak langsung, pengawalan, penerokaan ataupun pencerobohan hutan dapat dibendung.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Panjang ayat terakhir Yang Berhormat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HJ. HASSAN: Panjang lagi. Kasi masa sikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Minta habiskan ya. Gulung. Sebab ramai lagi nak berucap.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HJ. HASSAN: Tanjung Sepat juga memohon agar kerajaan negeri mempercepatkan satu lagi projek iaitu dinamakan *Modern Pig Farming* bagi menyelesaikan masalah pencemaran kualiti alam sekitar termasuk pencemaran air, udara dan sebagainya. Saya penuh yakin dan percaya jika masalah ini diselesaikan segera kehidupan seharian penduduk dalam DUN Tg. Sepat akan lebih selesa malah pastinya nilai harta, nilai hartanah akan meningkat dan akhirnya nanti proses peningkatan ekonomi dan pembangunan setempat dapat berjalan dengan lebih baik. Dan terakhir, buat kali yang terakhir. Seterusnya juga Tanjung Sepat ingin merayu kepada, khususnya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor agar menyegerakan pembinaan jeti Tanjung Sepat yang telah runtuh bersama-sama diri saya pada tanggal 26 Mei 2013 yang lalu. Saya mengucapkan terima kasih dan bersyukur kepada Allah SWT, banyak jabatan-jabatan yang berkaitan disokong oleh pihak UPEN sendiri telah mengemukakan surat untuk bersama-sama bekerjasama dan kami sedang menunggu satu jabatan iaitu LUAS, Lembaga Urus Air Selangor untuk memberi kelulusan teknikal. Maka sebab itu, sekali lagi Tanjung Sepat mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada kerajaan negeri yang telah menunjukkan kecemerlangan sehingga negeri Selangor ini dapat menjadi sebuah negeri yang berjaya dan *insya-Allah* akan terus mengekalkan pemerintahannya. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Speaker. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana Kota Damansara diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Sultan Selangor sempena pembukaan Dewan yang mulia ini di Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Tahun 2014. Sebelum saya bermula seperti biasalah nukilan saya, 'Kehilangan MH370 suatu misteri, keluarga penumpang bersedih berhiba hati. Bayangkan kalau terjadi kepada keluarga sendiri, rasanya mungkin sedih menusuk di sanubari. Marilah kita berdoa ke hadrat Illahi, semoga misi pencarian diperolehi. Janganlah dipolitikkan kejadian ini, percayalah ini semua ketentuan Illahi. Hatta hikmah, ada hikmah di sebalik

tragedi, kerajaan Malaysia akan terus mencari. Doa dan dengan harapan penumpang terpelihara dan diberkati. Tuan Speaker, memandangkan masa yang diperuntukkan terlalu terhad saya hanya ada 3 isu yang nak saya bangkitkan dalam Dewan ini, pertamanya, iaitu kehadiran makhluk yang tidak diundang. Yang saya dapati rata-rata di kawasan saya lah, Kota Damansara, iaitu masalahnya makhluk itu adalah tikus. Yang juga telah banyak dilaporkan terutamanya di flat-flat, kediaman seperti di PPR, kediaman yang bertaraf apartmen, di premis dan juga gerai-gerai yang terdapat di kawasan Kota Damansara yang terus membiak tanpa dapat dikawal. Seperti yang kita semua maklum bahawa wabak atau virus kencing tikus ini amat berbahaya kerana telah meragut nyawa sepanjang ia dikesan.

Status penyakit kencing tikus bagi tahun 2013 seperti mana yang telah diperolehi iaitu kalau dibandingkan pada tahun 2012 sebanyak kes 2012 yang telah disahkan adalah sebanyak 158 dan jumlah kematian adalah lapan (8). Pada tahun 2013, kes sebanyak 183 dan jumlah kematian empat belas (14). Ini dilihat amat membimbangkan kerana jika dibiarkan penyakit tersebut akan terus menular akibat bawaan tikus-tikus ini semakin membiak. Besar kemungkinan penyakit-penyakit ini mudah berjangkit bawaan haiwan ini akan meningkat di negeri Selangor dan akan mengancam kesihatan rakyat keseluruhannya. Jika dulu kita lihat kucing makan tikus tetapi sekarang kucing lari melihat tikus sebab saiznya sama lebih kurang saiz anak kucing. Kadang-kadang ia lebih besar daripada kucing yang sentiasa berkeliaran dan kadang-kadang ia amat menjijikkan. Tikus-tikus ini bukan sahaja membawa penyakit berbahaya namun ia juga membawa kepada kerosakan harta dan penduduk. Jadi, apakah perancangan dan tindakan kerajaan negeri dalam jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang melalui PBT atau mana-mana agensi berkaitan supaya pembiakan haiwan ini dapat dikawal atau adakah apa-apa cara yang sedang dirancang atau sedang dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengawal pembiakan haiwan tersebut. Adakah ia hanya memadai dengan sebagaimana yang telah saya dapat ni daripada jawapan bertulis, memadai dengan hanya membuat siasatan. Adakah ia hanya memadai dengan memberi pendidikan kesihatan kepada masyarakat. Ataupun adakah ia memadai setakat memberi taklimat mengenai risiko jangkitan penyakit tersebut. Dan saya berharap pihak kerajaan negeri mengambil kira dan memikirkan apakah tindakan yang wajar boleh kita atasi penyakit kencing tikus ini.

Isu kedua yang nak saya bawa adalah isu lambakan gerai yang wujud seperti cendawan tumbuh di Kota Damansara. Ia meliputi keseluruhan kawasan Seksyen 4, Seksyen 6, Seksyen 8, Seksyen 11, Subang Bestari, Kg. Melayu Subang di mana gerai-gerai ini berada di bahu-bahu jalan. Jalan raya, bahu-bahu jalan ini yang dulunya cantik kita boleh melaluinya untuk berjalan kaki telah dicabuli, telah dicerobohi, dan telah diperkosai dengan terdirinya gerai-gerai yang rupanya sedikit pun tidak memberi keselesaan kepada kita. Gerai ini wujud kerana ketidakmampuan peniaga-peniaga ini untuk menyewa premis yang sewanya terlalu mahal di Kota Damansara. Jadi, apakah pihak kerajaan, perancangan yang akan diusahakan

untuk membantu peniaga-peniaga ini yang berniaga kais pagi makan pagi, kais petang makan petang dan apakah kerajaan memikirkan supaya mereka ini ditempatkan di tempat yang tersusun, teratur dan strategik untuk mereka boleh berniaga untuk menaikkan taraf ekonomi mereka. Saya menyeru kepada kerajaan supaya mengambil perhatian yang begitu serius untuk membantu golongan peniaga kecil-kecilan ini supaya mereka juga boleh hidup dalam ekonomi yang selesa, dalam keadaan yang sejahtera, dalam usaha mereka menambah baik pendapatan keluarga mereka dan saya juga mengesyorkan supaya peniaga-peniaga ini diberi lesen sementara untuk mereka terus berniaga di kawasan-kawasan yang akan ditentukan, akan dirancang oleh Kerajaan Negeri Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: 2 minit lagi ya.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Isu kedua, dah. Isu ketiga. Saya amat berasa sedih sebab di Kota Damansara, terutamanya di Seksyen 8 Kota Damansara, ditempatkan kenderaan yang begitu berat terutamanya lori dan bas-bas di mana kawasan ini adalah kawasan perantaraan di antara mereka-mereka kediaman yang kategori medium dan juga kategori yang tinggi. Saya melihat bahawa di kiri kanan jalan yang diletakkan kenderaan ini amat membimbangkan kerana ia boleh membahayakan penduduk dan saya juga merasakan bahawa apa saja tindakan sebab soalan saya yang ke-45, soalan bertulis, jawapannya tindakan telah diambil dan saman telah pun diberi tapi adakah sekadar cukup nyaman dan hanya sekadar mengambil tindakan untuk membuat rondaan sahaja. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan melalui PBT untuk menyediakan tempat letak khas kenderaan berat ini dan saya juga mencadangkan supaya kawasan lapang yang berada di kawasan Seksyen 8 Kota Damansara itu dijadikan depot untuk meletakkan kenderaan berat yang telah nampaknya terlalu berleluasa di Seksyen 8 tersebut. Jadi, saya berharap, memohon kepada kerajaan melalui PBT untuk mengambil tindakan serius dan tindakan yang proaktif supaya masalah ini dapat diselesaikan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, ayat terakhir.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Dah akhir pun. Terima kasih. Jadi, saya menyeru kepada semua yang berada di Dewan ini, wakil kita, sebagai wakil rakyat, bersama-samalah kita menyahut apa yang telah dititahkan oleh Tuanku, bahawa kita berdoa bersama-sama kepada Allah SWT agar segala apa sahaja masalah yang nak kita selesaikan dapat keputusan yang baik dan agar segala urusan kita dipermudahkan dan janganlah kita, di antara kita walaupun daripada pihak pembangkang dan juga pihak kerajaan sentiasa tuduh menuduh antara satu sama lain. Dan, akhirnya saya dengan ini menyokong, menjunjung kasih titah ucapan Tuanku, sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Speaker. Paya Jaras ingin mengambil bahagian dalam menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Paya Jaras akan pergi secara *straight forward*, dengan izin, memandangkan masa yang sangat terhad. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat melihat kepada ucapan titah Tuanku, saya dapat melihat dalam 3 aspek yang dirumuskan. Ada kewangan, ada pentadbiran kerajaan dan ada rakyat. Kalau kita letak unsur-unsur ini, dia melihat seolah-olah berlaku semacam segi tiga. Menunjukkan bahawa baginda Tuanku melihat pentadbiran kerajaan sekarang ini dalam keadaan yang cermat, yang kemas, yang ditadbir dengan baik. Hari ini kita memuji kerajaan dengan pentadbirannya, ya sudah tentu ada kelemahan di sana sini, tetapi saya ingin mengambil contoh dengan kejadian MH370 sebagai yang disebut oleh Kota Damansara tadi. MH370 ini adalah satu peristiwa tetapi bukan peristiwa yang kita hendak cerita tetapi bagaimana kegagalan Kerajaan Persekutuan menangani isu MH370 itu yang menjadi bualan kita. Kerajaan Selangor dilihat kemas, kita kekalkan cara kita. Kerajaan Persekutuan tidak kemas, kita menegur Persekutuan. MH370 saya hendak sentuh sedikit. Kita melahirkan rasa simpati kerana ada di kalangan penumpang itu ada yang dikata berasal daripada Paya Jaras. Berlaku peristiwa MH370, berlaku peristiwa semua pergi ke Laut China Selatan, mengapa? Kerana satelit Cina kata ada objek di Laut Cina Selatan. Tiba-tiba semua tertumpu ke Lautan Hindi, mengapa? Kerana satelit Perancis kata berada di Lautan Hindi. Soalnya satelit Malaysia ini di mana? Apa satelit Malaysia kita buat? Bagaimana cara menangani? Ini adalah kelemahan yang kita sebut sebagai kegagalan Kerajaan Persekutuan. Hari ini kita melihat Kerajaan Selangor, kewangannya baik. Tidak dinafikan dengan projek jambatan di Klang, dengan projek yang berbagai-bagai menunjukkan kita mempunyai kedudukan kewangan yang baik. Kalau dulu Sultan Salahuddin Al-Ayyubi mempunyai ketenteraan yang kuat. Tentera kuat tetapi nama yang naik ialah Sultan Salahuddin Al-Ayyubi. Hari ini kita bila kewangan kita kuat, kita memuji Dato' Menteri Besar kita dan kita lupa pegawai Dato' PWN kita yang mainkan peranan yang besar dalam menjaga kewangan kita. Dato' PWN tak bercakap tetapi kita mempunyai penghargaan bahawa kedudukan Selangor ini kita lihat sangat baik. Ada kelemahan di mana-mana, di sana-sini. Kita mendengar perbincangan semalam tentang air. Bukit Antarabangsa membangkitkan tentang isu air, EXCO PBT juga membahaskan isu air, dua dilihat seolah-olah berbeza pandangan tetapi saya lihat ini adalah hanya di sudut persepsi dan tafsiran terhadap air. Kalau kita kata kita sayang kepada Kerajaan Selangor, saya yakin Dato' Menteri Besar lebih sayang pada Kerajaan Negeri Selangor. Kalau kita kata kita nak rakyat mempunyai air, saya yakin Kerajaan Selangor juga nak melihat rakyat memiliki air dengan baik. Sebab itulah saya melihat bahawa pada hari ini dalam isu air ini kita minta Kerajaan Selangor selesaikan dengan segera isu-isu air ini. Kadang-kadang sebagai wakil rakyat bila berlaku catuan air serabut kepala kita, catu sana, catu sini. Berbagai-bagai seolah-olah tiada jalan penyelesaian dilihat, seolah-olah tiada jalan penyelesaian. Sedangkan kita tahu Kerajaan sedang melakukan sesuatu.

Yang Berhormat sekalian, kita hari ini melihat kita berdiri dalam keadaan baik, kerajaan yang baik. Pagi tadi Sungai Tawar kata menjadi doktrin, seolah-olah ada doktrin di kalangan kita ini sikit-sikit kita bantai BN. Macam mana kita tak bantai BN Yang Berhormat? Semalam Noh Omar menyatakan mahu melaporkan SPRM. Noh Omar mengatakan mahu lapor kes Tropicana sedangkan sidang dewan belum habis lagi. Penjelasan belum diberi lagi. Kalaulah UMNO Barisan Nasional mahu menjadikan SPRM sebagai juru bicara bercakap dengan Kerajaan Negeri maka kita juga mendesak Kerajaan Negeri kita buka kes Tanjung Karang, kita lihat dan kita lantik SPRM sebagai juru bicara kita dan saya yakin Sekinchan boleh bantu. Boleh bantu Sekinchan?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Nak celah sikit.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Oh celah terus.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Dalam konteks itu soal Tanjung Karang, soal *tunnel*, soal udang dan sebagainya, Sekinchan sentiasa boleh membantu. Insya-Allah.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Sekinchan. Isu kewangan saya tidak mahu ulas banyak. Saya pergi kepada isu yang disebut oleh Baginda Tuanku iaitu isu pentadbiran kerajaan. Sebut kerajaan ada dua peringkat. *Second Government*, *Third Government*. Di *Second Government* kita berhadapan di dalam dewan ini. Saya melihat bahawa kerajaan yang ada pada hari ini kita dalam proses mengenali di antara satu sama lain. Bila kita cerita masalah kakitangan kerajaan saya yakin kakitangan kerajaan ini adalah orang yang menurut polisi. Kalau ada kesilapan kita melihat kepada yang pembuat polisi itu. Kalau ada nyamuk dalam kelambu kita lihat kenapa kelambu itu dalam sedemikian rupa. Sebab itulah pada hari ini, di Paya Jaras baru-baru ini berlaku ribut angin yang kuat. 20 minit tetapi telah mengangkat lebih 70 buah rumah, zink bumbung terangkat. Tetapi dalam keadaan kejadian ini berlaku MBSA memberi sokongan kepada kita, Pejabat Daerah memberi sokongan kita. Saya ingin merakamkan terima kasih saya kepada Pengurus Cawangan MBSA, Saudara Zawawi dengan kru-krunya yang tidak pernah lekang daripada tempat kejadian dan membantu rakyat untuk menebang pokok dan sebagainya. Begitu juga dengan Pegawai Daerah. Hari ini saya melihat kampung di Paya Jaras masih memerlukan pembaikan tetapi tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat sekalian ada masalah-masalah yang perlu bantuan Pejabat Daerah dan sebagainya. Masalah tanah masih belum selesai. Masalah tapak masjid saya sudah bangkitkan beberapa kali baru-baru ini. Masalah surau, Kampung Paya Jaras Dalam, Surau Taqwaniah Kampung Paya Jaras Dalam masih belum selesai hingga hari ini. Saya minta bantuan daripada Yang Berhormat EXCO untuk melihat. Isu kampung, isu SYABAS, paip air SYABAS. Dalam kampung ada paip air SYABAS yang begitu lama, yang tidak dipakai, kita berjumpa dengan SYABAS Wilayah Tengah, SYABAS Wilayah Tengah kata paip air ini kita tidak pakai yang terletak di

Lorong Delima 7 Paya Jaras. Kita pergi kepada UPEN, UPEN tak berani nak keluar surat. Saya pun tidak faham kenapa surat ini tidak dikeluarkan. Saya melihat perkara ini kena diselesaikan kerana ia menghalang proses pemilikan tanah yang berada dalam Paya Jaras. Masalah T.O.L saya pun dah sebut peristiwa lori terbang di Paya Jaras. Apabila kedudukan *Highway* lebih tinggi dari rumah-rumah di dalam Kampung Seri Indah A, lori jalan terbang jatuh atas bumbung rumah itu hampir-hampir membunuh satu keluarga. Tapi kebetulan pada hari itu keluarga ini pergi keluar tidak ada di rumah, kebetulan sangat. Dato' Menteri Besar telah berjanji kepada kita untuk menempatkan mereka-mereka ini dan kita minta benda ini dipercepatkan. Saya ingin menyambung sedikit tentang masalah OKU ini. Pernah saya bawa pada satu ketika dulu dalam sidang yang lepas. Saya memberi harapan yang tinggi kepada Kerajaan Negeri dan saya mendedikasikan ucapan ini kepada keluarga Raja Rohaisyam binti Raja Mohideen serta suaminya Mohd. Affendi Ramli kerana mereka tabah menjadi ikon pada keluarga yang mempunyai anak OKU. Saya berjumpa dengan mereka, mereka berterima kasih dengan Dato' Menteri Besar kerana telah memberi sumbangan peribadi sehingga mereka boleh membuat rawatan dan mereka juga berterima kepada EXCO Kebajikan kita kerana menyokong mereka ini tetapi apa yang penting saya hendak sebutkan di sini adalah perkara yang saya sebut dalam penggal yang lalu iaitu apa tindakan Kerajaan Negeri terhadap Orang-orang Kurang Upaya ini? Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, dua minit terakhir.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Saya ingin bertanya EXCO Kebajikan, persoalan dia di antara penggal ini hari ini dan penggal akan datang apa perancangan kita terhadap orang OKU ini.? Saya minta kalau kerajaan bersetuju untuk mewujudkan pusat asuhan orang OKU ini saya Paya Jaras bersedia mengadakan pakar-pakar untuk berjumpa dengan Yang Berhormat EXCO untuk berbincang dengan lebih lanjut kalau Yang Berhormat setuju. Kita kena adakan perkara ini kerana perkara ini sering kali dibangkitkan dalam sidang-sidang dewan, sering kali disebut dalam sidang-sidang dewan, sering kali disebut oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat kita tetapi saya kira perjalanan, perancangan kita masih jauh daripada sasaran kita. Yang Berhormat sekalian, masalah OKU ini mesti kita pandang. Kita dah sebut bahawa belanja untuk satu keluarga sebulan mencecah hampir RM4,000 dan melebihi. OKU ini bukan orang sakit, OKU ini bukan orang yang demam tetapi mereka adalah Orang Yang Kurang Upaya. Kita beri tumpuan yang serius dan kita beri tumpuan supaya mereka merasakan mereka ini dihargai dalam Negeri Selangor ini. Kita tidak boleh bayangkan bagaimana perasaan kita, keluarga kita yang mempunyai anak OKU tetapi tidak mendapat pembelaan daripada Kerajaan Negeri dan tidak berada di dalam sistem masyarakat di dalam sesebuah negara itu. Perkara lain yang saya ingin sebut ialah perkara gerai. Banyak gerai...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ayat terakhir ya Yang Berhormat.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Banyak gerai di tempat kita tetapi saya lihat gerai-gerai ini masih tidak kemas, masih terlalu agak kotor dan apa yang paling menggusarkan kita gerai-gerai ini kadang-kadang dimiliki oleh orang-orang daripada luar seperti Bangladesh dan orang Myanmar. Saya tidak tahu macam mana perkara ini boleh berlaku. Saya minta pihak Kerajaan melihat turun ke Sungai Buloh, tengok gerai-gerai kita, tengok pemilikan kita kalau diniagakan oleh orang Melayu, orang Malaysia, orang berbangsa yang mempunyai IC kita putihkan mereka ini. Kalau mereka ini terdiri daripada orang pendatang tanpa izin, kita *clearkan* dengan izin perkara ini. Yang Berhormat sekalian, juga terima kasih saya kepada anggota Balai Bomba Sungai Buloh yang telah bertungkus-lumus membantu rumah-rumah di Paya Jaras ketika di ribut angin baru-baru ini. Juga terima kasih saya kepada Dato' DO Petaling, Dato' Mohd Misri Idris, Penghulu Mukim Tok Penghulu Hassan, Pengurus MBSA Sungai Buloh Saudara Zawawi Mat Isa dan Datuk Bandar Dato' Mohd Jaafar kerana mereka benar-benar membantu ketika Paya Jaras dilanda ribut angin baru-baru ini. Sekian, dengan ini Paya Jaras menyokong titah ucapan Tuanku Sultan Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Taman Medan juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan, usul menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena pembukaan dewan. Taman Medan ingin mengungkap titah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkaitan dengan usaha untuk menjadikan Selangor sebagai antara Negeri yang paling selesa dan selamat dikunjungi dan diduduki. Jadi isu yang Taman Medan ingin bangkitkan ialah isu keselamatan sebab baru-baru ini Taman Medan juga berhadapan dengan satu kes bunuh seorang bekas pelajar Program Tuisyen Rakyat Selangor, adik Mohamad Azri bin Mohamad Rosi yang telah ditikam sewaktu menghantar selepas menghantar rakannya pulang pada awal pagi. Jadi motosikal yang beliau tunggangi telah dicuri dan beliau telah meninggalkan kita dan ini telah meninggalkan kesan yang amat sedih kepada keluarga dan juga memberi satu isyarat kepada kita warga Negeri Selangor khususnya di Taman Medan bahawa isu keselamatan ini merupakan isu yang sentiasa menghantui penduduk di sini. Dan bukan itu sahaja kes-kes ragut yang juga melibatkan nyawa juga telah berlaku pada tahun lepas, beberapa bulan yang lepas dan Taman Medan menggesa Kerajaan Negeri untuk mengkaji ataupun melihat perkara keselamatan ini dengan lebih serius walaupun ia sebelum ini usaha untuk mewujudkan polis bantuan telah ditolak oleh pihak Kerajaan Pusat tetapi itu tidak bermakna kita telah berputus asa atau melepaskan tanggungjawab itu terus kepada pihak Kerajaan Persekutuan. Para penduduk telah pun berusaha dalam lingkungan kuasa atau dalam lingkungan perkara yang mereka mampu lakukan menubuhkan pasukan keselamatan, meronda kawasan yang mereka duduki dan bukan itu sahaja mereka telah juga meletakkan

atau menempatkan pondok pengawal walaupun ini ternyata bertentangan dengan akta Kerajaan Tempatan tetapi penduduk telah tidak boleh menunggu keadaan di mana keselamatan mereka terganggu. Jadi Taman Medan melihat isu keselamatan ini tidak boleh diketepikan, Kerajaan Negeri perlu mencari kaedah atau pun pendekatan untuk mengurangkan, kalau tidak boleh menghapuskan situasi yang mengancam keselamatan penduduk.

Perkara kedua yang ingin dibangkitkan adalah situasi ekonomi yang dihadapi oleh kebanyakan keluarga di dalam negeri Selangor khususnya. Kita melihat titah Tuanku mengatakan negeri Selangor menunjukkan perkembangan ekonomi yang memberangsangkan. Tetapi ini tidak dapat dirasakan oleh keseluruhan penduduk di negeri Selangor. Jadi Taman Medan menggesa supaya peluang pekerjaan yang dikatakan telah diwujudkan itu diberikan atau pun diusahakan untuk warga negeri Selangor yang memerlukan pendapatan tambahan bagi memenuhi saraan kos hidup yang semakin tinggi dan meningkat.

Perkara ketiga yang ingin dibangkitkan adalah berkaitan dengan peruntukan MARRIS. Sebentar tadi kita dengar Yang Berhormat Sijangkang mengatakan atau pun membentangkan penggunaan peruntukan MARRIS ini bagi tahun 2013 hanya berjaya digunakan sebanyak 33%. Jadi bagaimana ya, masalah yang kita hadapi di kawasan atau pun di tempat yang kita tinggal masih banyak tetapi penggunaan peruntukan MARRIS ini tidak dapat digunakan sebaik-baiknya. Situasi banjir yang dihadapi di Petaling Jaya khususnya dalam Seksyen 1, 2, 3 dan 4, rakan saya daripada Bukit Gasing boleh mengesahkan ya? Masalah banjir ini telah lama dihadapi.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Memang mengesahkan. Cukup serius.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih, Bukit Gasing. Situasi yang dihadapi adalah sangat sentiasa maknanya berulang kali setiap tahun. Jadi saya agak hairan bagaimana peruntukan MARRIS yang begitu besar tidak boleh dibelanjakan. Bila setiap kali dipohon kepada Pihak Berkuasa Tempatan, katanya bajetnya begitu besar, tidak cukup. Tidak ada bajetnya. Jadi sebentar tadi telah membuktikan bajet atau pun peruntukan daripada MARRIS ini ada. Jadi saya berharap ya, Kerajaan Negeri memastikan masalah banjir yang dihadapi di Seksyen 1, 2, 3 dan 4 ini dapat diatasi *once and for all*, dengan izin ya.

Kemudian, perkara ini sebenarnya saya telah bangkitkan beberapa kali. Naik jemu juga sebut ya. Ini penggal kedua saya bangkitkan juga sebab saya lihat perkara ini sangat penting bagi penduduk di dalam kawasan saya. Kemudahan rekreasi bagi khususnya golongan belia yang sangat kurang dengan kepadatan penduduk yang sangat tinggi tidak dapat disediakan sehingga ke hari ini. Saya amat sedih kerana Dataran Anak Muda yang diwujudkan seluruh negeri Selangor berasal daripada idea Taman Medan tetapi Dataran Anak Muda di DUN Taman Medan sendiri belum habis

dilaksanakan. Jadi saya ingin menggesa pihak yang berkaitan untuk menyelesaikan kerja tersebut yang telah tertangguh bermula pecah tanah 2009 sehingga tahun 2014 ya, belum selesai lagi. Jadi mohon disegerakan tanpa memberi alasan-alasan yang tidak wajar.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dua (2) minit lagi Yang Berhormat.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Seterusnya, pengurusan sampah. Ini perkara yang tidak dapat dielakkan. Kita ada sepanjang saya kira 1 kilometer, kawasan sepanjang Sungai Klang yang telah dijadikan tapak pelupusan sampah haram. Perkara ini saya kira tidak boleh berlaku sekiranya pihak JPS telah mengambil tindakan sewajarnya sebab rizab sungai ini milik JPS. Saya telah turun dengan Jurutera JPS pada tahun 2010 bersama-sama dengan Penguatkuasa daripada MBPJ untuk melihat pembuangan sampah di rizab sungai ini tetapi tidak ada tindakan yang tegas. Tetapi Alhamdulillah pada akhir tahun 2013, pihak Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri telah mempengerusikan satu mesyuarat khas untuk menangani isu itu. Namun, saya rasa tindakan perlu disegerakan. Walau pun keputusan telah dibuat untuk menghantar notis kepada pihak-pihak penceroboh tetapi pembuangan sampah ini masih berterusan. Pada hari ini pembakaran yang berterusan juga sudah berlaku. Kerana apa? Kerana terdapat orang yang telah melakukan pembakaran terbuka dan menyebabkan pembakaran.....

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Mohon mencelah.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Sebentar.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Rakan saya daripada Kinrara juga berkongsi masalah yang sama. Sehingga menyebabkan pembakaran berlaku di dalam tanah. Malahan pada pagi ini juga saya melihat asap masih keluar daripada tanah di tapak pelupusan sampah tersebut. Silakan Kinrara, sebentar sahaja ya? Tak boleh lama-lama.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Saya hanya nak mengesahkan apa yang dikata oleh Y.B. itu adalah benar. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih. Jadi inilah situasi yang kita hadapi jika kita menanggungkan tindakan. Daripada kita menanggung kerugian atau pun belanja yang besar untuk membersihkan tapak pelupusan yang haram ini ya. Tindakan kita yang melengah-lengahkan usaha untuk menyekat atau menghentikan pengoperasi atau pengoperator sampah haram ini telah menelan belanja yang besar dan penduduk juga menghadapi ancaman kesihatan. Ada gas yang keluar daripada tanah tersebut. Pihak Pegawai Bomba

yang memadamkan api itu mendengar letupan-letupan kecil daripada tanah tersebut. Jadi ini situasi yang kita hadapi. Mungkin kita rasa ini perkara kecil sebab hanya meluluskan keputusan. Tetapi percayalah, tindakan yang kecil sebenarnya boleh mengubah kehidupan manusia di bawah penyeliaan dan jagaan kita. Jadi janganlah.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ayat terakhir ya, Taman Medan? Ayat terakhir.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Janganlah kita memandang kecil segala aduan atau pun tuntutan atau permintaan daripada penduduk.

Akhir sekali, ini juga satu perkara yang saya nampak telah tertangguh lama iaitu pembinaan Blok E, Petaling Utama yang melibatkan penduduk bekas setinggan yang telah memohon untuk memiliki unit kos rendah ya, Pangsapuri Petaling Utama masih menunggu selepas lebih 10 tahun mereka mohon untuk dapatkan unit flat tersebut. Kebanyakan mereka juga sudah tidak layak untuk membuat pinjaman. Jadi saya benar-benar berharap pihak EXCO juga Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan proses ini kerana saya sangat sedih melihat penduduk yang menanti saban tahun. Menanti unit flat yang mereka telah bayar kepada bank untuk dimiliki tetapi sehingga hari ini ada yang sudah mati. Tak tercapai cita-cita dan impian untuk memiliki unit flat. Jadi untuk mengakhiri ucapan, saya mohon sekali lagi pihak Kerajaan Negeri tunaikan tanggungjawab dengan segera. Apa yang baik itu jangan dilengahkan dan kami daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sama-sama menyatakan sokongan untuk bekerjasama memastikan negeri Selangor menjadi negeri yang selesa dan selamat. Insha-Allah.

Dengan kata-kata itu, Taman Medan dengan ini memohon untuk menyokong usul menjunjung kasih titah ucapan Tuanku. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya cuma sedih sikit, Taman Medan tak sebut pasal Seri Setia pun ada masalah sama. Kinrara ya?

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Timbalan Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Kinrara untuk berbahas dalam Usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Akhirnya sampai giliran saya. Salam Yang Berhormat sekalian.

Pendidikan merupakan asas pembangunan dan perpaduan negara dan dengan memastikan semua aliran pendidikan dilayan dengan adil akan menjamin bakat-bakat negara akan dijadikan aset sesebuah negara. Ketidakadilan sekolah aliran bahasa ibunda bermula daripada zaman pentadbiran British dan malangnya dasar ini dilanjutkan oleh anak didikan penjajah iaitu Perikatan dan kini di nama sebagai Barisan Nasional. Pakatan Rakyat selaku pakatan yang membawa perubahan telah pun membuat beberapa perubahan yang drastik dalam bidang pendidikan terutama

dalam masalah pembahagian peruntukan kepada semua aliran sekolah dengan memberikan peruntukan dan bantuan tahunan kepada sekolah jenis kebangsaan. Justeru itu, setelah menerima mandat daripada rakyat untuk penggal yang kedua, kami harus meneruskan perubahan dalam bidang pendidikan dengan membetulkan dasar songsang yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Setelah penggubalan Akta Pelajaran 1961, 60 buah sekolah menengah yang menggunakan Bahasa Mandarin sebagai medium pengajaran demi mempertahankan hak asasi mereka dipaksa untuk berdaftar sebagai sekolah swasta Cina tajaan komuniti atau lebih dikenali sebagai *Dong Zhong* atau di swasta di *Malaysian Independent Chinese Secondary School (MICSS)* oleh kerajaan Barisan Nasional. Menjelang tahun 80-an, gabungan Persatuan Ahli Lembaga-lembaga Sekolah Cina atau lebih dikenali sebagai *Dong Zhong* telah menubuhkan satu jawatankuasa MICSS untuk menyelaraskan silibus kurikulum MICSS dan memperkenalkan peperiksaan *Unified Examination Certificate* atau UEC dan UEC *Vocational* untuk pelajar MICSS. Usaha *Dong Zhong* itu juga dilakukan untuk menjamin kualiti pengajaran dan menyelesaikan masalah lanjutan pelajaran lepasan MICSS ke peringkat kolej dan universiti dan masalah itu sengaja diwujudkan oleh Barisan Nasional. Walau pun ini merupakan satu inisiatif yang bagus tetapi kerajaan Barisan Nasional tidak mengiktiraf sijil peperiksaan UEC sehingga sekarang. Akan tetapi sijil UEC telah pun mendapat pengiktirafan lebih daripada 30 buah negara termasuk Amerika, Australia, Jepun, UK, Korea, Singapura, Indonesia dan sebagainya. Selain itu, kebanyakan IPTS di Malaysia juga menerima UEC sebagai syarat kemasukan universiti. Universiti swasta tempatan seperti Multimedia, INTI dan Universiti Tun Abdul Razak dan lain-lain lagi cawangan universiti luar negeri bertempat di Malaysia seperti *Monash University, Curteen, Nottingham* juga mengiktiraf UEC sebagai setaraf dengan kelayakan SPM untuk permohonan kemasukan ke universiti.

Kini MICSS di Lembah Klang mempunyai lebih daripada 20,000 pelajar dan setiap tahun seramai 3,000 pemegang UEC akan ber*graduate* daripada MICSS. Mereka akan menjadi satu sumber baru untuk kemasukan ke UNISEL dan INSPEN. Selama ini, lepasan UEC telah menunjukkan prestasi akademik mereka yang baik di arena *international* termasuk seorang anak Selangor atau lebih tepat sekali seorang anak dari Sekinchan yang berjaya mencipta teknologi USB atau *pendrive* dan beliau sekarang digelar sebagai Bapa *Pendrive*. Ini anak dari Sekinchan. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, untuk membetulkan situasi ini, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Selangor supaya mencontohi universiti terkemuka luar negeri dan menerima sijil UEC sebagai syarat kemasukan kepada Institusi Pengajian Tinggi di bawah Kerajaan Negeri. Justeru itu, satu jawatankuasa khas harus ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri untuk menetapkan gerak kerja serta mengkaji pelaksanaan dasar ini. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat EXCO Pendidikan Negeri, Selat Klang untuk mengetuai jawatankuasa ini dan ahli-ahli jawatankuasa harus merangkumi wakil-wakil *Dong Zhong*. Tambahan lagi, tindakan ini boleh dilihat sebagai satu usaha Pakatan Rakyat dalam menunaikan janji buku jingga yang

berjanji akan mengiktiraf sijil UEC setelah mentadbir di peringkat Kerajaan Persekutuan. Kita akan membuktikan kepada rakyat Selangor yang memberi amanah kepada kita bahawa Pakatan Rakyat adalah satu Pakatan yang menunaikan janji bukan seperti teman kita yang sebelah sana Barisan Nasional yang hanya memberi janji kosong dan slogan kosong tapi akhirnya tidak menepati janji mereka. Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian, Kinrara mengalu-alukan pengumuman Y.A.B. Dato' Menteri Besar tentang pembinaan Jambatan Ke-3 Klang. Kinrara berharap pada masa yang sama Kerajaan Negeri jangan lupa kawasan di luar kawasan Klang yang juga mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti di Puchong yang juga memerlukan lebih banyak jalan, lebih banyak jambatan tetapi bukan lebih banyak tol. Apa yang sering dikata oleh penduduk Puchong adalah keluar rumah belok kiri kena tol, belok kanan kena tol, ke depan ada tol, *u-turn* balik kena tol lagi.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Seri Serdang setuju.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Seri Serdang pun menghadapi masalah yang sama.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Nak mencelah kena bangun ya Seri Serdang.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Ini adalah berapa kesiannya penduduk Puchong. Jadi Kinrara ingin merayu kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar supaya menggunakan sebahagian simpanan Negeri untuk menaikkan kemudahan infrastruktur di Puchong. Puchong amat memerlukan lebih banyak jalan, lebih banyak jambatan dan bukan lebih banyak tol. Projek Lebuh raya KIDEX telah menimbulkan kerisauan penduduk Puchong dan Petaling Jaya bahawa adakah kadar tol yang akan dilaksanakan tidak munasabah. Sebelum satu lebuh raya yang baru diluluskan Kerajaan Persekutuan sepatutnya membuat kajian komprehensif dan membuat perbandingan atas perkhidmatan pengangkutan awam dan lebuh raya. Adakah alternatif seperti LRT atau MRT lebih sesuai daripada pembinaan KIDEX. Pelan induk yang...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Yang lebih holistik dan menyeluruh perlu dilakukan dengan mengambil kira punca sebenar masalah kesesakan lalu lintas iaitu penggantungan yang tinggi terhadap kenderaan persendirian yang disebabkan oleh jaringan pengangkutan awam yang tidak sempurna. Oleh itu, Kinrara menyarankan supaya kelulusan pemindahan tidak diberi kepada KIDEX selagi kontrak konsesi *Traffic Impact Assessment, Social Impact Assessment, Road Safety Assessment, Environmental Impact Assessment* dan lain-lain lagi ditujukan kepada rakyat. Di sini Kinrara juga ingin menggariskan bahawa Kerajaan Negeri Selangor bawah pimpinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar dengan nasihat daripada Penasihat Ekonomi Selangor, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah secara langsungnya membantu menangguk peningkatkan kadar tol yang telah diumumkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Apabila Menteri Besar telah mengambil langkah bijak iaitu menggunakan pegangan saham di dalam KESAS dan SPRINT menolak kenaikan tol seperti yang diumumkan Kerajaan Barisan Nasional. Pengumuman Y.A.B. itu telah mendapat sambutan yang amat baik di kalangan rakyat, hal ini secara langsung telah memberi satu tekanan terhadap kenaikan kadar tol, dengan ini Kinrara sekali lagi ingin memberi cadangan supaya saham pegangan PKNS tidak dijual dan menggunakan keuntungannya untuk memberi tol percuma kepada KESAS pada hujung minggu bagi menyahut Merakyatkan Ekonomi Selangor yang diutarakan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Di sini, satu yang saya ingin nak sentuh ialah tentang...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ayat terakhir.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Pendek saja, tentang tapak permohonan daripada MPSJ untuk membina satu *multi storey car park* dengan izin di SS15, dah lama dipohon tetapi masih tak ada maklum balas, saya mohon jawapan daripada Kerajaan Negeri dan juga akhir sekali Kinrara menyokong cadangan daripada rakan saya Seri Serdang untuk menggesa Kerajaan Negeri untuk berusaha untuk memulangkan Al-Kitab dengan ini sekian, terima kasih. Kinrara menyokong usul ini, terima kasih.

TIMBALAN TUAN SPEAKER: Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Ya. Terima kasih Tuan Speaker. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Morib mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi ruang untuk bersama-sama membahaskan ucapan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada hari ini. Saya tidak bercakap mengenai isu-isu yang berkaitan dengan secara am tetapi secara khusus yang berkaitan dengan di kawasan saya di kawasan DUN Morib yang pertamanya adalah Sekolah Maahad Integrasi Tahfiz Sains Istana Bandar yang terletak di Kuala Langat yang mana sekolah ini di bawah kelolaan dan juga tanggungjawab Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Sekolah ini telah ditubuhkan semula pada tahun 2008 yang mana keputusan SPM pada tahun ini iaitu *batch* yang kedua telah menunjukkan prestasi yang amat cemerlang, 46 pelajar telah daripada 111 pelajar telah mendapat 11A hingga ke 7A. 11A 12 orang, 10A 8 orang, 9A 6 orang, 8A 11, 7A 9 iaitu 46 pelajar daripada 111 pelajar ya yang mana pada tahun lepas keputusan SPM nya adalah daripada 54 pelajar, telah meningkat gred purata sekolah telah meningkat 0.46 % iaitu pada tahun ini sebanyak 2.52% yang mana sekolah ini telah menghasilkan, telah melahirkan bukan sahaja pelajar-pelajar yang memiliki kemahiran, yang memiliki apa itu kebolehan tahfiz tetapi juga adalah insya-Allah akan menjadi teknokrat akan menjadi profesional yang mana pada sesi yang lepas pelajar-pelajar seramai 54 pelajar ini ada yang telah melanjutkan pelajaran ke Mesir ke luar negara, ke IPTA, IPTS yang mana yang ada yang mengikuti pelbagai jurusan profesional. Apa yang saya nak timbulkan di sini, adalah naik taraf sekolah ini yang

mana sekolah ini telah di pengambilan tanah untuk menaik taraf sekolah ini telah diluluskan pada tahun 2012 dan bajet sebanyak RM34,000,000.00 telah diluluskan pada tahun 2013 tetapi hingga ke saat ini walaupun pada awal tahun lepas di war-war kan sekolah ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin tetapi sehingga ke hari ini tertangguh dengan pelbagai alasan dan juga pelbagai birokrasi yang timbullah. Untuk makluman Tuan Speaker dan Dewan yang mana kemudahan asrama amat mendesak untuk sekolah ini, kemudahan kantin juga yang mana sekarang kantinnya hanya terletak suatu tempat yang sementara. Kantin ini tidak diluluskan oleh apa itu Kementerian Kesihatan, Jabatan Kesihatan untuk beroperasi hanya untuk menjual tidak dibenarkan untuk memasak dan juga pelajar-pelajar tidak mempunyai gelanggang permainan yang baru semalam pihak guru telah menghantar *whatsapp* kepada saya iaitu untuk badminton pelajar-pelajar ini bermain di jalan raya, menjadikan pagar sekolah sebagai net antara dua pasukan. Jadi, masalah yang mendesak juga kemudahan surau sekarang ini terletak di antara dua bangunan asrama dibuatkan bumbung yang sementara dan pada waktu bulan puasa terpaksa pihak sekolah dan PIBG membuat khemah-khemah untuk memberikan keselesaan lagi kepada ibu bapa sekiranya mereka hadir untuk sama-sama bersolat terawih. Jadi, saya kira dengan bajet yang telah sedia ada diharap Jabatan Agama Islam Selangor dapat menyegerakan projek membina Maahad Tahfiz Sains Istana Bandar yang menjadi pelopor pada usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam mewujudkan, menjadikan Negeri Selangor Negeri Idaman, Sejahtera dan berkeadilan. Yang kedua adalah berkaitan dengan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor juga iaitu Sekolah Tadika, Pra Sekolah JAIS yang mana saya dimaklumkan bahawa kebanyakan seluruh Pra Sekolah JAIS ini mempunyai keadaan bangunan yang tidak sesuai dan agak uzurlah khususnya di Kuala Langat di Kampung Kanchong Darat yang mana keadaannya amat uzur dan juga tidak selamat untuk pelajar-pelajar bersekolah melakukan aktiviti dan guru-guru semua guru-guru ini adalah masih bertaraf kontrak dengan gaji RM820.00 ya, pembantunya RM740.00 sebulan, tukang kebunnya RM300.00 sebulan dan Guru Besarnya yang telah berkhidmat 25 tahun selama 25 tahun masih lagi bertaraf kontrak. Jadi dan masalah kebajikan guru-guru ini dan juga pekerja-pekerja ini saya kira perlulah mendapat perhatian daripada Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan juga Kerajaan Negeri agar diberi perhatian dan juga sekiranya kakitangan Kerajaan Negeri yang lain menerima bonus, mereka tidak menerima bonus yang sepatutnya mereka juga menerima bonus dan juga lain-lain kemudahan sebagai kakitangan kerajaan yang tetap. Itu adalah isu yang kedua yang perlu saya kira pihak Kerajaan Negeri mengambil perhatian. Yang ketiga adalah berkaitan dengan Sekolah KAFA Integrasi Taman Kemuning yang mana sekolah ini menumpang di Sekolah Kebangsaan untuk beroperasi di surau berdekatan. Saya difahamkan pengambilan tanah telah selesai sebanyak 4 ekar seluas 4 ekar diharapkan pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dapat memberikan perhatian sekiranya terdapat permohonan yang telah dikemukakan oleh pihak sekolah dan juga pihak saya. Diharapkan isu bajet untuk sekolah ini dapat disegerakan. Seterusnya adalah berkaitan dengan isu Kedai PLB yang mana kalau dulu kedai-kedai luar bandar ini di selenggara dan juga

dipantau oleh Pejabat Daerah tetapi secara keseluruhan semua kedai-kedai ini telah diambil alih pemantauannya dan pengambilan sewa dan seumpamanya oleh Majlis Daerah yang mana keadaannya agak uzur ya terdapat kedai-kedai yang telah tidak sesuai untuk beroperasi untuk perniagaan, walaupun sejak tahun 2008 saya melihat terdapat beberapa tahun bajet yang telah diturunkan oleh Kerajaan Negeri kepada untuk pembangunan kedai luar bandar ini bajet itu tidak mencukupi dan diharapkan dengan terdapat bajet sebanyak RM50,000,000.00 untuk pembangunan secara khusus, pembangunan desa saya kira ini akan dapat memberikan satu harapan baru kepada pembangunan untuk menaik taraf kedai-kedai luar bandar.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dua minit lagi ya Yang Berhormat.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Seterusnya adalah berkaitan dengan pelancongan iaitu Pantai Morib dan juga Pantai Kelanang. *Alhamdulillah* pada hujung tahun lepas EXCO Pelancongan telah menurunkan bajet sebanyak RM100,000.00 untuk pembangunan di Pantai Morib ya namun setelah dikemukakan permohonan sebanyak RM160,000.00 lebih daripada yang telah diberikan telah diluluskan oleh pihak EXCO, pihak Kerajaan Negeri diharapkan pada tahun ini lebih peruntukkan dapat diturunkan untuk pelancongan di bukan sahaja di Pantai Morib malah di Pantai Kelanang yang juga menjadi tarikan utama pelancong bukan sahaja dari Negeri Selangor tetapi di luar Negeri Selangor ya dan akhirnya yang berkaitan dengan hentian teksi di Kuala Langat di Banting yang mana hasil daripada program penswastaan di Kuala Langat sejak tahun 2002 yang telah dilakukan sehingga tahun 2004 maka banyak tanah-tanah Kerajaan, tanah-tanah Majlis Daerah telah diberikan kepada swasta adalah hentian teksi yang sepatutnya menjadi tempat yang paling strategik di sebelah hentian bas tetapi hentian teksinya telah dipindahkan kepada suatu lokasi yang tidak strategik dan menyukarkan orang ramai dan hasilnya telah timbul pelbagai masalah antaranya hentian teksi haram dan juga pergaduhan kumpulan-kumpulan pemandu-pemandu teksi ini. Jadi, saya telah mengutarakan pada sesi yang lepas untuk pihak Kerajaan Negeri mengambil alih sebidang tanah mungkin kita tidak mampu mengambil keseluruhannya yang mungkin seluas 2 ekar ataupun lebih kurang tetapi kalau sekiranya dapat diambil sebidang seluas setengah ekar pun untuk hentian teksi saja ini sudah cukup untuk memberikan keselesaan kepada orang ramai dan juga memastikan pemandu-pemandu teksi ini, keharmonian pemandu-pemandu teksi ini dapat kita selesaikan masalah mereka. Tidak ada pergaduhan-pergaduhan dan seumpamanya. Juga masalah jenayah yang juga mungkin berlaku disebabkan keadaan hentian teksi yang terlalu jauh daripada hentian bas.

Jadi, ucapan terima kasih sekali lagi kepada Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas ucapan junjung kasih titah ucapan. Saya menyokong. Sekian, *wabilahi taufiq wal hidayah. Assalamualaikum.*

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan tahniah. Minta maaf ya Sungai Pelek, masa berbahas sudah tamat. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, ada 34 orang ADUN yang telah turut serta di dalam perbahasan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Maka, saya ingin mempersilakan pihak kerajaan untuk memberikan apa-apa penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dipersilakan. Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Timbalan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa pembukaan Dewan tempoh hari. Dan rata-ratanya hampir semua Ahli Yang Berhormat ada menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan di bawah jagaan saya.

Saya menerima. Saya mengucapkan terima kasih atas segala nasihat, teguran yang diberikan oleh Yang Berhormat sekalian terhadap pentadbiran di semua PBT. Sesungguhnya saya pun orang baru juga ya. Bila saya cakap ni dia masalah sikit. Jadi sesungguhnya pun saya orang baru. Tak sampai setahun saya menjawat jawatan EXCO dan uruskan perkara-perkara di bawah Pihak Berkuasa Tempatan. Sudah tentulah pengalaman saya tidak mencukupi (orang baru tak sampai setahun). Jadi, saya perlukanlah tunjuk ajar (budak baru masih tunjuk ajar). Saya minta lagi (saya mengalu-alukan) seperti *Confucius* kata ni "selalunya kita kena (bahasa Cina *fan kong sun si*) kena kaji, tengok diri sendiri" tanya diri sendiri sama ada kita telah pun berusaha dengan sebaik-baiknya demi kebaikan umum. Dan menyentuh dan juga saya ingin menyatakan jugalah seperti yang selalu kita sebut "yang baik datang dari Tuhan, segala kelemahan datang daripada saya sendiri" dalam soal PBT ini.

Tuan Speaker,

Banyak perkara dibangkitkan. Tapi saya ingin, saya rasa semuanya menyentuh soal dasar. Kalau kita hanya menjadi, kalau kita mengambil langkah *fire fighting*, tidak akan kita selesaikan semua masalah. Kita perlukan satu *grouping*, kita perlukan suatu hala tuju. Dan inilah yang saya pun cuba lakukan untuk menggembelngkan tenaga semua PBT untuk bersama-sama kita ke arah menjadikan Selangor sebuah negeri yang sejahtera, yang menjadi negeri idaman untuk semua rakyat di Selangor ini. Jadi, cabaran terbesar sekarang ini adalah kewangan sebenarnya walaupun Selangor (kita) mempunyai *reserve* yang tinggi. Dalam setiap perbahasan saya lihat *reserve* itu disentuh walaupun tak boleh disentuh buat masa ini melainkan untuk projek-projek yang penting yang perlukan tindakan segera. Walau bagaimanapun, itu adalah keadaan ada cabaran kita seperti yang selalu disebutkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar orang masalah, orang ada masalah sebab tak ada duit. Kita ada masalah kerana ada duit. Itu yang dihadapi oleh kita.

Dan saya ingin menyentuh satu perkara yang saya rasa saya kagum dengan ucapan daripada Y.B. Kajang. Saya cakap bila dia tak ada. Saya kagum kerana Y.B. Kajang telah menyentuh satu perkara yang menjadi tumpuan kerja pihak PBT pada masa ini iaitu berkenaan dengan pengurusan sisa pepejal walaupun beliau dah ada monitor keadaan kotor di Kajang khususnya, tapi saya rasa beliau menyentuh perkara yang lebih besar iaitu beliau berada menyebut soal *master plan* pengurusan sisa pepejal. Sebenarnya ini adalah tugas yang penting yang telah pun dimulakan dalam enam bulan yang lalu dan mesyuarat *task force* yang dianggotai oleh saya bersama dengan Y.B. Sijanggang telah pun mengadakan yang terkini (mesyuarat terkini adalah mesyuarat pada pagi ini – 8.30 kita bermesyuarat) untuk mendapatkan taklimat terakhir (bukan terakhir), taklimat yang terkini daripada perunding nasihat yang kerajaan negeri lantik untuk melihat secara holistiknya pengurusan sisa pepejal untuk Selangor bagi 50 tahun yang akan datang. Kita melihat pada itu. Sebab itu kalau kita melantik perunding nasihat untuk melihat perkara ini, ia memerlukan masa kerana ia akan melibatkan pelbagai aspek melibatkan 12 PBT.

Pada asalnya kerajaan negeri hanya meminta dalam *term of reference* meminta perunding nasihat, melihat, mengkaji keadaan apabila tapak pelupusan atau *land field* di Jeram ditutup dan kita hanya melihat pada beberapa PBT. Tetapi selepas perbincangan yang mendalam Jawatankuasa *Task Force* ini berpendapat bahawa kita perlu melihat secara menyeluruh. Oleh itu, kajian sedang dijalankan ke atas kesemua 12 PBT ini. Dan pagi tadi kami telah pun diberi taklimat dan juga diberikan satu laporan interim apakah hala tuju kajian ini. Dan ini adalah satu perkara yang makan masa kerana buat masa ini banyak pertikaian yang berlaku khususnya apa yang berlaku di Kuala Lumpur sama ada *incinerator* itu sesuai atau tidak. Itu juga akan dilihat. Ada kalangan kita sama ada dalam Dewan ini atau luar Dewan ini menolak bulat-bulat bila disebut *incinerator*. Tapi bagi kami (Kerajaan Negeri Selangor), kita sekarang ini serahkannya kepada perunding nasihat. Melihat pelbagai *option* yang ada. Kita masih mempunyai satu pemikiran terbuka. *We keep out option open, option should be open*. Lihat sama ada kita nak teruskan dengan *land fill* sedangkan di Eropah, *European Directive* mereka telah menutupkan *land fill* pada tahun 2000. itu yang saya maklumkan oleh pakar kita. Dah ada *directive* ni di Eropah.

Dan selain daripada itu, kita juga ada kaedah-kaedah yang lain iaitu seperti RDF, MIF, *Biogass*, *Waze to Energy*, cara biogas, cara *termo* (*termo* tu lebih pada pembakaran untuk menjanakan tenaga elektrik). Dan ini kita masih lihat, masih tunggu laporan daripada jawatankuasa ataupun perunding nasihat ini. Dan mereka telah pun dilantik pada 20 Februari tahun ini dan telah pun memulakan kerja mereka pada 1 Mac tahun ini dan dijangkakan dapat menyempurnakan kajian mereka pada 16 Jun tahun 2014 ini. Jadi, selepas itu kita akan menggabungkan pengalaman kita, hasil lawatan Jawatankuasa *Task Force* ini yang kami telah lakukan di beberapa negara di Eropah termasuk di Itali, di Switzerland, di Germany dan seterusnya kita akan juga melihat keadaan loji sisa pepejal ini di dalam Asia ini. Dan negara yang

akan dalam rancangan kita adalah untuk melihat bagaimana di negara kita (di Asia ini). Ya. Menubuhkan biogas itu juga *by gass* yang sedang dikaji termasuk Singapura.

Sebahagian anggota *task force* telah melawat loji sisa pepejal yang menggunakan *incinerator* di Singapura (jiran kita buat) di Johor berdekatan dengan Johor Baru, dengan Johor. Dah lama dan berjaya. Kita akan lihat. Dan kita akan lihat juga seperti negara di Taipei, di negeri China dan hasil lawatan kita daripada lawatan di Eropah mendapati bahawa sebenarnya loji *incinerator* atau sekarang ini dipanggil *waze to energy plan* ini yang menggunakan cara pembakaran ini dah bermula tahun 1904. Dan di Zurich (bandar raya Zurich) adalah antara bandar raya yang tercantik, terbaik di dunia. Ia merupakan pusat perbankan dunia dengan penduduk 400,000 mereka mampu (mereka mempunyai) 3 loji *waze to energy* yang menggunakan *incinerator* di dalam pusat bandar itu sendiri. Dan baru-baru ini satu akan ditutup bukan kerana apa. Sebabnya adalah kerana tidak cukup sampah untuk dibakar kerana mereka ada *segregation* (dengan izin) yang baik.

Dan itu juga kita akan lihat dalam keseluruhan ini yang sebenarnya perunding nasihat ini telah pun dilantik untuk mengkaji dari saat pungutan sampah (*collection*) sehingga ke pelupusan dari rumah kita. Bagaimana dan apakah jenis sampah yang kita kumpul yang akan kita pungut dari rumah, daripada sumber hinggalah ke pusat pelupusan. Kita melihat keseluruhannya. Dan juga kita ada rancangan sebabnya. Satu rancangan sampingan. Dan buat masa ini sementara menunggu kajian daripada perunding nasihat ini sebenarnya PBT-PBT kita juga telah pun mencuba pelbagai cara menggalakkan pengasingan sampah. Ini telah pun diusahakan oleh Majlis Bandar raya Shah Alam dan Petaling Jaya. Dan saya percaya majlis perbandaran yang lain juga ada cuba pelbagai cara untuk mengitar semula. Kitar semula itu akan menjadi salah satu daripada ciri-ciri dalam pelupusan sampah yang akan kita perkenalkan ini bergantung kepada laporan ini dan juga sudah tentu memandangkan ia merupakan satu rancangan lima puluh (50) tahun, sudah tentu kita akan meminta pandangan daripada semua pihak (daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada Ahli Majlis dan juga daripada masyarakat di dalam kawasan dalam jajahan Selangor ini). Sebab itu akan merupakan satu perancangan yang amat penting untuk pembangunan negeri Selangor ini.

Oleh itu, saya lebih melihat bagaimana kita dapat dalam proses ini mengemukakan idea-idea bagi menyempurnakan lagi projek ataupun perancangan ini supaya lebih lengkap. Daripada kita hanya mencari penyelesaian secara *piece meal* (dengan izin). Dengan *piece meal* kita tak boleh hanya menceritakan kebersihan di Petaling Jaya sedangkan sampah di Petaling Jaya (sisa pepejal di Petaling Jaya) akan diangkut ke tempat pusat pelupusan di luar Petaling Jaya. Kita tak boleh hanya menceritakan, membicarakan soal pelupusan sampah dan keadaan kebersihan di Shah Alam sedangkan sampahnya juga dihantar ke tempat lain (di Jeram, di Klang). Jadi, itu yang merupakan cabaran yang kita hadapi. Sebenarnya pelbagai loji telah

pun kita lawat semasa lawatan kita di Eropah dulu RMF, RDF, *land field* (termasuk *land field* juga kita lawat), termasuk yang termoden dan supaya kita mempunyai pengetahuan yang mencukupi.

Apa yang bahaya adalah kalau kita membuat sesuatu keputusan itu ataupun kita membuat sesuatu rumusan itu tanpa pengetahuan yang mencukupi. Itu yang (bagi saya) perkara yang membimbangkan. Oleh itu saya juga mengalukan sekiranya Yang Berhormat sekalian ada maklumat sedemikian yang baik tolong kongsi. Supaya kita dapat melihat bersama-sama supaya satu dasar yang lebih sempurna dapat kita gubalkan. Dan ini merupakan satu perkara yang sebenarnya amat penting untuk negeri Selangor kerana dengan pemelesaian pembangunan negeri Selangor dengan penghijrahan yang begitu ramai orang asing ke negeri Selangor kita menghadapi cabaran yang tidak pernah dihadapi oleh mana-mana negeri dalam Malaysia ini. Dengan jumlah penduduk kita sebanyak 5.6 juta sekarang. Kalau dilihat sekarang (kalau kita) sebenarnya pagi tadi apabila kita membincangkan dasar ini, apabila *term of reference* itu sebenarnya hanya untuk dua puluh (20) tahun. Tapi apabila kita melihat daripada data-data yang asli mendapati bahawa sekiranya kita hanya merancang untuk dua puluh (20) tahun, itu adalah satu usaha yang tidak praktikal. Kerana dengan pemelesaian pembangunan dengan kepadatan pembangunan dengan kadar mobilasi dan kadar penghijrahan penduduk luar negeri Selangor ke Selangor, luar negara Malaysia ke negeri Selangor maka telah pun diputuskan supaya kita membuat satu dasar yang lebih menyeluruh satu dasar yang syumul. Itu yang saya maksudkan istilah ini. Itu yang kita cuba lakukan.

Jadi, untuk kerja-kerja pembersihan buat sementara waktu sementara kita menunggu dasar ini dengan projek-projek yang akan datang ini sudah tentu segala kelemahan pihak PBT, kami memang mengalu-alukan aduan dibuat supaya tindakan boleh diambil. Dan dalam rancangan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat minta duduk sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung bagi meneruskan urusan Dewan. Saya mempersilakan wakil Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul ini.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut "Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan 26(4) dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 6 petang.:"

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Ya, silakan Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Dan sementara waktu itu apabila ada kerja-kerja ada kelemahan-kelemahan di pihak PBT memang kami mengalu-alukan (pihak PBT mengalu-alukan) aduan dibuat supaya tindakan boleh diambil. Dan dalam pelan tindakan 5 tahun PBT antara lainnya PBT hendaklah mempertingkatkan perkhidmatan dalam aspek ini termasuk cadangannya antaranya adalah melantik pemantau bebas yang terdiri daripada wakil persatuan penduduk dan NGO-NGO yang dipilih oleh pihak PBT itu sendiri. Ini antara yang lainnya dan juga seperti yang saya sebutkan pada pagi ini di Dewan ini semasa sesi soal jawab termasuk juga kita telah pun mengarahkan (pihak negeri mengarahkan) supaya kita menambahkan di PBT jumlah pekerja dalaman *in house* (pekerja *in house*) dengan izin untuk menjalankan kerja, untuk menggantikan kontraktor-kontraktor yang persembahannya kurang memuaskan. Dan juga telah diarahkan juga supaya tindakan yang tegas diambil terhadap kontraktor yang tidak menjalankan tugas yang baik. Dan semalam (hari semalam) apabila saya berada di pusat perkhidmatan saya, saya telah pun dimaklumkan oleh ahli majlis bahawa pada hari semalam sahaja pihak Majlis Perbandaran Klang telah pun memecatkan empat kontraktor pembersihan. Itulah tindakan tegas yang telah pun diambil dan akan diambil.

Jadi, saya berharap mana-mana pihak supaya tidak merayu kepada saya ataupun kepada pihak PBT supaya memberi peluang lagi kepada mereka yang tidak memberikan persembahan kerja yang baik. Kita memerlukan tindakan yang tegas. Jadi, kalau hati lembut, kita bagi kesian, kita nak tolong maka berulanglah kita melantik balik orang yang sama yang tidak ada persembahan kerja yang baik untuk meneruskan kerja ini. Dan ini adalah dalam pelan tindakan 5 tahun yang telah pun kita rangkakan.

Tuan Timbalan Speaker,

Saya juga ingin memaklumkan Dewan ini keadaan kewangan seluruh Pihak Berkuasa Tempatan untuk memberikan satu gambaran yang jelas bagaimanakah, apakah kekangan yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan kita yang mengenakan beberapa *the fee* (*fee* lesen) terpaksa kita membenarkan PBT untuk menunaikannya melalui Rang Undang-undang Kecil Fi Lesen Tahun 2007.

Tuan Timbalan Speaker,

Sebagaimana yang kita maklum bahawa bajet Dewan Negeri yang mulia ini yang telah pun diluluskan akhir tahun 2013, untuk tahun 2014 ini perbelanjaan negeri

adalah RM1.8 bilion iaitu satu angka yang cukup besar. Tapi ramai yang tidak tahu sebenarnya. Di peringkat negeri kita mempunyai RM1.85 bilion untuk bajet. Ramai yang tak tahu bahawa jumlah bajet untuk semua PBT kesemua 12 PBT jumlah bajetnya juga adalah RM1.8 bilion. Sama dengan jumlah bajet kerajaan negeri di mana perbelanjaannya ialah RM1.85 juta tapi hasilnya hanya RM1.83 juta. Bererti secara keseluruhannya PBT di Selangor ini menghadapi defisit sebanyak RM18.84 juta iaitu 50.26% daripada bajet itu adalah perbelanjaan. Hasil hanya 49.74%. Ini adalah cabaran yang dihadapi oleh PBT. Dan secara keseluruhannya hasil daripada PBT 67% adalah dari hasil cukai. Hasil cukai bagi PBT adalah cukai pintu ataupun cukai taksiran (67%) yang mana kita dah lama tidak mengkaji untuk menaikannya. 27% adalah daripada hasil bukan cukai. Ini termasuk fi lesen (pelbagai fee lesen). Dan 6%nya daripada terimaan bukan hasil. Ini termasuk sewa gerai, sewa bangunan dan sebagainya. 67% dari cukai pintu, 27% daripada hasil bukan cukai. Dan sebagaimana yang kita maklum juga

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Minta penjelasan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya tidak ada masa. Terima kasih. Daripada hasil seperti yang dimaklumkan oleh Dewan yang mulia ini apabila kita meluluskan bajet tahun 2014 di Dewan yang mulia ini, 30% daripada bajet RM1.85 bilion itu adalah digunakan untuk pembangunan. Daripada RM1.85 bilion 30% digunakan untuk pembangunan. Iaitu ada projek yang baru. Tetapi untuk pihak PBT secara keseluruhannya untuk tahun 2014 hanya 8% saja yang mampu digunakan untuk pembangunan. Selainnya 92% adalah untuk pengurusan. Itu perbezaan yang amat ketara di antara bajet kerajaan negeri dengan bajet Pihak Berkuasa Tempatan. Inilah kekangan kita. Di mana bajet untuk pembangunan adalah begitu rendah.

Dan tadi saya sebutkan daripada hasil. Hasil yang paling tinggi yang diperolehi oleh PBT adalah daripada MBSA (Shah Alam) di mana jumlah hasilnya untuk tahun 2014 adalah RM350 juta. Petaling Jaya RM304 juta. Ini angkaan yang tinggi sebab kalau kita lihat bajet Negeri Sembilan, bajet Negeri Perlis semuanya kurang daripada hasil yang diperolehi oleh majlis bandar raya kita. Sementara itu, Majlis Perbandaran Klang hasilnya RM205 juta, Ampang Jaya RM120 juta, Subang Jaya RM250 juta, Selayang RM145 juta, Kajang RM180 juta, Sepang RM92 juta, Kuala Langat RM52 juta, Hulu Selangor RM57 juta, Kuala Selangor RM54 juta, Sabak Bernam RM20 juta. Kalau dilihat memang angka ini besar RM350 juta dan sebagainya. Dan daripada bajet itu secara keseluruhannya 67% adalah digunakan untuk perkhidmatan dan bekalan. Hanya 25% adalah untuk emolument. Adalah sebanyak 67% adalah untuk perkhidmatan dan perbekalan.

Dan saya juga ingin membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini pecahan anggaran perbelanjaan untuk pembangunan untuk setiap PBT berapa peratus. Tadi saya angka yang saya sebut 8% itu adalah secara keseluruhan. Jadi kita lihat pada

PBT masing-masing. Berapa peratus bajetnya digunakan untuk pembangunan. Yang paling tinggi adalah Shah Alam 45%. Nampak amat tinggi. Jumlahnya RM70.8 juta. Yang keduanya Petaling Jaya. Baik 30%. Jumlahnya RM46.55 juta. Tapi selepas ini angka-angka untuk PBT yang lain agak menakutkan sedikit. Untuk Klang, peratusan untuk pembangunan kosong (tidak ada peruntukan untuk pembangunan bagi tahun 2014). Ini kedudukan kewangan PBT kita. Ampang Jaya 2%, Subang Jaya 8%, Selayang 1%, Kajang 8%, Sepang 1%, Kuala Langat (walaupun ada RM0.4 juta tapi dari segi peratusannya dekat 0%), Hulu Selangor 3%, Kuala Selangor 2%, Sabak Bernam 0%. Ini adalah keadaannya.

Jadi kalau kita lihat 5 tahun kebelakangan. Pada tahun 2010 (saya lihat lagi keseluruhannya) daripada PBT sebanyak 96% bajet adalah untuk mengurus, hanya 4% untuk pembangunan. Itu 2010. Untuk 2011 sama juga. 96% untuk mengurus, 4% untuk pembangunan. 2012 – 95% untuk mengurus, hanya 5% untuk pembangunan. 2013 – 90% untuk mengurus dan 10% untuk pembangunan. Dia naik mendadak tahun 2013 sebab tahun pilihan raya. 2014 terpaksa kita turunkan. Hanya 8% untuk pembangunan sementara 92% adalah untuk mengurus. Dan ini adalah keadaan. Jadi ini juga memberikan *indication* (dengan izin) kepada kita, mengapakah persembahan perkhidmatan PBT kita dalam keadaan yang amat rumit kerana menghadapi kekangan kewangan yang begitu berat kekangannya.

Dan jika kita melihat nisbah aset semasa dengan liabiliti semasa untuk semua PBT ini (kita ambil angka ini) termasuk kita ambil nisbah tunai dan liabiliti semasa untuk semua PBT, keadaannya juga agak menggerunkan kalau kita bergantung kepada nisbah ini (nisbah semasa dan nisbah kecairan yang telah pun disediakan oleh akauntan). Shah Alam yang mempunyai peruntukan sebanyak 45% untuk pembangunan, kedudukan kewangannya adalah tidak baik kerana kita kira, kita melihat dari segi nisbah aset semasa dengan nisbah liabiliti semasa dan juga nisbah tunai dengan liabiliti semasa. Petaling Jaya baik. Klang sudah tentu tidak baik sebab dah tahu. Ampang Jaya baik. Subang Jaya tidak baik (walaupun nampaknya hasilnya tinggi). Selayang tidak baik. Kajang baik. Sepang baik. Kuala Langat baik. Kuala Selangor tidak baik. Hulu Selangor baik. Sabak Bernam (walaupun dengan hanya RM20 juta hasil dia baik sebab kalau kita buat / lihat dari sudut aset dengan liabiliti dan juga tunai dengan liabiliti. Itu keadaan. Bererti 5 daripada 12 PBT kita kedudukan kewangannya tidak baik. Hanya tujuh (7) yang dikira baik. Yang baik itu pun bukan yang kaya raya. Sabak Bernam baik tapi hasil tidak tinggi. Hulu Selangor baik, hasil tidak tinggi. Kuala Langat baik tapi hasilnya tidak tinggi.

Inilah keadaannya yang menyebabkan apabila ada permohonan untuk menaikkan fi lesen kita melihat kepada perkara-perkara ini. Jadi kita melihat dari segi *genuinity* nya. Lihat *genuine*. Ini adalah *audited account*, sudah tentu dia *genuine*. Kita dah janji kita tidak akan naikan cukai pintu untuk tahun ini, untuk tahun depan. Dan saya telah pun mengumumkan di Dewan ini, tahun 2016 saya tak berani nak janji. Sebab dengan kedudukan sekarang ini, kalau dengan kedudukan bahawa peratusan

bajet untuk pembangunan semakin menurun, sekiranya nanti kita tidak menambah hasil, 3 tahun dari sekarang mungkin terlalu lewat untuk kita membuat sesuatu melainkan kita menggunakan *reserve* lagi. Adakah kita nak gunakan *reserve*? Bayangkan dengan bajet Selangor 2014 RM1.8 bilion dan bajet untuk keseluruhan PBT RM1.8 bilion jumlahnya RM36 bilion, sedangkan bajet kita (*reserve* kita) hanya tinggal RM3 bilion sahaja. Dan kita lihat dari segi sama ada cukai, cukai tidak mencukupi. Jelas sebab cukai pendapatan, cukai pintu dah lama kita tak naikkan, tak kaji. Saya senaraikan di sini, tahun senarai nilai yang digunakan iaitu kita sekarang ni kadar cukai pintu ni kali terakhir dia dikaji dan kita menggunakannya sebagai asas untuk mengenakan cukai pintu ini. Untuk MBSA, tahun senarai nilai yang digunakan iaitu tahun terakhir kita mengkaji nilai tersebut adalah tahun 2006, 8 tahun, nampaknya tak lama sangat. Ini yang terkini. Bagi Petaling Jaya tahun senarai nilai yang terakhir 1992, 22 tahun, dah tak naik. Kelang, tahun senarai nilai 1993, sudah 21 tahun tidak dikaji. Subang Jaya ada 2 kali, satunya pada tahun 1992, satunya pada 1996 iaitu satunya dah 22 tahun, satunya sudah 18 tahun. Selayang, 1985, 29 tahun tak pernah naik, tak pernah dinilai semula. Di Kajang tahun 1985 iaitu 29 tahun tidak dinilai semula. Di Ampang Jaya, 1997, 17 tahun tidak dinilai semula. Sepang, 1996, 18 tahun. Hulu Selangor, 1996 18 tahun. Kuala Selangor, 1997, 17 tahun. Kuala Langat 1987, 27 tahun, Sabak Bernam 1986, 28 tahun tak naik. Langkah-langkah penjimatan telah pun kita perkenalkan. Kita gunakan tender terendah, jimat kos. Kita potong peruntukan untuk minum makan, dah potong. Dah boleh potong cuba kita dah tapi adakah kita nak pertahan kerana politik? Kerana kita takut hilang undi? Dan ini ketakutan ini bukan hanya pada Pakatan Rakyat, dari zaman Barisan Nasional pun takut, nak naik pun takut. Silap. Itu kesilapan yang dilakukan oleh Barisan Nasional dan kita menyambung kesilapannya. Kita tidak menguruskan, kita tidak ada *political wheel* untuk melakukan yang betul. *We did not do the right thing. Barisan did not and we continue it.* Sampai sekarang saya nak tanya Barisan Nasional. Kalau sekarang kita nak nilai semula bagaimana, apakah pendirian Barisan Nasional? Dia bantah sebab kita yang akan buat keputusan tapi ini hakikatnya. Adakah kita nak jadi politikus atau kita nak jadi *statement*. Itu terpulang kepada kita. Kita lihat keadaan ini kalau kita tak benarkannya. Saya tanya dengan ikhlas, kalau boleh kita nak minta, kalau kita nak luluskan ni kita, kalau kita kata kita nak kaji semula, nak nilai semula dapatkan persetujuan seratus peratus. Adakah kita nak sampai ke tahap itu? Adakah kita nak jadi Pengurus yang baik atau bila kita menilai semula atas keperluan pembangunan datang bantahan daripada Barisan Nasional ni. Itu kita renung bersama-sama. Dan atas dasar itu lah kita lihat Rang Undang-Undang Kecil Fee Lesen. Kali terakhir adalah tahun 1987 sampailah tahun 2007 selepas 20 tahun barulah dikaji semula. Itu di bawah Barisan Nasional dan itu diluluskan oleh Barisan Nasional. Semenyih semasa dia menjadi Ahli Majlis dia luluskan, hari ini dia bantah. Dia yang luluskan, dia bantah. Tak boleh la. Saya naik darah sikit sebab dia yang luluskan. Ini orang muda duduk dulu.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Nak mencelah sikit. Nak minta penjelasan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Selepas 20 tahun Barisan Nasional meluluskannya berdasarkan formula daripada Kuala Lumpur (DBKL). Bukan cipta sendiri kita rujuk kepada DBKL. Lepas Barisan Nasional luluskannya tak berani nak laksanakan kerana sebab tahun pilihan raya, tahun 2008 tak berani. Bila Pakatan Rakyat mengambil alih mula-mulanya kita nak laksanakan nak kuatkuasakannya 2009 tapi pertimbangan politik juga ditangguhkan dan kita tangguhkan selama 6 tahun sehingga tahun 2013 selepas 26 tahun. Bererti kalau Barisan Nasional berani melaksanakannya, menguatkuasakannya kita buat tahun 2007 sebab kita tak buat, kita tangguhkan 6 tahun lagi menjadikan 26 tahun. Jadi dengan hasil keadaan ini, dengan jumlah hasil ini adakah kita nak bantah? Sebab kalau katakan sekarang ni kadar itu melampau, kadar itu diluluskan oleh Barisan Nasional. Ada orang kata, eh Barisan Nasional, buat yang tak betul jangan ikut, tapi bagi saya Barisan Nasional buat yang betul tapi tak berani nak laksanakan. Adakah kita nak tangguhkan ini? Itu persoalan yang kita hendak jawab. Dan ada Semenyih memang mengutuk kerajaan kenaikan 100%, 200% memang benar. Sebenarnya kurang benar, itu kadar ditetapkan dulu. Bila kita ambil alih kita tak kaji, ambil, rehat, boleh, baru kita rasakan selepas ditangguh 7 tahun. Dia kata 100%, 200%, saya setuju sebenarnya saya kata tak betul. Ada yang kita naik sampai 500%, itu untuk apa? Untuk kilang, untuk kilang. Daripada RM200.00 kita naik kepada RM1,000.00, 500% la kalau nak dikira peratusan. Tapi adakah kadar fee lesen RM1,000.00 terlalu berat, terlalu mahal untuk kilang? RM1,000.00 bererti setahun 365 hari, sehari tak sampai RM3.00, sebulan tak sampai RM90.00. RM3.00 sehari untuk kilang, sedangkan untuk penjaja pasar malam sewa satu petak selain daripada Subang Jaya di luar Subang Jaya RM4.00 satu petak, satu malam. Kalau kena sewa 3, RM12.00. Kilang RM3.00 dan dia membantah. Jangan ambil sebulan RM90.00, jadi kita lihat nisbahnya RM20.00 dengan berapa sewa yang dia bayar, beribu ringgit, dia kata membebankan. Memang lah tambah daripada RM3.00 ya, RM1,000.00 daripada RM200.00 sampai RM1,000.00 tapi kita lihat angka hakiki sebenarnya. Adakah itu tidak munasabah? Dan sebelum kita melaksanakannya, menguatkuasakannya saya ada buat perjumpaan dengan wakil daripada *Chamber of Commerce*, Dewan Perniagaan, ada Persatuan Tadika, ada Cina, ada Melayu ada India. Mereka rasa puas hati, munasabah, maka dengan keadaan itu baik dah setuju, tak ada masalah, tak ada bantahan kuat, ok boleh kita laksanakan. Kemudian apabila ada bantahan kita panggil pula, MPK, pihak Majlis Perbandaran Klang, ada memanggil taklimat yang diberikan oleh MPK sendiri, datang lagi wakil daripada Dewan Perniagaan Cina kalau tak silap saya. Lepas melihat butir-butirnya ulasan daripada mereka adalah lebih daripada 90% tu tak ada masalah cuma ada sedikit yang mungkin agak kita terlepas pandang keadaan sebenar dan itu kita sudi untuk meminda umpamanya untuk stesen minyak di mana lesen yang dikenakan, fee lesen yang dikenakan adalah untuk perniagaan borong sedangkan dia menjalankan perniagaan runcit. Dia beli dengan banyak tapi tidak bererti dia menjalankan perniagaan borong, dia

sebenarnya beli banyak tapi dia juga secara runcit, kita akan pinda, seperti itu. Itu dari segi teknikal tidak ada masalah kita boleh pinda kerana terlepas pandang kerana kita tidak tahu, pegawai kita tak faham perniagaannya tapi keadaan yang sebenarnya mungkin ada bagi segelintir kecil itu membebankan sikit dan kita telah pun menubuhkan di peringkat negeri, kita mengarahkan setiap PBT hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Rayuan yang terdiri daripada Datuk Bandar/Yang Dipertua bersama dengan Setiausaha dan juga seorang Ahli Majlis supaya kita dapat mendengar apakah masalah yang dihadapi mereka. Sekiranya rayuan mereka berasas, kita membenarkannya untuk mengurangkan kadar fi lesen untuk mereka tapi kita lihat *case by case* dengan izin. Kita tidak boleh secara umumnya menurunkannya kerana kita ada asas yang baik. 27 tahun, sebab itu mengikut garis panduan yang diturunkan oleh Yang Berhormat Bangi, *genuinity* nya, cukai tidak mencukupi, ikhtiar mencari jalan dah kita buat. *Reforandom* terus kita tanya kepada peniaga dah kita buat. Dah. Kalau dari segi hukumnya dah semua. Jadi, rizab, kenapa tak pakai rizab negeri dah kita tahu. Rizab negeri ada kewangannya sendiri, akaunnya sendiri, ada tanggungjawab dia sendiri, PBT ada tanggungjawab dia sendiri, PBT ada autonomi kewangan walaupun setiap tahun bajetnya perlu mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri tetapi sebenarnya kita memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Mereka ada kuasa dalam pengurusan kewangan dan pada keadaan biasanya kita tidak mengganggu sebab kita percaya pada Ahli Majlis di situ untuk membuat keputusan terbaik untuk kawasan mereka. Saya nak ambil satu contoh, Taman Medan ada menyebut tapak pelupusan sampah yang haram di Sungai Klang sebenarnya Yang Dipertua Majlis telah mencadangkan supaya tapak itu ditukar zonnya dan digazetkan sebagai tanah perkuburan dan perkara ini dibawa kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri bersetuju tetapi apabila perkara dibawa balik kepada Majlis, Ahli Majlis membantah. Jadi terpaksa Pihak Berkuasa Negeri menghormati keputusan Ahli Majlis sebab dia tahu kawasan dia lebih baik daripada kita. Dia orang di bawah, kita orang di atas, seperti yang disebut oleh Sekinchan, kita duduk dalam bilik *air-cond*, dia yang berpeluh tengok, kita percaya ke? Kita tak sempat turun, kita kena *pressure* dari Ahli Majlis. Tapi bila Ahli Majlis tak luluskan, bila ada masalah berterusan, Pihak Berkuasa Negeri pula dipersalahkan. Ini masalah PBT. Kita bagaikan masalah PBT ni dengan masyarakat termasuk dengan Wakil Rakyat ni kedudukan kita bagaikan mentimun dengan durian. Itu keadaannya. Saya mengucapkan terima kasih kepada Paya Jaras memberikan penghargaan. Jarang dengar penghargaan diberikan kepada PBT, jarang. Kita tak nampak, saya minta komen yang lebih seimbang sedikit, yang lebih adil, kita mencari keadilan. Dan baru-baru ni jerebu berlaku kerana ada kebakaran, ada pembakaran yang di bawah jagaan Bukit Lanjan, jangan tolak tu. Dia berlaku pembakaran secara haram di Johan Setia dan di tempat-tempat yang berhampiran. Bomba turun, bomba tak cukup PANTAS turun, pantas dari MPK turun. Sampai sebulan, dua bulan dan anggota PANTAS kita terdiri daripada kakitangan di PBT kita 2 bulan bertapak di situ 24 jam, 3 syif. Kita mengadu jerebu memudaratkan kesihatan kita tapi anggota kita, kakitangan PBT kita berada di situ 2 bulan, 24 jam, 3 syif dengan peralatan yang paling asli. Saya tak belum dengar lagi

apa kata-kata penghargaan yang diberikan tapi saya dah janji saya akan memberi penghargaan kepada pasukan PANTAS di Klang ini menunjukkan persembahan lebih baik, mengorbankan diri. Ada juga PANTAS lain juga yang bertugas tapi saya setakat itu saya sebut ya. Bila kita lihat keadaan pada keadaan yang sebenarnya. Rizab yang saya terangkan pagi tadi kita nak gunakan dengan sebaik-baiknya, kita perlukan perancangan, kita tak boleh mengharapkan rizab boleh menyelesaikan masalah ini sebab untuk kita bukan satu jumlah yang besar. Pembangkang jangan salahkan, rizab tak pakai. Tidak, macam simpanan kita, duit kita yang berlebihan kita simpan dalam bank, dalam simpanan tetap, jangan sentuh selalu. Sentuh bila kita perlu. Kalau nak beli kereta mewah, sentuh. *Fixed deposit*, nak beli kereta mewah sentuh *fixed deposit* tak ada rizab. Kita tak boleh kembali kepada zaman dulu. Apabila tahun 2008 kita ambil alih *reserve* kita hanya satu bilion, 60% adalah harta tetap cuma 40% lebih kurang RM400 juta adalah tunai. Kalau kita hanya ada RM400 juta tunai jadi kita nak buat jambatan, saya ulang jambatan Klang. Ini contoh yang terbaik dan saya juga mengambil kesempatan inilah sebab seperti dimaklumkan Yang Amat Dato' Menteri Besar ini dia segan nak buat pengumuman projek yang baik sebenarnya jambatan Klang. Jambatan Klang ini tender sudah buka pada 14 Mac 2014 dan akan tutup pada 17 April ini. Mana-mana pihak, mana-mana Ahli Yang Berhormat yang berminat ha, sila, itu terbuka, tetapi itulah usaha yang kita lakukan, dah masuk dah peringkat panggil tender.

Pengangkutan awam memang kita, memang bersungguh-sungguh selain daripada kita mengarahkan supaya semua PBT menyediakan perkhidmatan bas komuniti. Itu adalah untuk di bawah jagaan PBT. Pihak Kerajaan Negeri telah pun menubuhkan Majlis Pengangkutan Awam Selangor yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat dan saya pun telah menghadiri bersama dengan beberapa orang wakil termasuk Wakil Rakyat telah pun dilantik untuk menganggotai Majlis Pengangkutan Awam ini, iaitu kalau tak silap saya Yang Berhormat Rawang, Bukit Gasing dan juga Templer, Taman Templer telah dilantik untuk menganggotai Majlis Pengangkutan Awam. Ia juga dihadiri oleh wakil SPAD, dia hadir oleh wakil daripada operator, operator LRT, operator bas Rapid KL. Itu merupakan satu majlis ataupun jawatankuasa yang mempunyai agak kuasa yang agak besar untuk menentukan masa depan perancangan pengangkutan awam untuk Selangor ini. Dan langkah yang konkrit seperti yang saya sebutkan pagi tadi juga, langkah yang lebih konkrit adalah sekarang kita melihat kepada pembinaan BRT Bas Rapid Transit daripada Kuala Lumpur hingga ke Klang dan ini adalah projek daripada Persekutuan dan kita di pihak negeri memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada pihak Kerajaan Persekutuan kerana ini adalah untuk kebaikan dan manfaat rakyat di Lembah Klang ini. Kita tak kira sebab ini untuk rakyat dan ada permintaan daripada Selat Klang supaya kalau boleh kita perkembangkannya ke Pelabuhan Klang. Ha... itu kita akan minta Jawatankuasa Teknikal untuk melihat sama ada itu adalah projek yang spesifikasi ke tidak, tak guna kalau kita buat penumpang tak ada. Itu *feasibility study* kita perlukan. Itulah langkah-langkah yang kita ambil. Sebab itu saya menyebut tadi kita harus melihat secara menyeluruh bagaimana kita dapat membina satu sistem

pengangkutan awam yang sistematik yang dapat mengatasi masalah untuk jangka masa panjang, tidak berguna kalau terburu-buru nak buat sesuatu projek tetapi projeknya dia hanya dapat beroperasi di PBT itu sendiri. Shah Alam baik tetapi *connectivity* tak ada. Dari Shah Alam nak pergi Subang Jaya, Petaling Jaya, Kuala Lumpur tiada, dalam Shah Alam sahaja yang baik, tidak mencukupi. Kita memerlukan satu sistem untuk semua, yang kita lihat sekarang ini kalau LRT, MRT, BRT dia lebih merupakan jalur pengangkutan awam di luar Lembah Klang ke arah Kuala Lumpur. Selepas ini, ini dibuat, ini akan dilakukan oleh pihak Kerajaan Persekutuan, sementara itu di pihak-pihak negeri dan PBT kita akan merancang untuk menghubungi jalur utama ini. Ini merupakan cabaran yang besar untuk kita kerana tidak pernah projek yang begitu besar kita cuba untuk membangunkan infrastruktur di Selangor ini.

Baik, zon bersih, usaha masih dibuat. Zon bersih itu dia bukan bersih. Zon bersih ni sebenarnya kita nak bersihkan zon itu, jadi masyarakat di Malaysia kadang-kadang senang tersinggung maka kita terpaksa gunakan cara ini. Projek ini masih diteruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan kewangan mereka.

Berkenaan dengan pusat, ye pusat judi, rumah urut, *cybercafe*, tempat jual arak dan sebagainya cadangan daripada Bangi mesti ditutup. Tetapi kita harus melihat masyarakat Malaysia, Selangor ini, masyarakat yang majmuk, kita kena menghormati orang yang diberi kepercayaan agama yang berlainan dengan kita. Kita tak minum, kita tak boleh menghalang, melarang orang lain yang mengikut hukuman agamanya tak salah kalau dia minum atau tak ada hukuman, bukan dosa yang besar ataupun dia memang diterima oleh budayanya, itu adalah caranya. Kita kena terima. Dalam masyarakat cina, bukan semua arak boleh minum. Ada arak hanya digunakan untuk memasak, ada arak digunakan untuk buat ubat, kalau tidak ubat tu tak jadi, itu kena difahami. Jadi bukan semua yang ada kandungan arak tu untuk diminum untuk keseronokan, tidak, ada untuk ubat, ada untuk masakan. Kaum wanita dalam bulan pantangnya mesti ada arak, kalau tidak nanti dia tak sihat, masuk angin, betul, ha ini orang yang tahu, ha... yang ini Kota Damansara kena faham, ha.. ini masalahnya. Jadi itulah apabila dalam soal masyarakat majmuk ini di mana kita ada kepercayaan agama yang lain tu kita kena hormati, kita kena hormati. Jadi itu, perkara seperti itu amat sensitif ya, jangan kita senang-senang kita nak tutup ini, nak tutup itu kerana ia akan menjejaskan, memberi implikasi yang besar, bukan sahaja dari segi keharmonian masyarakat tetapi juga akan menjejaskan ekonomi. Kita harus melihat dengan baik dan saya setuju dengan Dengkel. Sejak Pakatan Rakyat ambil alih, hasil daripada lesen hiburan meningkat 100% daripada 2 juta dulu sampai 4 juta. Sebenarnya seperti mana yang diulangi, beberapa kali diulangi di dalam Dewan yang mulia ini sejak tahun 2008, sejak kita ambil alih tak pernah kita keluarkan lesen rumah urut lagi. Di tempat hiburan tak tambah malah ada kena tutup tetapi kenapa dalam keadaan itu hasil naik sebab zaman Barisan Nasional dia tak kutip, zaman kita, kita kutip ha.. kenapa kita dah tahu kenapa yang ada lesen ni kita tak kutip sama, kita kutip ha. Zaman dulu saya tak kenapa tak

kutiplah, saya tak nak buat tanggapan ye, nanti niat jahat, tidak, tetapi keadaannya cara pegawai kita pungut hasil memang lebih handal daripada dulu, kita ada cara-caranya, kita ada galakan untuknya, ini tugas kita. Jalankan tugas dengan baik. Jaga kewangan kamu sendiri, jangan harapkan subsidi, jangan harapkan geran daripada kerajaan negeri sebab kamu ada autonomi sendiri, cari sendiri, maka dia berikhtiar, berikhtiar, satu syarat yang diperturunkan oleh Bangi pada hari semalam.

Dan berkenaan dengan menubuhkan polis negeri tidak ada kita nak menubuhkan pasukan polis sendiri tetapi pihak Majlis Bandar Raya Petaling Jaya dan Shah Alam ada memohon kepada pihak Polis Diraja Malaysia supaya ditubuhkan Pasukan Polis Bantuan, dianggotai oleh anggota-anggota ataupun kakitangan dalam majlis itu sendiri tetapi setakat ini yang dibenarkan di Petaling Jaya hanyalah untuk menjaga harta benda Majlis Perbandaran Petaling Jaya sahaja. Tetapi kita memerlukan sebenarnya Pasukan Polis Bantuan yang menerima latihan yang lebih formal supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan berkesan. Tetapi buat masa ini belum kita dapat permohonan itu diluluskan tetapi pihak, pihak Petaling Jaya dan juga Shah Alam juga telah sebenarnya menjalankan rondaan bersama dengan polis. Ini telah pun dilaksanakan dan kita mengharapkan permohonan daripada Majlis Perbandaran ini diluluskan dengan secepat supaya di Selangor ini kita lebih selamat dan kita banyak bantu. Ye, pihak negeri banyak membantu pihak PBT untuk memastikan bandar kita selamat. Dah banyak kali dimaklumkan kepada Dewan ini juga di Selangor ini, negeri inilah yang membelanjakan RM6 juta setahun untuk menyewa, CCTV sebanyak 414 CCTV dipasang di semua pelosok dalam Selangor ini. Mungkin kita belum sampai dapat, apa tu, memasang di semua pelosok tetapi kebanyakan kawasan dah pun kita pasang. Di Petaling Jaya ada 60, di Klang ada 60 dan sebagainya kita pasang dengan bantuan kewangan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Kita turunkan duit dalam keadaan itu yang perlu dan kita membantu juga di mana ada tempat-tempat taman perumahan yang ada buat *boom gate* dan sebagainya yang bertentangan dengan undang-undang, kita juga telah pun menggantungkan pelaksanaan ataupun menggantungkan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang, kita tangguhkan kerana kita melihatkan keadaan keselamatan itu agak merunsingkan sebab itu kita hentikan, kita bantu PBT. Pada hal kita boleh mengarahkan PBT jalankan tugas, jalankan kerja penguatkuasaan dengan segera sebab jelas pembinaan *boom gate* itu melanggar undang-undang yang sedia ada tetapi memandangkan itu Kerajaan Negeri juga kita membantu.

Dan sedikit tambahan Tuan Speaker, ada hasil daripada fee lesen itu hasil daripada keputusan kerajaan untuk membenarkan pihak PBT menguatkuasakan Rang Undang-undang Kecil Fee Lesen 2007 ini pertambahannya adalah seperti berikut:

Di Shah Alam anggaran kutipan adalah RM1.92 juta, peningkatan sebanyak 24.5%.

Di Petaling Jaya kutipan bertambah sehingga RM4 juta setahun.

Di Klang kutipan RM2.9 juta setahun.

Ampang Jaya peningkatan sebanyak 5% iaitu RM234 ribu.
Di Subang Jaya pertambahan hasil sebanyak RM3 juta.
Di Selayang belum laksanakan lagi.
Kajang dianggarkan peningkatan sebanyak 15%.
Di Sepang dalam proses semakan.
Di Kuala Langat peningkatan sebanyak RM99 ribu.
Hulu Langat belum ada maklumat.
Di Kuala Selangor kenaikan sebanyak 20%.
Di Sabak Bernam kenaikan sebanyak 10%.

Jadi ini akan membantu membaiki, memperbaiki kedudukan kewangan semua PBT dengan harapan selepas 3 tahun ini mereka memberi kedudukan yang lebih baik dan sekiranya dibenarkan kalau kita dibenarkan untuk menilai semula cukai pintu mungkin kita boleh mengenakan kenaikan sedikit, kenaikan sedikit yang tidak membebankan tetapi begitu penting untuk kita memperkasakan PBT kita dalam segala perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat kepada pembayar cukai. Saya memohon supaya ada kelulusan diberikan tanpa dipolitikkan perkara seperti ini. Bayangkan berapa kali gaji dah kita naik, Dewan ini juga *allow* kalau kita lihat 27 tahun yang lalu berapa kali dah kita luluskan kenaikan elaun kita, lihat berapa kali dah kakitangan kerajaan dapat naik gaji, lihatlah roti canai dah berapa kali naik dah. Apabila ada rungutan bahawa sekarang ini banyak naik harga beban yang berat kepada semua pihak tetapi lupa pula PBT juga menanggung beban ini. Bila elektrik naik tak ada potongan khas untuk PBT, bila petrol naik tak ada potongan khas untuk PBT, bila kontraktor meminta bayaran lebih tinggi walaupun tender terbuka kita juga terpaksa menanggung kenaikan. Bila gaji naik setiap tahun mengikut perangkaan yang diberikan kepada saya kenaikan gaji di PBT adalah lebih kurang 7% setahun. Bayangkan kenaikan gaji ini, tanggungan kita menaik meningkat tetapi hasil walaupun meningkat tetapi tidak dapat mengejar kadar kenaikan kos kita kalau kita tidak ambil satu keputusan yang berani, maka kita akan menghadapi krisis kewangan dalam masa yang terdekat. Jadi kita terpaksa hadapi dalam bahasa Inggeris dengan izin *we have to bite the bullet, we have to bite the bullet*, lebih baik kita dimarah orang sekarang daripada dimarah oleh anak cucu kita kemudian. Bila kita tak berupaya untuk menyelamatkan

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Minta penjelasan

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya tak ada masa

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Seminit sahaja, boleh.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya tak ada masa, terima kasih. Ha.. sekarang saya dah yang besar-besar gambaran saya dah bagi, yang perkara yang lebih kecil saya sentuh sedikit ye sebab kita sudah kesuntukan masa. Ha... Sungai Panjang ye. Pasar Awam di Sungai Besar disebabkan penduduknya kurang, lebih

kurang 39,629 begitu angkanya penduduk di situ. Maka tempat itu mungkin tidak sesuai tapi Majlis Daerah Sabak Bernam bercadang untuk membina satu di Sekendi, di Sekendi di kawasan Sabak Bagan Nakhoda Omar dan Sg Besar yang penduduknya berjumlah 72,259. Tapi ini masih cadangan mungkin Yang Berhormat ada pandangan lain boleh kemukakan kepada Majlis Daerah Sabak Bernam seterusnya. Sebab ini seperti yang saya sebutkan tadi Majlis mempunyai pengetahuan yang lebih baik daripada pihak saya dan pihak negeri yang menentukan mana tempat yang paling sesuai. Melainkan mereka memohon supaya UPEN membuat kajian. Tapi kalau mengikut pengalaman mereka itu tempat lebih sesuai. Dan daripada Kota Anggerik, Kota Anggerik banyak membawa isu *kiosk* dan sebagainya, sesungguhnya ada perancangan tetapi dia memerlukan input dan juga memerlukan permohonan juga daripada pihak *Standco* Usahawan dan perlu input untuk melaksanakan program seperti itu. Program itu tidak pernah dilupakan kerana dia memang tidak termaktub dalam Manifesto Pakatan Rakyat pada Pilihan raya Umum Yang Ke-13. Soalan daripada Semenyih dan juga Kuala Kubu Baharu secara Pelantikan Ahli Majlis sebenarnya semua Majlis telah pun beroperasi selepas kita membuat pelantikan pada bulan Februari lalu iaitu berkuasa pada 5hb Februari, 2014. Kerusinya pun telah diisi dan sebenar di Majlis Kajang, di Majlis Perbandaran Kajang itu kekosongan sebenar kalau dibandingkan dengan tempat lain dia tak tinggi sangat. Walau bagaimana pun, ada usaha dijalankan supaya kawasan zon yang belum ada Majlis dia akan dijaja oleh Ahli Majlis lain. Itu usaha yang dibuat dan sebenarnya pihak berkuasa negeri memberi tekanan dalam pelantikan. Sebab pelantikan seperti zaman Barisan Nasional cadangannya pencalonannya datang daripada Parti. Bila ada sedikit pihak UPEN tidak ada masalah. Kita bergantung pada pencalonan dan sekarang kita mempunyai proses yang lebih ketat, kita ada garis panduan di mana Ahli Majlis dikehendaki mempunyai kelayakan minimum SPM, kalau tidak ada SPM kena duduk ujian asas dan ujian asas pertama yang kita lakukan pada bulan yang lalu di mana lima belas (15) orang telah pun menduduki ujian asas, sepuluh (10) orang telah lulus dan mereka akan dilantik dalam proses pelantikan. Dan juga kami masih menunggu dalam mungkin seminggu dua ini mungkin pencalonan daripada parti akan sampai maka kita akan isi. Tidak ada halangan di peringkat pihak berkuasa negeri untuk menyekat pelantikan ini. Kita nak lantik supaya mereka dapat menjalankan tugas membantu pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan tugas. Dan berkenaan dengan cadangan di Sekinchan menaik taraf Klang ke bandaraya ini masih dalam kajian kerana beberapa isu yang perlu diselesaikan kerana ada syarat-syaratnya dan juga tetapi ada cadangan untuk memecahkan Majlis Perbandaran Klang ini kepada dua. Majlis Perbandaran Klang Utara dan Selatan, ada cadangan itu Majlis Pelabuhan Klang dan sebagai tapi itu perlu dikaji kerana dari segi hasilnya, hasil yang diperolehi dari Klang Utara jauh berbeza dengan hasilnya yang diperolehi dari Klang Selatan kerana Klang Selatan ada banyak kilang hasil lebih tinggi. Kalau kita pecahkannya mungkin yang di sebelah Klang Utara akan menghadapi masalah kewangan. Sementara ini bila kita menubuhkan dua PBT satu pecah dua ertinya kos bertambah, kosnya mungkin berganda. Itu yang menjadi masalah yang masih lagi isu yang sedang dikaji dan

dibicarakan. Berkenaan dengan menyediakan memusatkan semua kaunter dan juga pejabat di Majlis Perbandaran Klang sebenarnya usaha sedang dijalankan juga. Memandangkan Klang dia tumbuh secara menjajar sebenar kawasan operasi bertambah tapi dari segi Infrastruktur pejabatnya menyebabkan yang terhad buat masa ini beberapa jabatan terpaksa ditempatkan di luar. Tapi pihak berkuasa tempatan telah pun membuat permohonan untuk mendapatkan tanah yang berhampiran tanah Kerajaan Negeri itu bangunan Pejabat Daerah dan Tanah yang lama untuk diberikan kepada MPK supaya dijadikan satu cawangan dan di mana dia dekat dengan bangunan Sultan Alam Shah yang sedia ada ini maka mungkin akan memudahkan lagi pentadbiran dan memudahkan lagi orang awam yang berurusan dengan pihak berkuasa tempatan MPK ini. Usaha ini masih lagi dijalankan kerana beberapa faktor juga perlu difikirkan kerana di pejabat lama Pejabat Daerah dan Tanah Klang yang lama sudah ditempatkan jabatan-jabatan yang lain. Jadi itu akan menghadapi juga kita akan menimbulkan masalah yang baru sekiranya kita mengambil alih dan menyerahkan kepada MPK. Tapi itu usaha-usaha telah pun dijalankan. Di MBSA sebenarnya di Shah Alam, sebenarnya tempat *parking* yang mencukupi disediakan untuk orang ramai. Saya dimaklumkan sebanyak 800 tempat *parking* disediakan tapi kita kena lihat senang kita hendak mencadangkan semua PBT hendak menyediakan kemudahan sebaiknya untuk semua cukai tetapi keadaan di PBT yang lain itu dekat yang lain. MBSA ada kemampuan untuk melakukannya, tapi kalau kita melihat pada Sabak Bernam sudah tentu ia tidak mampu mempunyai sebanyak itu. Tapi banyak usaha telah berlaku oleh pihak PBT termasuk pembayaran melalui Internet, pembayaran melalui Internet pun telah disediakan. Jadi seharusnya kita mendidik Masyarakat menggunakan kemudahan Internet ini membayar melalui Internet dan ini telah dicubakan termasuk di Shah Alam ini ada disediakan *on wheel* di mana van itu dijadikan sebaik kaunter pergi ke tempat pasar malam, pasar pagi dan sebagainya. Usaha saya telah dibuat oleh pihak PBT ini mengikut kemampuan mereka dan mengikut keadaan sebenar, mengguna cara-cara yang paling pragmatik untuk memberikan perkhidmatan yang sebaik-baiknya yang terbaik kepada pembayar cukai di kawasan mereka masing-masing dan berkenaan dengan Hotel bajet. Hotel bajet kita tidak dapat menghalang kerana ada keperluan di Shah Alam kerana adanya Universiti UiTM setiap kali ada konvokesyen sudah tentu ada keperluan yang begitu tinggi. Ada *demand* yang begitu tinggi sementara itu disebabkan ia adalah satu Universiti maka di luar masa konvokasyon pun ada Pensyarah dari Luar Negara, Luar Negeri yang datang memberi kuliah dan sebagainya memang keperluan itu ada. Jadi itu adalah amat tidak praktikal kalau kita tidak membenarkan Hotel Bajet ini kerana kalau tidak mereka kena pergi Hotel yang mahal. Dah di Shah Alam mana nak pergi *Blue Wave* empat bintang orang ramai tak mampu. Jadi kita kena melihat kepada keperluan mungkin ada setengah-tengah yang menjalankan kegiatan yang tidak diingini tetapi kita tidak boleh mengharamkan atau melarangnya kerana ada satu dua yang melakukan kegiatan-kegiatan yang tidak diingini. Saya selalu ceritakan kita mesti buka tingkap supaya udara baru udara segar baru boleh masuk. Jangan kerana ada lalat kita tak buka tingkap, buka tingkap dah nak masuk kita tangkap lalat. Ah...tak kan kita tutup

kerana ada seekor lalat, tak boleh buka pasang perangkap pasang fikirkan boleh itu cara supaya kita dapat udara yang segar. Itu prinsipnya dan tetapi kita ada juga syarat-syarat yang tertentu di mana khususnya di Shah Alam, di Subang Jaya ini atau pun di termasuk di tak silap saya kita syaratkan kemudahannya mesti sekurang-kurangnya 1 bintang, aha...1 bintang, bukan tak ada bintang bukan lagi rumah tumpangan, tumpangan yang lama tidak ada. Kita nak pastikan dia ada mutu yang minimum untuk kemudahan orang ramai. Tuan Speaker saya kira saya telah pun menyentuh hampir semua perkara yang tak sentuh

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sg. Pinang, Dengkil minta mencelah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Yang saya tak jawab.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ah yang tak jawab.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Apa soalan?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Yang Berhormat EXCO tadi saya ada menyentuh berkenaan dengan isu saya berkisah dan juga rumah urut yang mana dalam sidang Dewan yang lepas yang mana Y.B. EXCO kata ada Enakmen dan juga Rang Undang-undang akan digubal. Peringatan itu.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, sebenar ada beberapa Rang Undang-undang dalam perancangan yang sekarang kita menumpukan perhatian adalah Rang Undang-undang pembersihan yang merupakan Rang Undang-undang yang amat penting untuk kita sebagai salah satu usaha dalam proses kita merangka dasar atau pun *Master Plan*, atau pun Pelan Induk pengurusan sisa pejal untuk selama 50 tahun. Kita buat Undang-undang tersebut termasuk yang saya sebutkan pagi tadi di mana kita akan meningkatkan atau pun meningkatkan hukuman dalam perbuatan mengotorkan kawasan dan bukan itu sahaja, dari segi hukuman. Daripada hukuman kepada mereka yang membuat melakukan kesalahan tapi kita melihat pelesenan, pelesenan kontraktor, pelesenan operator tempat pelupusan dan sebagai kita melihat secara menyeluruh. Kita Undang-undang Rang sudah di draf dan sekarang masih dalam semakan oleh Penasihat Kamar Penasihat Undang-undang yang juga akan mendapatkan pandangan daripada Kamar Peguam Negara. Kita berjanji perbuatan sebagai perbuatan jenayah maka kita kluatir ada masalah dari segi bidang kuasa negeri. Itu kita sedang lakukannya. Saya nak ucapkan tahniah kepada Penasihat Undang-undang semua PBT yang telah pun bertungkus-lumus untuk menyiapkan draf dan undang undi dalam tempoh yang saya tetapkan tiga bulan. Kita tak sangka mereka lakukan tetapi mereka menunjukkan kebolehan mereka. Ini jarang sekali yang kita ketahui umum. Yang keduanya selepas itu kita akan masuk-masuk kafe dan rumah urut di mana ada cadangan, cadangan supaya kita memberi kuasa untuk merampas bangunan dan lelongkannya. Sekiranya dia membenarkan sama ada pemilik itu menjalankan *cyber cafe* secara haram atau pun

pusat perjudian haram atau rumah urut haram, kita mempunyai kuasa untuk melelongkannya. Ini juga memerlukan rundingan nasihat daripada Kamar Undang-undang walaupun niat kita baik kena buat sebaik tetapi kita nak pastikan apa yang kita perlu tidak dicabar di Mahkamah habis masa di Mahkamah daripada kita menguatkuasakan satu Undang-undang demi kebaikan masyarakat. Jadi ini kita akan lihat sebab menyebabkan harta benda, harta benda ini adalah hak yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan. Mengikut artikel atau pun fasal yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan hak harta benda seseorang itu tidak boleh dirampas melainkan melalui undang-undang. Jadi kita nak pasti undang-undang ini yang kita buat ini mempunyai kuasa yang sah untuk merampas harta benda mana-mana individu di Malaysia ini. Sudah tentu ini juga akan menjadi satu pertikaian kerana rupanya Kerajaan Negeri Selangor sedang menggunakan undang-undang keras. Saya khuatir sekarang walaupun belum saya khuatir sekarang bila dicadangkan dia akan menjadi lagi satu sasaran untuk kita mengutuk Kerajaan kerana niat yang baik. Tetapi kita cuba kalau kita tak buat pengambilan maka ia akan berlarutan di mana sekarang penguatkuasaan bila ambil tindakan kuasa kita terhad, komputer dirampas, dia boleh tebus balik bayaran kompaun RM1,000. Ada kerana komputer dah lama lebih baik beli yang baru supaya *software* yang baru boleh dipasang. Jadi kita menghadapi masalah di situ kuasa ambil balik tapi nak tutup kedai susah sebab kalau kita nak potong bekalan elektrik kita kena buat surat buat permohonan ke TNB. TNB boleh kata tidak tak setuju sebab dia akan menjejaskan pendapat dia. Tak dapat kita nak minta Polis kena atur dengan Polis dan pelbagai masalah di mana kuasa kita terhad. Kuasa kita terhad kerana mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 di mana hukuman yang boleh dikenakan adalah begitu rendah sekali dan tidak mengikut perkembangan atau pun zaman. Jadi Tuan Speaker dengan itu saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua pihak, kita di Seksyen PBT ini ada pegawai ramai memang bertungkus lumus, kita percaya...

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Pinang, Bukit Gasing minta mencelah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Oh. Tiada masa saya dah ambil masa satu jam lebih, dah cukup ya. Memang saya terima satu mesej pagi tadi. Melalui SMS dia kata, kelemahan terbesar manusia adalah kita dengar separuh, kita faham suku, kita cakap berganda. Itu sekarang menjadi ingatan kepada saya. Jangan dengar setengah, faham suku, cakap berganda. Ini saya kemukakan untuk bersama-sama kita kongsi. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Cempaka.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang terhormat sekalian yang telah membangkitkan isu-isu perumahan. Yang pertama yang ingin memperjelaskan bahawa terdapat dakwaan bahawa Kerajaan Negeri hanya mewajibkan pemaju

membina rumah yang berharga RM42,000, sepuluh peratus sahaja. Ingin saya menegaskan di sini bahawa jumlah sepuluh peratus ini hanyalah untuk kawasan-kawasan yang tertentu. Kita sekarang ini menetapkan pembinaan peratusan rumah kos rendah berdasarkan kepada permintaan. Terdapat tiga kawasan atau tiga zon di dalam Negeri Selangor yang kita telah bahagi-bahagikan.

Zon yang pertama adalah zon Lembah Kelang yang meliputi mukim-mukim seperti Petaling, keseluruhan Daerah Petaling. Gombak, mukim Batu dan Hulu Kelang. Kelang, mukim Kelang. Hulu Langat, mukim Cheras, Kajang, Ampang dan Semenyih dan Sepang adalah kawasan Cyberjaya.

Dan terdapat juga zon dua yang merupakan mukim-mukim di dalam Daerah-daerah seperti Gombak iaitu Setapak dan Rawang dan dalam Daerah Hulu Langat, iaitu Hulu Langat, Beranang dan Hulu Semenyih dan Kelang iaitu mukim Kapar dan di dalam Sepang, keseluruhan Daerah Sepang kecuali Cyberjaya.

Dan zon ketiga merupakan kawasan luar Bandar di mana ianya meliputi kawasan Kuala Selangor dalam mukim pasangan Tanjung Karang dan Hulu Tinggi dan juga Daerah Hulu Selangor tadi, tadi Kuala Selangor, Hulu Selangor iaitu keseluruhan Daerah Hulu Selangor dan Sabak Bernam. Keseluruhan Daerah Sabak Bernam.

Memang betul ada tempat yang kita hanya mewajibkan sepuluh peratus. Tetapi sepuluh peratus ini adalah bagi mukim-mukim dan daerah-daerah di mana permintaannya adalah rendah. Bagi kawasan-kawasan di mana masih terdapat kawasan yang tinggi, kita masih menetapkan pembinaan sebanyak sehingga dua puluh peratus seperti yang berlaku sebelum ini. Begitu juga dengan keseluruhan rumah-rumah Selangor Ku yang lain ianya juga dibina menurut zon-zon dan ianya juga dibina menurut permintaan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan tentang *timeline* atau pun jadual pembinaan rumah-rumah mampu milik. Ingin saya menegaskan di sini bahawa setakat ini seperti mana yang saya telah umumkan tadi bahawa rumah yang pasti yang akan dibina yang telah dipastikan akan dibina adalah sebanyak 18,732 unit merangkumi 47 projek. Ingin saya memberikan pecahan-pecahan tersebut iaitu projek yang telah siap dibina adalah sebanyak 1,682 unit rumah mampu milik. Dan projek-projek yang telah pecah tanah atau telah mendapat kebenaran merancang dan projek ini akan dijangka siap dalam masa tiga tahun lagi iaitu pada bulan April 2017 yang ini merangkumi sebanyak 3,134 unit, dan selain daripada itu terdapat projek-projek yang telah dimulakan pembinaannya iaitu sebanyak 469 unit. Ingin juga saya menegaskan di sini bahawa terdapat pemaju-pemaju yang telah mendapat kelulusan EXCO untuk membina rumah mampu milik iaitu pada tahun 2011 tiga projek telah mendapat kelulusan. Pada tahun 2012 sepuluh projek telah mendapat kelulusan dengan dua daripadanya telah mendapat kebenaran merancang dan empat belas (14) projek dalam tahun 2013 dengan satu projek telah mendapat kebenaran merancang dan empat projek juga dalam tahun 2014 telah mendapat

kebenaran, telah mendapat kelulusan daripada EXCO, dan terdapat tujuh projek di mana pemaju telah *committed* untuk membina rumah mampu milik tetapi belum mendapat kelulusan EXCO. Masalahnya di sini adalah terdapat pemaju-pemaju yang walau pun telah mendapat kelulusan daripada EXCO untuk membina sejak daripada tahun 2011 lagi tetapi belum lagi mengemukakan kebenaran merancang untuk permohonan kebenaran merancang. Jadi apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri kita akan bertindak tegas. Yang pertama, langkah yang pertama kita telah mewujudkan satu jawatankuasa khas di mana kita memantau akan pemaju-pemaju ini dan kita menghantar notis kepada mereka dan kita memanggil mereka memberi penjelasan kenapa telah diluluskan untuk membina tapi tidak lagi mereka menghantar permohonan untuk kebenaran merancang. Dan, kita juga akan mengambil tindakan sekiranya perkara ini berlarutan, iaitu jika pemaju gagal melaksanakannya maka EXCO berhak menarik balik kebenaran ini. Mungkin langkah yang paling drastik yang juga yang pernah dilaksanakan di negeri-negeri lain berkaitan dengan rumah kos rendah iaitu Kerajaan Negeri juga boleh mengambil keputusan untuk menghalang kelulusan kebenaran merancang atau pun menghalang permohonan kelulusan kebenaran merancang projek-projek pemaju yang gagal mengemukakan projek yang mengemukakan permohonan kebenaran merancang untuk rumah mampu milik mereka. Contohnya mereka ada beberapa projek tetapi mereka telah mendapat kelulusan merancang untuk membina rumah mampu milik tetapi mereka tidak membina rumah mampu milik dan mereka memberi fokus kepada rumah-rumah yang lain. Jadi kalau ini berlaku kalau terlampau lama kita melihat bahawa kita tidak mempunyai apa-apa pilihan lain selain dari kita menghalang, menghalang akan projek-projek yang lain itu daripada diluluskan. Oleh itu, kalau kita melihat menurut apa yang telah kita rancangkan bahawa kita memberi kita akan memberi enam bulan (6) daripada hari ini kepada semua pemaju-pemaju yang telah mendapat kebenaran merancang untuk mengemukakan telah mendapat kelulusan membina rumah mampu milik untuk mengemukakan permohonan kebenaran merancang mereka bagi rumah mampu milik yang telah diluluskan oleh EXCO. Ada enam bulan untuk mengemukakan kebenaran merancang mereka dan kalau kita melihat sedemikian bermakna mereka perlu mengemukakan kebenaran merancang pada bulan November 2014. Itu tarikh akhir dan kalau dan pembinaan atau pun kerja-kerja di tapak perlulah bermula pada bulan November 2015. Ini kita hendak mengelakkan daripada pemaju-pemaju yang telah mendapat kebenaran tetapi meninggalkan rumah mampu milik ini di belakang. Ada satu perkara yang telah dibangkitkan tentang Bukit Botak, saya mengucapkan terima kasih kepada keprihatinan Yang Berhormat sekarang ini daripada 1,196 peneroka Bandar yang telah ditawarkan untuk membeli rumah berkembar di projek Bukit Botak atau di Selayang Mutiara seramai 306 peneroka bandar yang masih gagal mendapat pinjaman perumahan. Kerajaan Negeri tidak akan membiarkan mereka perkara ini telah dibentang di dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor atau MTES pada 26 Mac 2014 dan pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah diberi tempoh satu bulan untuk mengemukakan cadangan bagaimana hendak menyelesaikan masalah 300 peneroka Bandar ini. Walau bagaimanapun Yang

Amat Berhormat Tan Sri Dato' Menteri Besar Selangor akan bertemu dengan penduduk-penduduk sebelum tarikh akhir penyelesaian tersebut, dan terdapat tiga cadangan yang akan dimajukan.

Yang pertama adalah seperti cadangan asal. PKNS akan membeli rumah-rumah itu daripada mereka dengan harga sebanyak RM170 ribu maka setelah ditolak dengan harga rumah penduduk terbabit akan mendapat baki bersih sebanyak RM 71 ribu.

Yang kedua adalah dibenarkan penduduk menduduki rumah tersebut dengan membayar sewa dan membelinya apabila telah ada kemampuan akan tetapi ianya akan ditolak dengan sewa yang telah dibayar oleh penduduk terbabit.

Yang ketiga adalah penduduk peneroka Bandar berkongsi untuk membeli dengan Kerajaan Negeri dan membeli bahagian mereka secara berperingkat-peringkat. Skim ini sedang, pernah dilaksanakan malah sedang dilaksanakan di negara-negara lain seperti di *UK* di mana ia di sana dinamakan sebagai, ah! Sebagai skim *first home*. Jadi, yang ini kita akan mendapatkan satu maklum balas atau pun satu keputusan dalam masa satu bulan. Mungkin tinggal tiga minggu lagi. Juga telah turut dibangkitkan adalah tentang projek pembangunan Desa Bukit Bujang, Desa Bukit Bujang di Ampang Pecah. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu yang telah membangkitkan isu ini. Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor MMKN pada 18 Disember 2013 telah membincangkan kertas MTES mengenai permohonan daripada pemaju penyelamat untuk mendapat hak milik tanah untuk fasa dua projek ini supaya ianya dapat dibangunkan semula. Pemaju ini telah menyiapkan 16 unit rumah di fasa satu termasuk dengan kemudahan infrastruktur. Pemaju ini bercadang untuk menyiapkan fasa dua. Untuk fasa satu saya sendiri yang telah turun ke situ untuk menyerahkan *CF* mereka dengan izin. Bukannya kami tak pernah turun *site*, turun tapak. Kita dah turun dah tengok dah projek ini. MMKN telah bersetuju untuk melantik satu *task force* di bawah Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTG) untuk menilai kos pembangunan projek ini sebelum membuat keputusan untuk meluluskan permohonan pemaju *task*, pemaju. *Task force* ini akan menggesa Jabatan Penilaian Perkhidmatan Hartanah untuk mempercepatkan penilaian ke atas tanah tersebut, dan saya telah memanggil *task force* ini untuk kita mempercepatkan akan pemulihan projek Desa Bukit Bujang di Ampang Pecah. Turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekalian, oleh Yang Berhormat tentang beberapa projek pembesaran kampung contohnya Kampung Desa Mawar. Dalam projek tersebut, pembesaran kampung ini ada terdapat banyak projek-projek pembesaran kampung ini yang telah terbengkalai, dan Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk menyelesaikan secara bersepadu dan di bawah Lembaga, dan ini merupakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor agar projek-projek pembesaran kampung dikenal pasti akan jalan penyelesaiannya. Dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengadakan penyelarasan, mesyuarat penyelarasan yang pertama pada 30 Mac

2014 dan sebanyak sembilan projek telah dimasukkan atau pun telah disenaraikan untuk diselesaikan dengan satu cara. Cara yang tersendirilah kita akan bincang.

Yang pertamanya adalah Kampung Baru Kundang di Majlis Perbandaran Selayang. Nombor duanya ialah Kampung Kiai Haji Arshad di Majlis Perbandaran Selayang juga. Kemudian adalah Kampung Desa Mawar Majlis Daerah Kuala Selangor. Yang keempat ialah Kampung Desa Gayung Indah di Majlis Daerah Kuala Selangor. Lima adalah Kampung di Majlis Daerah Hulu Selangor. Dan enam adalah Kampung Desa Bukit Bujang tadi, Majlis Daerah Hulu Selangor. Tujuh ialah Kampung Melayu Rasa di Majlis Daerah Hulu Selangor dan kelapan adalah Kampung Serendah Perdana di Majlis Hulu Selangor dan sembilan ialah Kampung Jawa di Desa Beringin. Jadi, ia semua akan diselesaikan secara bersepadu. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pandamaran yang telah membangkitkan....

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya ingin penjelasan sikit lah. Tuan Speaker.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Sila.

TUAN SPEAKER: Ya. Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Cempaka, saya juga ada membangkitkan mengenai Taman Sungai Yu Indah berdekatan dengan Desa Mawar. Mungkin kot, mungkin EXCO belum sebut, iaitu 272 unit rumah teres kos rendah yang dalam jawapan bertulis daripada EXCO kepada saya pada sidang terakhir sebelum pembubaran Parlimen dijangka akan siap pada Mac 2014. Tetapi di lapangan hari ini adalah dua tiga orang pekerja hanya sekadar menjaga tapak projek berkenaan. Itu yang saya nak minta penjelasan sedikit.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Sebelum itu ada satu syarikat yang telah mengambil alih projek tersebut tetapi nampaknya ia terpaksa diambil alih oleh sekarang ini dalam perbincangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pula yang terpaksa mengambil alih. Kalau kita lihat terdiri daripada beberapa fasa iaitu fasa satu atau pun seksyen satu sebanyak 168 unit. Seksyen dua adalah 160 unit. Kesemuanya telah siap dengan CFO yang masalahnya adalah Seksyen 3, iaitu 232 unit yang terbengkalai. Yang ini, oleh kerana yang pemaju yang penyelamat, yang asal telah gagal maka terpaksa kita panggilkan PKNS untuk mengambil alih atau pun untuk melihat cara-cara macam mana untuk menyelesaikan ini. Jadi, persoalannya adalah pemaju penyelamat yang baru. Bukan, bukan yang lama. Masalah tentang Pandamaran telah dibangkit, masalah yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat Pandamaran iaitu masalah tentang nama-nama bancian di Jalan Papan. Kita sebenarnya dari segi bancian kita telah ada satu prosedur atau pun satu modus operandi di mana telah diluluskan oleh EXCO tentang bagaimana kita hendak melakukan bancian. Dan bancian ini sebenarnya bukannya *final say* sebab

dengan izin sebab setelah bancian itu dilakukan perlu dilakukan perlu dipamerkan akan perkara-perkara yang telah kita putuskan dan masyarakat mempunyai, ataupun masyarakat setempat mempunyai peluang untuk membantah, Sama ada mereka bersetuju atau tidak. Contohnya mungkin ada yang berpandangan atau maklumat baru bahawa mereka-mereka ini, mereka yang nama-nama yang diluluskan itu telah ada rumah lain telah mendapat pampasan dan banyak perkaralah. Jadi apa yang telah kita lakukan ataupun keputusan mesyuarat STANCO pada bilangan 1/2014 pada 14 Mac 2014 yang telah dilakukan adalah kita bersetuju bahawa untuk ada sekumpulan yang tidak ada langsung sebarang pertikaian kita teruskan tetapi bagi senarai keluarga yang lain pihak majlis perlu membuat proses penapisan data semula bagi mendapatkan jumlah sebenar keluarga yang layak menerima tawaran. Bermakna yang selepas itu ataupun yang bakinya itu boleh kita perlu kita ada satu lagi *voting* atau satu lagi bancian bukan bancian *voting*. Jadi syor yang syor daripada MPK sebenarnya adalah mencadangkan satu mesyuarat bersama persatuan penduduk Jalan Papan diadakan pada 17 April 2014 iaitu hari Khamis untuk memaklumkan pihak majlis akan membuat penandaan rumah dan bancian semula. Kerja-kerja penandaan akan dijalankan selama dua hari bermula 18 dan 19 April 2014, Jumaat dan Sabtu dan semakan semula bancian akan dijalankan pada 21 dan 22 April 2014. Sebenarnya kes ini saya nak bincangkan sekali dengan pihak MPK, bukan saja untuk di Jalan Papan ini tetapi terdapat masalah lain di Desa Kerayung yang baru-baru ini pun saya telah berbincang dengan Yang Berhormat Ahli Parlimen dan wakil-wakil penduduk. Jadi bermakna insya-Allah saya berharap bahawa benda ini kita akan bincangkan semulalah untuk makluman Yang Berhormat. Seterusnya telah dibangkitkan oleh Taman Medan tentang nama-nama mereka yang memilih untuk memiliki unit atau pun di Petaling Jaya Selatan atau mereka-mereka yang dipanggil sebagai peneroka bandar di mana nama mereka-mereka yang memilih untuk memiliki unit di Lembah Subang telah dihantar kepada pihak yang pihak Jabatan Perumahan Negaralah. Tetapi penyelesaian kepada mereka yang masih mahu kekal di kawasan atau pun untuk membeli pangsapuri yang asal yang ini kita perlukan satu usaha yang baru. Sebab masalahnya usaha kita untuk mengambil alih tanah pemaju itu telah gagal, kita telah kalah di mahkamah, jadi bermakna perlu kita ada satu cara yang lain bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua sebelum saya mengakhiri ucapan saya....

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Izinkan saya, atas isu blok E tadi Taman Medan atas isu blok E tadi sebab dia sempadan dengan kawasan saya. berapa pemilik yang mahu tinggal lagi di sana dan dalam pembangunan blok F yang saya difahamkan telah lulus kenapa mereka tidak ditempatkan di sana.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Kalau kalau kita ingat bahawa dalam satu taklimat kepada penduduk-penduduk di Kelana Jaya bahawa kita minta mereka kepada tiga jenis kita bagi mereka tiga jenis pilihan. Pilihan pertama adalah

kekal di tempat asal iaitu kekal di tempat asal, pilihan kedua adalah mereka pergi ke Lembah Subang dan pilihan ketiga adalah di mana-mana ataupun membeli atau mendapat rumah kos rendah di mana-mana di Petaling Jaya dan juga ada satu pilihan iaitu membeli rumah mampu milik di kawasan tersebut. Untuk membeli rumah untuk Kerajaan Negeri membina rumah mampu milik di kawasan tersebut dan untuk memberikan mereka rumah di Lembah Subang Dua perlu satu apa yang dipanggil *exercise* untuk *cross subsidise* tapi masalahnya tanah yang kita nak ambil daripada pihak pemaju itu kita tak dapat tanah tersebut jadi kita kena bincang balik semula satu strategi semula nak *distrategise* balik tentang isu ini sebab pelan kita adalah kalau kita dapat tanah daripada pemaju kita akan dapat binakan rumah mampu milik dan *cross subsidise* untuk rumah-rumah yang akan dibina untuk penduduk atau membina membeli rumah di Lembah Jaya di Lembah Subang Dua tapi masalahnya benda itu tidak menjadi oleh kerana masalah tanah tersebut. Jadi kena bincang balik semula. Yang terakhir ingin saya bangkitkan adalah mengenai kuota bumiputera yang kuota atau dipanggil sebagai diskaun untuk perumahan untuk bumiputera, saya lihat bahawa telah dibangkitkan di dalam media bahawa Selangor tidak ada lagi diskaun membeli rumah untuk Bumiputera. Ingin saya tegaskan di sini apa yang saya katakan atau jawab pada hari pertama atau kedua hari tu adalah bahawa untuk rumah kos atau pun rumah Selangorku memang kita tidak mempunyai kuota Bumiputera kuota atau pun diskaun Bumiputra, ada dua perkara di sini, sama ada diskaun Bumiputera atau pun kuota Bumiputra saya telah tegaskan kuota Bumiputra masih ada ikut *blueprint* Perumahan Negeri Selangor tetapi dari segi diskaun untuk Bumiputera memang betul untuk rumah Selangorku tidak ada diskaun Bumiputra oleh kerana rumah Selangorku itu memang sudah ada diskaun. Contohnya, saya nak ambil dua contoh iaitu projek PKNS di Bandar Baru Bangi, di mana rumah tersebut dijual dengan harga di bawah RM99,000 tetapi kos yang telah di kos pembinaan yang terpaksa ditanggung oleh PKNS adalah lebih kurang RM130,000 bermakna PKNS pun telah pun seolah-olah telah ada satu subsidi sebanyak RM30,000 dijual di bawah sembilan di jual di bawah RM100,000 tetapi kos sebenarnya adalah RM130,000 begitu juga yang baru-baru ini kita telah mendapat kebenaran merancang di Kampung Seri Temenggung Batu Cave harga nak jual adalah sebanyak RM180,000 tetapi harga ataupun kos untuk membinanya adalah melebihi RM200,000 ini pun satu lagi projek PKNS melebihi RM205,000 bermakna PKNS ataupun pemaju perlu memberi subsidi jadi bermakna bahawa saya kita merasakan kerajaan negeri merasakan bagi rumah-rumah Selangorku bawah RM250,000 maka tidak diberikan lagi diskaun sebab memang dah ada diskaun atau subsidi tetapi bagi rumah-rumah kos lain masih ada diskaun yang saya nak betulkan juga ada yang berkata bahawa dulu ada mengatakan diskaun tujuh peratus (7%) bukan tujuh peratus (7%), tapi lima peratus (5%). Tujuh peratus (7%) tu adalah dua peratus (2%) penalti, lima campur dua (5+2) penalti sekiranya pihak pemaju menjual kuota Bumiputra tanpa memberitahu kerajaan negeri memang dia akan kena tujuh peratus (7%) termasuk penalti. Jadi saya hendak menegaskan di sini masih ada lagi diskaun. Jadi tidak betul apa yang dilaporkan di dalam akhbar, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Ya, terima kasih puan speaker. Saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Sekinchan ya tentang isu jeti dan pelantar ikan di Kampung Bagan. Dan isu tanah dan jeti ataupun pelantar ikan adalah masalah yang lama yang berlaku di kawasan Kampung Bagan dan sekarang untuk maklumat Sekinchan kawan saya telah masuk ya untuk maklumat yang Berhormat pihak LUAS dalam proses untuk menggubal satu garis panduan cuba untuk memutihkan jeti-jeti dan juga pelantar ikan dan saya akan cuba sedaya upaya untuk memastikan garis panduan ini daripada LUAS adalah munasabah dan dapat diterima oleh semua pihak dan saya juga akan merancang satu dialog dengan para nelayan di kawasan Bagan saya berharap Yang Berhormat daripada Sekinchan boleh membantu saya merancang untuk mendengar rintihan mereka dan pandangan mereka tentang garis panduan ini supaya kita dapat melicinkan proses untuk dalam program pemutihan ini. Ya, sekian Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia ini, di dalam manifesto pilihanraya ke-13 yang disebutkan oleh Kota Anggerik semalam bahawa terdapat satu manifesto di bawah pembangunan usahawan inovasi iaitu mencadangkan penubuhan Perbadanan Keusahawanan Negeri Selangor. Tuan Speaker jawatankuasa tetap pembangunan usahawan sebenarnya telah merancang gagasan menzahirkan PUNS ini iaitu Perbadanan Usahawan Negeri Selangor dengan teliti dan menyeluruh. Jadi tidak benar kalau Kota Anggerik menyatakan tiada usaha yang dibuat untuk melaksanakan PUNS ini. Ingin saya memaklumkan kepada ahli-ahli yang Berhormat semua iaitu pelaksanaan PUNS ini meliputi beberapa peringkat dan telah ditentukan *timeline* nya jadi tidaklah apa bukan hari ini kita memikirkan hari ini juga ia akan terlaksana. Jadi beberapa bengkel telah dijalankan bagi membincangkan dengan mendalam tentang PUNS ini dan hasilnya satu kertas konsep hasil induk telah dihasilkan. Kertas konsep ini telah diangkat dan dibentangkan kepada kerajaan Negeri di dalam temu rapat EXCO di Bangkok pada 18 hingga 20 September yang lepas dan di dalam perancangan ini PUNS telah pun kerajaan Negeri tidak pun berhasrat untuk menubuhkan Perbadanan Usahawan Negeri Selangor tetapi ditukar kana kepada Pusat Keusahawanan Negeri Selangor seperti yang diputuskan di dalam temu rapat itu tersebut. Dan di dalam temu rapat ini menyatakan bahawa memusatkan semua aktiviti dan program keusahawanan di bawah Pusat Keusahawanan Negeri Selangor sebagai sebuah agensi Sehenti bagi pembangunan usahawan. Jadi kita telah pun kita telah pun membuat keputusan untuk melaksanakan secara berperingkat mulai 2014 sehingga 2016. Kita juga bergerak menepati *masterplan* ini secara konsepnya pelaksanaan PUNS menyantuni semua *stakeholders* berkaitan iaitu usahawan *Standco*, usahawan

agensi-agens kerajaan yang berkaitan keusahawanan antaranya adalah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor, Seksyen Sektor, UPEN, unit Industri Asas Tani, Jabatan Pertanian Negeri Selangor, Unit Industri Asas Ternakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor, Unit Industri Asas Ternak Perikanan Negeri Selangor, Yayasan Darul Qard Al-Hasan di bawah MBI yang menguruskan program mikrokredit miskin Bandar (MIMBAR) dan skim mikrokredit Selangor (SkimSell) dan Unit Pembangunan Usahawan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor. Jadi selain daripada itu, antara tiga komponen utama yang dilaksanakan yang akan dilaksanakan di bawah PUNS itu adalah Pembangunan Usahawan seterusnya pembangunan usahawan *cluster* dan seterusnya pemerksaan usahawan yang mana pemerksaan usahawan ini adalah antaranya adalah untuk melaksanakan program-program seperti konvensyen usahawan promosi kajian pasaran RMD, Program Synergy, Bazar Darul Ehsan dan program 4P iaitu program Peningkatan, Pengupayaan, Pembungkusan Produk serta mewujudkan direktori keusahawanan seterusnya skim dana Darul Ehsan iaitu cadangan untuk membantu usahawan melalui skim bantuan pembiayaan tetapi yang ini masih di dalam proses perbincangan kerana ia melibatkan implikasi kewangan yang banyak daripada kerajaan negeri. Tuan Speaker saya ingin menerangkan sedikit tentang program 4P ini. Kerajaan negeri telah pun bersetuju meluluskan hampir setengah juta ringgit pada 2014 ini bagi melahirkan 50 usahawan setahun dalam bidang 4P ini di mana program 4P ini dilaksanakan dengan kerjasama SIRIM yang mana para usahawan akan mendapatkan khidmat nasihat ujian nutrisi, reka bentuk pembungkusan *patern*, persijilan halal dan sebagainya. Usahawan akan diberi pembungkusan bertahap tinggi hingga boleh menembusi pasaran *hypermarket* dan antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, saya ucapkan tahniah kepada Kota Anggerik kerana sepanjang menjadi EXCO usahawan penggal lepas iaitu daripada 2008 sehingga 2013 telah berjaya melahirkan seramai lima belas (15) orang usahawan 4P dan kita juga dalam masa 10 bulan ini semasa saya menjaga usahawan ini kita akan melahirkan tidak lama lagi mungkin bulan Jun, kita akan melahirkan 25 orang usahawan 4P. Jadi ini adalah antara program-program yang kita akan melaksanakan untuk mempertingkatkan usahawan kita.

Seterusnya, untuk pengetahuan ahli-ahli Yang Berhormat program 4P ini adalah yang kita laksanakan untuk penambahbaikan antaranya adalah penjimatan duit Kerajaan Negeri yang mana pada sesi lepas Kerajaan Negeri membelanjakan sejumlah RM13,000 untuk seorang usahawan dan tetapi kali ini kita dapat mengurangkan harga perbelanjaan tersebut iaitu sebanyak RM10,000 bagi setiap orang usahawan dan kita juga mewajibkan agar usahawan membayar sebanyak RM2,000 bagi komitmen usahawan tersebut dan ini dapat digunakan untuk menaja bakal usahawan 4P yang akan bersama pada fasa yang seterusnya. Jadi penjimatan duit Kerajaan Negeri ini dapat mengurangkan perbelanjaan Kerajaan Negeri. Jadi Tuan Speaker, sepanjang Jun 2013 hingga Mac 2014, antara

komponen PUNS ini yang telah kita zahirkan adalah satu portal *directory* usahawan, 25 usahawan 4P dan kita akan menzahirkan Bazar Darul Ehsan Kuala Langat. Kota Anggerik dalam ucapan perbahasan, ada menyentuh tentang pusat pengumpulan IKS dan beliau telah pun meninggalkan satu Bazar Darul Ehsan Kuala Langat yang baru siap manakala di Sepang pula adalah bangunan yang sangat uzur dan tidak sesuai untuk digunakan. Jadi kerja-kerja ke arah untuk memasukkan ataupun melancarkan Bazar Darul Ehsan Kuala Langat ini sedang rancak dijalankan yang mana 14 orang usahawan bakal terlibat. Empat orang usahawan utama iaitu daripada Jabatan Pertanian, daripada Jabatan Veterinar, daripada Perikanan dan seorang usahawan wanita. Kesemuanya ditempatkan di dalam bangunan Bazar Darul Ehsan ini manakala di perkarangan Bazar Darul Ehsan ini kita akan menempatkan 10 orang usahawan *kiosk* dan lima daripadanya adalah usahawan belia yang berusia 35 tahun ke bawah dan insya-Allah ia akan dilancarkan sekitar bulan Mei atau Jun sebelum Ramadhan ini. Bazar Darul Ehsan ini juga dicadangkan dan akan dilaksanakan di seluruh sembilan buah daerah di seluruh Selangor selepas Bazar Darul Ehsan Sepang ini dibaikpulih. Ia akan diikuti oleh tujuh Bazar Darul Ehsan yang lain dan insya-Allah Bazar Darul Ehsan induk iaitu peringkat negeri Selangor akan dibina sebagai klimaks untuk Bazar Darul Ehsan untuk seluruh Selangor.

Tuan Speaker, secara tidak langsung program pembangunan keusahawanan ini akan menjadi platform keusahawanan bagi satu kerjaya ataupun kerjaya kedua kepada rakyat Selangor yang berminat menjadi usahawan seperti yang disentuh oleh YB-YB daripada Tanjung Sepat dan juga daripada Dengkil. Seterusnya saya ingin respons terhadap YB Sekinchan yang mana Sekinchan menyentuh tentang perlunya MB dan EXCO untuk turun padang bersama rakyat. Suka saya ingin berkongsi dengan ahli-ahli Yang Berhormat semua, yang mana di bawah *Standco* kesihatan, kita ada program Kempen Gaya Hidup Sihat ataupun singkatannya Sihat Selangor. Ia merangkumi berjalan kaki 10 ribu langkah dan kayuhan jantungku juga aktiviti kecergasan fizikal lain yang akan menjadikan tubuh badan kita sihat sejajar dengan saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Program ini telah dirancang dan kita laksanakan meliputi kesemua 12 PBT. Setakat ini kita berjaya melaksanakan di dua PBT iaitu di Majlis Perbandaran Kajang pada 15 Februari yang lepas dan Majlis Daerah Sabak Bernam pada 29 Mac yang lepas dan akan disusuli dengan Majlis Perbandaran Selayang dan sembilan PBT yang lain. *Insya-Allah* kita akan menyeluruh ke seluruh Selangor dan saya mengharapkan di dalam program ini Menteri Besar, EXCO dan juga semua ADN-ADN akan bersama di dalam program Sihat Selangor ini.

Tuan Speaker, program Sihat Selangor ini telah menunjukkan kejayaan apabila mendapat sambutan yang hangat daripada penduduk di setiap tempat yang kita pergi. Yang mana di Kajang, kita hampir menerima hampir 2 ribu peserta juga di Sabak Bernam tetapi masalah kita adalah bajet untuk *Standco* kesihatan adalah agak *limited* maka mungkin kita akan memohon bajet tambahan untuk *Standco*

kesihatan ini. Seterusnya untuk Seri Serdang yang menyebut tentang perlunya ADN, kakitangan kerajaan, pegawai pusat khidmat masyarakat serta ketua-ketua kampung diberikan rawatan kesihatan di hospital atau pun klinik-klinik panel swasta yang terpilih dan saya amat setuju dan menyokong saranan tersebut dan *insya-Allah* mungkin kita akan masukkan satu kertas cadangan untuk dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri. Seterusnya Taman Templer menyebut tentang perkhidmatan Wifi Selangorku, suka saya menyebut bahawa kita telah pun menjemput ADN-ADN dan juga pegawai pusat khidmat untuk ke satu majlis dialog dan juga taklimat tentang Wifi Selangorku pada 20 Januari yang lepas yang mana kita ingin mendapatkan maklum balas daripada ADN-ADN tentang keberkesanan Wifi Selangorku tersebut. Antaranya adalah *re-lokasi* tempat-tempat untuk Wifi ini jadi kita telah pun mendapatkan maklum balas daripada beberapa ADN untuk mendapatkan *re-lokasi* terhadap *hotspot* Wifi ini. Jadi kita masih menunggu lagi beberapa ADN-ADN lain yang belum lagi memberi maklum balas dan apabila telah mendapatkan keseluruhan maklum balas, kita beri tempoh sehingga penghujung April maka kita akan melaksanakan *re-lokasi hotspot* wi-fi Selangorku ini. Seterusnya Dengkil ada menyebut tentang pusat dialisis rakyat. Sejumlah 112 orang penerima rawatan di pusat dialisis rakyat ini dan terdapat empat buah lokasi iaitu pusat dialisis rakyat. Iaitu di Ampang, Taman Medan, Sementa dan Lembah Keramat dan kita mempunyai 36 mesin di pusat dialisis rakyat ini. Tadi disebutkan bahawa hanya segelintir sahaja iaitu sebanyak 112 orang penerima kerana untuk pengetahuan ahli-ahli Yang Berhormat, satu mesin dialisis ini hanya boleh *accommodate* dengan izin empat orang pesakit sahaja kerana satu mesin satu sesi adalah selama empat jam. Jadi satu hari hanya boleh digunakan oleh dua orang pesakit dan esoknya untuk pesakit yang lain. Seterusnya pada hari ketiga, pesakit yang pada hari yang pertama ini akan menggunakan semula. Jadi hanya empat orang pesakit sahaja yang boleh menggunakan satu mesin tersebut. Jadi buat masa sekarang kita hanya ada 36 mesin di empat buah lokasi pusat dialisis. *Insya-Allah* mungkin dalam bulan Jun satu lagi pusat dialisis rakyat di Sri Muda akan beroperasi. Jadi *insya-Allah* akan ada tambahan pesakit untuk menerima rawatan tersebut.

Seterusnya Sungai Air Tawar ada menyebut tentang aedes, pagi tadi saya telah pun menerangkan tentang langkah-langkah Kerajaan Negeri terhadap pencegahan kes-kes denggi tetapi *insya-Allah* pada minggu ini dan seterusnya nampaknya kes-kes denggi dah semakin menurun, sebelum ini dalam masa lima bulan kes-kes denggi di Selangor memang amat tinggi iaitu seribu lebih seminggu kes-kes denggi berlaku di seluruh Selangor tetapi pada minggu ini ia telah pun menurun kepada 640 dan *insya-Allah* ia akan menurun kerana keadaan cuaca yang lebih baik dan kita sentiasa memantau dan Kerajaan Negeri sentiasa membuat pemantauan dengan melaksanakan dan juga membuat mesyuarat mingguan untuk mendapat maklum balas di setiap daerah di seluruh Selangor dan sekiranya ia menurun sehingga 500 ke bawah, barulah kita dapat agak rasa selesa untuk pemantauan tersebut. Tapi dalam masa lima bulan ini PBT, pihak kesihatan daerah semuanya bekerja keras

untuk membanteras dan juga memantau nyamuk aedes ini dan juga kes-kes denggi. Jadi saya kira antaranya itu yang telah pun diperbincangkan atau pun disentuh oleh YB-YB tadi daripada Kota Anggerik, Tanjung Sepat, Kajang, Taman Templer, Dengkil, Sungai Air Tawar, Seri Serdang dan juga Paya Jaras. Jadi saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas perhatian...

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sementa, Kota Damansara minta penjelasan.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Nak mohon tadi penjelasan fasal isu yang saya bawa berkenaan dengan tikus yang berkeliaran.

Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih, Kota Damansara. Sebenarnya isu tikus ini iaitu kalau ada tikus bermakna ada kekotoran, kalau ada kekotoran bermakna ada sampah dan kalau sampah bermakna pihak PBTlah yang harus melaksanakan pembersihan. Jadi setelah dijangkiti oleh kencing tikus, masuk hospital baru lah kesihatan masuk. Jadi saya mungkin pihak PBTlah yang membuat pembasmian terhadap tikus ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Saya nak tambah sedikit. Adakah mungkin ada program seperti yang telah dijalankan iaitu melepaskan nyamuk *toxco*, nyamuk gajah kan di tempat Kampung Sri Aman, Puchong contohnya untuk nak membiakkan nyamuk tersebut. Mungkin boleh buat cara yang sama untuk tikus ini buat pembiakan di suatu tempat supaya ia tidak membiak di tempat lain.

TUAN SPEAKER: Sementa, sila jawab.

Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih...

TUAN SPEAKER: Baiklah, jam sudah menunjukkan pukul 6.00 petang. Kita sambung perbahasan ataupun penjelasan mengenai isu tikus esok pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan pukul 6.00 petang, maka Dewan ditangguhkan sehingga ke hari esok, 11 April 2014 bermula jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang)